



MALAYSIA PRESTASI PELABURAN 2011

EMBARGO

Kandungan terbitan ini tidak boleh digunakan atau diringkaskan
dalam cetakan, penyiaran atau media elektronik sebelum

21 Februari 2012, 13:30 GMT

MALAYSIA PRESTASI PELABURAN 2011

Februari 2012

© Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

Semua Hakcipta Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian atau apa jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada MIDA. Fakta dan angka adalah benar pada masa cetakan.

KANDUNGAN

1	PENGENALAN	1
2	SENARIO PELABURAN GLOBAL	5
3	PRESTASI PELABURAN MALAYSIA	11
4	PELABURAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN	15
	A. PROJEK YANG DILULUSKAN	15
	• Tinjauan	15
	• Projek Diluluskan Mengikut Hak Milik	20
	• Projek Diluluskan Mengikut Lokasi	26
	B. PRESTASI SEKTOR PERKILANGAN MENGIKUT INDUSTRI	28
	• Produk Elektrikal dan Elektronik	28
	• Kelengkapan Pengangkutan	36
	• Jentera dan Kelengkapan	44
	• Industri Sokongan Kejuruteraan	50
	• Produk Logam Asas	55
	• Produk Logam Fabrikasi	58
	• Tekstil dan Produk Tekstil	60
	• Industri Peralatan Perubatan	63
	• Pertanian dan Pemprosesan Makanan	67
	• Produk Kelapa Sawit	71
	• Kimia dan Produk Kimia	76
	• Industri Bioteknologi	81
	• Produk Petroleum termasuk Petrokimia	83
	• Produk Plastik	85
	• Produk Getah	89
	• Kayu & Produk Kayu dan Perabot	92
	• Produk Galian Bukan Logam	95
	• Industri Kertas, Percetakan dan Penerbitan	97
	C. PELAKSANAAN PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN	100

5	PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN	105
• Pertubuhan Serantau	105	
– Ibu Pejabat Operasi (OHQ)	106	
– Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC)	110	
– Pusat Pengedaran Serantau (RDC)	112	
– Pejabat Serantau/Perwakilan (RO/RE)	113	
– Hab Operasi Global	115	
• Perkhidmatan Sokongan	117	
– Tenaga Boleh Diperbaharui	118	
– Kecekapan/Penjimatan Tenaga	120	
– Aktiviti Rangkaian Sejuk	121	
– Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS)	122	
– Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (IILS)	123	
– Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)	123	
– Perkhidmatan Sokongan Pemasaran Bersepadu (IMS)	124	
• Syarikat Berstatus MSC	124	
• Hartanah (Perumahan)	125	
• Pengangkutan	125	
• Tenaga	125	
• Telekomunikasi	126	
• Perkhidmatan Kewangan	126	
• Perdagangan Pengedaran	126	
• Hotel dan Pelancongan	128	
• Perkhidmatan Pendidikan	128	
• Perkhidmatan Kesihatan	129	
6	PELABURAN DALAM SEKTOR UTAMA	131
• Pertanian	131	
• Perlombongan	131	
• Perladangan dan Komoditi	131	
7	TINJAUAN PELABURAN	133
8	LAMPIRAN	L1 - L12

LAMPIRAN

1	PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN, 2011 DAN 2010	L-1
2	PROJEK PERKILANGAN BARU YANG DILULUSKAN MENGIKUT SAIZ MODAL PELABURAN, 2011 DAN 2010	L-2
3	PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN MENGIKUT INDUSTRI, 2011 DAN 2010	L-3
4	PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN DENGAN PELABURAN RM100 JUTA DAN KE ATAS, 2011	L-4
5	PROJEK PERKILANGAN BARU DAN PEMBESARAN/PELBAGAIAN YANG DILULUSKAN MENGIKUT INDUSTRI, 2011 DAN 2010	L-5
6	PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN DENGAN PENYERTAAN MAJORITI RAKYAT MALAYSIA MENGIKUT INDUSTRI, 2011 DAN 2010	L-6
7	PROJEK YANG DILULUSKAN BAGI INDUSTRI SOKONGAN KEJURUTERAAN MENGIKUT SUBSEKTOR, 2011	L-7
8	PROJEK YANG DILULUSKAN BAGI INDUSTRI ELEKTRIK & ELEKTRONIK MENGIKUT SUBSEKTOR, 2011	L-8
9	PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN DENGAN PENYERTAAN ASING MENGIKUT SUMBER, 2011 DAN 2010	L-9
10	PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN MENGIKUT NEGERI, 2011 DAN 2010	L-10
11	PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN BAGI KORIDOR EKONOMI, 2011 DAN 2010	L-11
12	PELABURAN SWASTA YANG DILULUSKAN DALAM EKONOMI MALAYSIA, 2011 DAN 2010	L-12

1 PENGENALAN

Ekonomi Malaysia terus berkembang di sebalik persekitaran luar yang lebih mencabar. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar mencatatkan pertumbuhan 5.1 peratus pada tahun 2011¹.

Walaupun dengan persekitaran ekonomi yang mencabar, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi disebabkan permintaan domestik yang lebih kukuh. Permintaan domestik yang teguh adalah dipacu oleh pertambahan perbelanjaan isirumah dan perniagaan serta juga perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi.

Dalam masa yang sama, dari sudut penawaran, sektor perkilangan mencatatkan prestasi yang ternyata lebih baik disokong oleh output kukuh bahan berkaitan pembinaan dan industri berdasarkan sumber. Selaras dengan keteguhan dalam penggunaan swasta, pertumbuhan sektor perkhidmatan dijangka akan mengalami pertumbuhan kukuh yang diterajui oleh subsektor perdagangan, pengangkutan dan kewangan.

PERKILANGAN

Perkilangan terus menjadi sektor penting ekonomi dengan menyumbang sebanyak 27.5 peratus kepada KDNK pada tahun 2011. Nilai ditambah dalam sektor perkilangan berkembang sebanyak 4.5 peratus dalam tempoh masa yang sama.

Eksport keluaran pengilangan menyumbang kepada 67.7 peratus daripada jumlah eksport Malaysia pada tahun 2011. Ianya meningkat sebanyak 2 peratus kepada RM470.3 bilion pada tahun 2011 daripada RM461 bilion pada tahun 2010. Gunatenaga dalam sektor perkilangan dianggarkan seramai 3.5 juta orang atau 28.7 peratus daripada jumlah gunatenaga pada tahun 2011².

¹ Jabatan Statistik.

² Laporan Ekonomi 2011/2012, Kementerian Kewangan, Malaysia.

Prestasi sektor perkilangan yang semakin baik juga dicerminkan dengan pengembangan output perindustrian sektor tersebut (sepertimana diukur oleh indeks pengeluaran perindustrian), nilai jualan dan produktiviti Indeks pengeluaran dan nilai jualan sektor ini masing-masing berkembang sebanyak 4.7 peratus dan 10 peratus pada tahun 2011 berbanding dengan tahun 2010. Produktiviti dalam sektor ini yang diukur berdasarkan nilai jualan setiap pekerja mencatatkan pertumbuhan sebanyak 9.6 peratus¹ pada tahun 2011.

PERKHIDMATAN

Sektor perkhidmatan merangkumi aktiviti meluas dan pelbagai seperti pengangkutan; telekomunikasi; perkhidmatan kewangan (perbankan, insuran dan pasaran modal); harta tanah; perkhidmatan perniagaan dan profesional; utiliti; perdagangan pengedaran; hotel dan pelancongan; pendidikan dan perkhidmatan kesihatan.

Sektor perkhidmatan adalah penyumbang terbesar kepada KDNK Malaysia. Pada tahun 2011, sektor ini menyumbang 58.6 peratus kepada KDNK. Sektor perkhidmatan mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 6.8 peratus dalam nilai ditambah bagi tempoh yang sama. Gunatenaga dalam sektor perkhidmatan dianggarkan seramai 6.5 juta orang atau 53.3 peratus daripada jumlah gunatenaga pada tahun 2011². Produktiviti sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 4.3 peratus pada tahun 2011³ yang diterajui oleh subsektor telekomunikasi; utiliti; pengangkutan serta penyimpanan yang masing-masing berkembang sebanyak 6.8 peratus, 5.5 peratus dan 5.4 peratus.

³ Perbadanan Produktiviti Malaysia

SEKTOR UTAMA

Sektor pertanian mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 5.6 peratus pada tahun 2011. Sektor ini menyumbang 7.3 peratus kepada KDNK. Gunatenaga dalam sektor pertanian dianggarkan seramai 1.4 juta orang atau 11.5 peratus daripada jumlah gunatenaga pada tahun 2011².


Sektor perlombongan dan kuari mencatatkan penurunan sebanyak 5.7 peratus pada tahun 2011. Ia menyumbang 6.3 peratus kepada KDNK. Gunatenaga dalam sektor ini dianggarkan seramai 42,000 orang daripada jumlah gunatenaga pada tahun 2011².

2 SENARIO PELABURAN GLOBAL

ALIRAN MASUK FDI

Mengikut *World Investment Report 2011* oleh *United Nations Conference on Trade and Development* (UNCTAD), aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI)⁴ global pada tahun 2010 meningkat secara sederhana sebanyak 5 peratus kepada US\$1.24 trilion daripada US\$1.18 trilion pada 2009. Buat pertama kalinya, negara membangun dan dalam peralihan menarik lebih daripada setengah aliran masuk FDI global manakala aliran masuk FDI ke negara maju terus menurun.

Graf 1
Aliran Masuk FDI Mengikut Ekonomi, 2005 - 2010



Sumber: *World Investment Report, 2011*

Amerika Syarikat mengekalkan kedudukannya sebagai penerima aliran masuk FDI terbesar (US\$228 bilion) pada tahun 2010, diikuti oleh Republik Rakyat China (US\$106 bilion), Hong Kong (US\$69 bilion) and Belgium (US\$62 bilion).

⁴ FDI ditakrif oleh UNCTAD sebagai suatu pelaburan antarabangsa yang dibuat dengan objektif mengekalkan kepentingan berterusan entiti residen dalam sebuah ekonomi di dalam entiti residen sebuah ekonomi yang lain. Ianya merangkumi ekuiti modal, pendapatan dilabur semula dan transaksi hutang antara syarikat dan sebahagian besarnya adalah berdasarkan kepada statistik imbalan bayaran balik negara.

Pemulihan aliran FDI pada tahun 2010 menunjukkan paten yang tidak sekata di mana terdapat peningkatan dalam penggabungan dan perolehan (M&A) seberang sempadan dan juga pendapatan dilabur semula dalam negara membangun serta penurunan dalam pelaburan *greenfield*.


Aliran masuk FDI ke negara maju dan negara peralihan terus menguncup pada tahun 2010. Sebaliknya, aliran masuk FDI ke negara membangun meningkat sebanyak 12 peratus (kepada US\$574 bilion) pada tahun 2010. Ini adalah hasil daripada pemulihan ekonomi negara membangun yang secara relatifnya agak pantas, kekuatan permintaan domestik, dan aliran Negara-negara Selatan yang semakin besar. Nilai M&A seberang sempadan ke dalam negara membangun meningkat dua kali ganda disebabkan oleh penilaian menarik aset syarikat, pertumbuhan pendapatan kukuh dan asas ekonomi yang teguh.

Aliran masuk FDI ke Asia Timur, Asia Tenggara dan Asia Selatan secara keseluruhannya meningkat sebanyak 24 peratus pada tahun 2010 yang mencapai US\$300 bilion. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga sub wilayah berkenaan mengalami trend yang amat berbeza: aliran masuk ke negara ASEAN melebihi dua kali ganda; aliran masuk ke Asia Timur menunjukkan peningkatan sebanyak 17 peratus; dan FDI ke Asia Selatan menurun sebanyak satu perempat. Republik Rakyat China merupakan penerima terbesar FDI di Asia (US\$105.7 bilion), diikuti oleh Hong Kong (US\$68.9 bilion) dan Singapura (US\$38.6 bilion).

Aliran masuk FDI ke Malaysia melonjak semula dengan kukuh daripada US\$1.4 bilion pada tahun 2009 kepada US\$9.1 bilion pada tahun 2010 iaitu peningkatan sebanyak 550 peratus. Aliran masuk FDI ke Singapura juga mencatatkan pertumbuhan kukuh daripada US\$15.3 bilion pada tahun 2009 kepada US\$38.6 bilion pada tahun 2010 manakala aliran masuk ke Indonesia meningkat kepada US\$13.3 bilion pada tahun 2010, daripada US\$4.9 bilion pada tahun 2009.

Pertumbuhan di negara ASEAN dipacu khususnya oleh permintaan domestik yang teguh dan terutamanya oleh perkembangan kukuh dalam aktiviti sektor swasta. Malaysia merupakan penerima ketiga terbesar di kalangan Negara ASEAN pada tahun 2010 selepas Singapura dan Indonesia.

Graf 2
Aliran Masuk FDI ke Negara ASEAN, 2010




ALIRAN KELUAR FDI

Mengikuti trend aliran masuk FDI, aliran keluar FDI global meningkat sebanyak 13.1 peratus daripada US\$1.1 trilion pada tahun 2009 kepada US\$1.3 trilion pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, paras ini masih berada di bawah puncaknya pada tahun 2007 (US\$2.1 trilion).

Aliran keluar FDI dari negara maju meningkat sebanyak 10 peratus daripada US\$0.8 trilion pada tahun 2009 kepada US\$0.9 trilion pada tahun 2010. Negara maju kekal sebagai kumpulan pelabur keluar bersih terbesar.

Aliran keluar FDI dari negara membangun meningkat sebanyak 20.9 peratus daripada US\$270.7 bilion pada tahun 2009 kepada US\$327.6 bilion pada tahun 2010. Aliran keluar FDI dari negara membangun dan peralihan mencapai US\$388 bilion pada tahun 2010, iaitu peningkatan sebanyak 21 peratus berbanding dengan tahun 2009. Aliran keluar mencerminkan kekuahan ekonomi, kedinamikan syarikat transnasional (TNC) dan aspirasi yang semakin meningkat untuk bersaing dalam pasaran baru.

Graf 3
Aliran Keluar FDI Mengikut Ekonomi, 2005 - 2010



Sumber: *World Investment Report, 2011*

Pada tahun 2010, aliran keluar FDI dari Selatan, Timur dan Tenggara Asia meningkat sebanyak 19.8 peratus kepada US\$231.6 bilion. Sumber utama aliran keluar FDI adalah Hong Kong (US\$76.1 bilion), Republik Rakyat China (US\$68 bilion), Singapura (US\$19.7 bilion), Republik Korea (US\$19.2 bilion) dan India (US\$14.6 bilion).

Dalam Asia Tenggara, Singapura merupakan sumber terbesar aliran keluar FDI pada tahun 2010 dengan US\$19.7 billion diikuti oleh Malaysia dengan US\$13.3 bilion.

Secara keseluruhan, negara maju hanya menunjukkan pemulihan terhad dalam aliran keluar FDI mereka. Aliran keluar dari Eropah dan Amerika Syarikat masing-masing meningkat (9.6% dan 16%), manakala aliran keluar dari Jepun menurun lagi pada tahun 2010 (turun 25%).

PROSPEK MASA DEPAN

UNCTAD di dalam *World Investment Report 2011* mengunjurkan aliran FDI global akan kembali pulih ke paras pra-krisis pada tahun 2011, iaitu meningkat kepada US\$1.4 – US\$1.6 trillion. Aliran FDI dijangka akan terus meningkat kepada US\$1.7 trillion pada tahun 2012 dan mencapai US\$1.9 trillion pada tahun 2013.

Mod bukan ekuiti (NEM) mekanisma pengeluaran antarabangsa seperti pengilangan kontrak, penyumberan luar perkhidmatan, perladangan kontrak, aktiviti francais, pelesenan dan kontrak pengurusan boleh dianggap sebagai bentuk alternatif bagi pelaburan. Di seluruh dunia, NEM telah menghasilkan jualan melebihi US\$2 trillion pada tahun 2010. Dalam kebanyakan kes, NEM semakin bertambah dengan lebih pesat daripada industri di mana mereka beroperasi. Malaysia adalah lokasi yang kompetitif bagi aktiviti NEM khususnya dalam pengilangan kontrak dan penyumberan luar. Bidang pertumbuhan bagi sektor perkilangan adalah industri mesin dan kelengkapan (M&E), industri elektronik (termasuk semikonduktor) dan industri peralatan perubatan.

Berdasarkan penerbitan suku tahun UNCTAD yang terkini⁵, aliran masuk FDI meningkat sebanyak 17 peratus pada tahun 2011 kepada US\$1.5 trilion yang mengatasi paras purata pra-krisis (2005-2007) berjumlah US\$1.47 trilion walaupun terdapat pergolakan ekonomi global. Ekonomi membangun dan dalam peralihan terus menyumbang kepada setengah daripada FDI global pada tahun 2011 di mana aliran masuk ke negara-negara tersebut mencapai rekod baru yang dianggarkan berjumlah US\$755 bilion yang dipacu terutamanya oleh pelaburan *greenfield* yang teguh.

Pada masa hadapan, UNCTAD menganggarkan bahawa aliran FDI akan meningkat secara sederhana pada tahun 2012 kepada kira-kira US\$1.6 trilion. Walau bagaimanapun, ketidakkuahan ekonomi global dengan pertumbuhan yang terjejas disebabkan krisis hutang Eropah dan pergolakan pasaran kewangan yang meningkat akan mempunyai kesan ke atas aliran FDI pada tahun 2012. Kesemua faktor ini menunjukkan bahawa risiko dan ketidaktentuan bagi pertumbuhan FDI selanjutnya pada tahun 2012 akan terus kekal.

⁵ *Global Investment Trends Monitor No.8*, UNCTAD (24 Januari 2012)

3 PRESTASI PELABURAN MALAYSIA


Tahun 2011 menandakan pelaksanaan beberapa inisiatif penting seperti Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) oleh Kerajaan yang meletakkan asas transformasi negara menuju ekonomi berpendapatan tinggi seperti yang diaspirasikan di dalam Model Baru Ekonomi (MBE). Malaysia terus menjadi lokasi yang kompetitif dari segi kos dan telah berjaya menarik projek dengan tahap pelaburan yang besar.

Pada tahun 2011, jumlah pelaburan yang diluluskan di dalam ekonomi Malaysia bernilai RM148.6 bilion⁶. Ini adalah merangkumi pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama. Jumlah pelaburan yang diluluskan adalah dalam 4,964 projek dan dijangka akan menjana 149,496 peluang pekerjaan. Jumlah pelaburan yang diluluskan mengatasi purata sasaran pelaburan tahunan RM115 bilion yang ditetapkan di bawah RMKe-10 sebanyak 29.2 peratus. Ini adalah satu pencapaian yang besar bagi tahun pertama pelan *roll-out* ETP dan menunjukkan bahawa Malaysia adalah mengikut jadual untuk mencapai sasaran pelaburan yang ditetapkan di bawah ETP menjelang 2020 yang akan mentransformasikan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi. Satu lagi petunjuk positif adalah pelaburan yang diluluskan dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang bernilai RM87.4 bilion atau 58.8 peratus daripada jumlah pelaburan. Projek yang diluluskan dalam Bukan NKEA juga menyumbangkan pelaburan besar berjumlah RM61.2 billion.

⁶ Statistik pelaburan dalam sektor perkhidmatan dan sektor utama adalah data awalan

Graf 4

Jumlah Pelaburan Diluluskan dalam Ekonomi Malaysia, 2011



Jumlah Pelaburan Diluluskan: RM148.6 bilion

Sektor perkhidmatan dijangka akan memainkan peranan yang lebih besar dalam memacu pertumbuhan ekonomi dalam dekad ini. Pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2011 mencatatkan peningkatan besar sebanyak 75.5 peratus kepada RM64.4 bilion berbanding dengan RM36.7 bilion pada tahun 2010. Sebanyak 3,957 projek yang diluluskan bagi tempoh tersebut dijangka akan mewujudkan 43,784 peluang pekerjaan. Pelaburan tempatan merupakan penyumbang terbesar dengan RM48.2 bilion atau 74.8 peratus. Adalah penting dimaklumkan bahawa pelaburan asing telah membuat lonjakan yang besar daripada RM4.1 bilion pada tahun 2010 kepada RM16.2 bilion atau 25.2 peratus daripada jumlah pelaburan pada tahun 2011.

Ini adalah terutamanya disumbangkan oleh beberapa syarikat multinasional (MNC) yang telah memilih Malaysia sebagai hab operasi global mereka. Projek ini mempunyai jumlah pelaburan besar yang mempunyai kesan sampingan ketara ke atas ekonomi. Dalam sektor perkhidmatan, subsektor harta tanah terus menerajui dengan sumbangan pelaburan yang diluluskan bernilai RM16.9 bilion diikuti oleh subsektor pengangkutan, hab operasi global, tenaga dan telekomunikasi. Liberalisasi seterusnya bagi subsektor perkhidmatan pada tahun 2012 dijangka akan meningkatkan tahap daya saing sektor perkhidmatan dalam negara yang telah dikenalpasti oleh Kerajaan akan memberi sumbangan besar kepada ETP.

Sektor perkilangan juga dijangka akan kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan. Pada tahun 2011, Malaysia terus menarik paras pelaburan berkualiti yang tinggi di dalam sektor perkilangan yang mencerminkan daya saing negara sebagai lokasi pilihan bagi pelaburan berteknologi tinggi di rantau ini. Sejumlah 846 projek telah diluluskan pada tahun 2011 dengan pelaburan bernilai RM56.1 bilion berbanding dengan 910 projek dengan pelaburan berjumlah RM47.2 billion pada tahun 2010. Malaysia kekal sebagai destinasi yang berdaya saing bagi FDI di rantau ini dan terus menarik paras pelaburan asing yang menggalakkan dalam sektor perkilangan. Pelaburan asing dalam pelaburan yang diluluskan pada tahun 2011 berjumlah RM34.2 bilion (61%) berbanding dengan RM29.1 bilion pada tahun 2010. Selaras dengan seruan Kerajaan bagi pelabur domestik untuk memainkan peranan penting di bawah ETP, pelaburan domestik yang diluluskan di dalam sektor perkilangan telah meningkat daripada RM18.1 bilion pada tahun 2010 kepada RM21.9 bilion pada tahun 2011. Pelaburan tempatan menyumbang kepada 39 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2011.

Sektor utama menyumbang kepada RM28.1 bilion pelaburan yang diluluskan pada tahun 2011. Pelaburan asing dalam sektor utama berjumlah RM16 bilion (56.9%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM12.1 bilion (43.1%).

Subsektor perlombongan adalah subsektor peneraju dengan pelaburan yang yang diluluskan mencapai RM26.7 bilion di dalam 44 projek. Aktiviti carigali minyak dan gas mendominasi subsektor perlombongan. Prestasi kukuh subsektor carigali minyak dan gas yang telah dikenalpasti sebagai salah satu daripada NKEA menunjukkan Malaysia berkedudukan baik untuk menjadi salah satu daripada hab peneraju bagi minyak dan gas di rantau ini. Subsektor utama yang lain adalah terdiri daripada subsektor perladangan dan komoditi dengan pelaburan berjumlah RM989.5 juta serta subsektor pertanian yang mencatatkan pelaburan berjumlah RM417.5 juta.

4 PELABURAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN


A. PROJEK DILULUSKAN

TINJAUAN

Malaysia telah menarik tahap pelaburan yang lebih tinggi di dalam sektor perkilangan pada tahun 2011 berbanding dengan tahun 2010. Sejumlah 846 projek perkilangan dengan pelaburan sebanyak RM56.1 bilion telah diluluskan pada tahun 2011 berbanding dengan 910 projek perkilangan dengan pelaburan sebanyak RM47.2 bilion pada tahun 2010.

Graf 5


Pelaburan dan Gunatenaga dalam Projek Diluluskan, 2006-2011



Malaysia terus kekal sebagai lokasi pelaburan yang berdaya saing bagi pelabur asing. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, RM34.2 bilion atau 61 peratus adalah pelaburan asing. Ini adalah hasil daripada minat berterusan pelabur asing untuk melabur dalam projek berkualiti tinggi dalam bidang-bidang pertumbuhan baru dan teknologi baru muncul yang bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi dan berintensifkan pengetahuan serta kemahiran.

Graf 6


Sumber Pelaburan dalam Projek Diluluskan, 2011 dan 2010



Pelaburan domestik yang diluluskan dalam sektor perkilangan meningkat sebanyak 21 peratus kepada RM21.9 bilion pada tahun 2011 daripada RM18.1 bilion pada tahun 2010. Pelaburan domestik menyumbang 39 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2011.


Kebanyakan projek yang diluluskan pada tahun 2011 adalah projek baru (511 projek) dengan pelaburan berjumlah RM33.1 bilion (59%). Daripada jumlah ini, RM12.9 bilion atau 39 peratus adalah pelaburan tempatan manakala RM20.2 bilion atau 61 peratus adalah pelaburan asing.

**Graf 7
Pelaburan bagi Projek Baru Mengikut Industri, 2011 dan 2010**



Trend pembesaran/pelbagaian oleh syarikat perkilangan sedia ada berterusan pada tahun 2011. Daripada jumlah projek yang diluluskan, 335 adalah projek pembesaran/pelbagaian yang melibatkan pelaburan sebanyak RM23 bilion dan menyumbangkan 41 peratus kepada jumlah pelaburan.

Graf 8
Pelaburan bagi Projek Pembesaran/Pelbagai Mengikut Industri, 2011 dan 2010



Projek Berintensifkan Modal

Dengan meningkatnya persaingan dari pengeluar kos rendah seperti Republik Rakyat China, India dan Vietnam, Malaysia tidak lagi berdaya saing dalam bidang perkilangan peringkat rendah. Untuk meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai, Kerajaan akan terus meningkatkan usaha dalam mengenal pasti dan menarik pelaburan dalam bidang pertumbuhan baru dan teknologi baru muncul, industri bernilai ditambah tinggi, industri berteknologi tinggi dan berintensifkan modal serta aktiviti R&D selaras dengan usaha Kerajaan untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Intensiti modal yang diukur berdasarkan nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja (CIPE), bagi projek yang diluluskan pada tahun 2011 adalah RM557,894 berbanding dengan RM484,767 pada tahun 2010.

Nisbah CIPE bagi projek perkilangan telah menunjukkan trend yang semakin meningkat sejak tahun 1990 (RM167,638). Ini menggambarkan trend umum ke arah projek yang lebih berintensifkan modal, bernilai ditambah tinggi serta berteknologi tinggi.


Pada tahun 2011, sebanyak 92 projek dengan pelaburan berjumlah RM100 juta atau lebih telah diluluskan di mana 11 mempunyai pelaburan melebihi RM1 bilion. Pelaburan dalam 92 projek ini bernilai RM46.9 bilion atau 83.6 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.

Projek berintensifkan modal ini terutamanya adalah dalam industri elektrik dan elektronik (E&E) (28 projek/RM18.7 bilion), produk logam asas (13 projek/RM9.4 bilion), kelengkapan pengangkutan (15 projek/RM4.9 bilion), kimia dan produk kimia (7 projek/RM4 bilion), pengilangan makanan (10 projek/RM2.6 bilion), produk petroleum termasuk petrokimia (5 projek/RM2.6 bilion) dan produk galian bukan logam (4 projek/RM2.2 bilion).

Projek Diluluskan Mengikut Industri

Pada tahun 2011, industri E&E kekal sebagai industri peneraju dari segi bilangan projek yang diluluskan (129 projek), dan juga dari segi pelaburan (RM20.1 bilion). Ini diikuti oleh produk logam asas (RM9.9 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM6 bilion), kimia dan produk kimia (RM5 bilion), pengilangan makanan (RM3.7 bilion), produk petroleum termasuk petrokimia (RM2.7 bilion), produk galian bukan logam (RM2.6 bilion) dan produk fabrikasi logam (RM1.4 bilion). Lapan industri ini menyumbang RM51.4 bilion atau 91.6 peratus kepada jumlah pelaburan yang diluluskan.

Graf 9
Pelaburan bagi Projek Diluluskan Mengikut Industri Utama, 2010 dan 2011



Projek Berorientasi Eksport

Daripada 846 projek yang diluluskan pada tahun 2011, sebanyak 274 projek (32.4%) adalah projek berorientasikan eksport yang melibatkan eksport sekurang-kurangnya 80 peratus daripada pengeluaran mereka. Pelaburan dalam projek yang berorientasikan eksport ini berjumlah RM24.7 bilion atau 44 peratus daripada jumlah pelaburan. Pelaburan asing dalam projek yang berorientasikan eksport berjumlah RM20.1 bilion, manakala pelaburan domestik berjumlah RM4.6 bilion. Kebanyakan projek yang berorientasikan eksport ini adalah dalam industri produk E&E (RM13.7 bilion), produk logam asas (RM3.5 bilion), pengilangan makanan (RM2.2 bilion), kimia dan produk kimia (RM1.6 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM513.4 juta), produk getah (RM499.9 juta) dan produk fabrikasi logam (RM479.1 juta).

Peluang Pekerjaan

Tenaga kerja mahir adalah penting bagi syarikat perkilangan untuk bersaing di peringkat global. Peralihan tenaga kerja dalam sektor perkilangan telahpun berlaku dengan bilangan gunatenaga di dalam pekerjaan berkemahiran tinggi semakin meningkat. Projek yang diluluskan pada tahun 2011 dijangka akan menjana sebanyak 100,533 peluang pekerjaan, di mana 62,584 atau 62.3 peratus adalah dalam kategori pengurusan, teknikal, penyeliaan dan pekerja mahir. Industri yang dijangka dapat mewujudkan paling banyak peluang pekerjaan adalah E&E (42,688), kelengkapan pengangkutan (9,727), produk logam asas (6,653), perabot dan lengkapan (5,479) dan pengilangan makanan (5,438).

Jawatan Pegawai Dagang

Bagi memudahkan pemindahan teknologi dan penambahan kepada jumlah pekerja mahir pengurusan dan teknikal tempatan, Kerajaan terus memberi kelulusan untuk jawatan pegawai dagang, terutamanya jawatan pengurusan dan teknikal kepada syarikat milik rakyat Malaysia serta syarikat milik rakyat asing. Pada tahun 2011, sejumlah 1,915 jawatan pegawai dagang telah diluluskan, di mana 301 adalah jawatan penting yang boleh disandang secara kekal oleh rakyat asing. Baki sebanyak 1,614 adalah jawatan bertempoh yang secara umumnya diluluskan untuk tempoh tiga hingga lima tahun di mana rakyat Malaysia dilatih bagi mengambil alih jawatan tersebut.

PROJEK DILULUSKAN MENGIKUT HAK MILIK


Pelaburan Domestik

Pelaburan domestik bagi projek yang diluluskan pada tahun 2011 melonjak sebanyak 21 peratus kepada RM21.9 bilion daripada RM18.1 bilion pada tahun 2010. Ini menunjukkan minat berterusan oleh syarikat tempatan untuk melabur dalam sektor perkilangan.

Ini juga adalah selaras dengan usaha berterusan Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan domestik secara aktif seperti yang digariskan di dalam ETP dan RMKe-10. Pelaburan domestik menyumbang 39 peratus kepada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2011.

Graf 10

Pelaburan Domestik dalam Projek Diluluskan Mengikut Industri Utama, 2011




Sebahagian besar daripada pelaburan domestik yang diluluskan pada tahun 2011 berjumlah RM12.9 bilion adalah dalam projek baru, manakala RM9 bilion adalah bagi projek pembesaran/pelbagai. Pelaburan domestik kebanyakannya adalah dalam industri produk logam asas (RM6.3 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM4.9 bilion), kimia dan produk kimia (RM1.7 bilion), produk petroleum termasuk petrokimia (RM1.7 bilion) dan E&E (RM1.4 bilion).

Pelaburan Asing

Walaupun terdapat persaingan sengit di peringkat global dan serantau untuk FDI dengan peningkatan sederhana dalam aliran masuk FDI global, Malaysia telah berjaya menarik tahap pelaburan asing yang tinggi dalam sektor perkilangan pada tahun 2011. Pelaburan asing berjumlah RM34.2 bilion telah diluluskan pada tahun 2011 berbanding dengan RM29.1 bilion pada tahun 2010. Terdapat minat yang berterusan daripada pelabur asing untuk melabur dalam projek berkualiti di dalam bidang pertumbuhan baru dan teknologi baru muncul yang berintensifkan modal, berintensifkan pengetahuan, bernilai ditambah tinggi serta berteknologi tinggi.

Graf 11
Pelaburan Asing dalam Projek Diluluskan Mengikut Industri Utama, 2011




Pelaburan asing dalam projek baru berjumlah RM20.2 bilion. Pelaburan ini kebanyakannya adalah dalam industri produk E&E (RM10.1 bilion), kimia dan produk kimia (RM2.6 bilion), produk logam asas (RM2.4 bilion), pengilangan makanan (RM1.8 bilion) dan produk galian bukan logam (RM1.2 bilion).

Pelabur asing sedia ada terus melabur semula, mengukuhkan kedudukan, melaksanakan pembesaran dan pelbagai dalam produk dan aktiviti bernilai ditambah lebih tinggi untuk meningkatkan daya saing operasi mereka di negara ini. Pelaburan asing dalam projek pembesaran/pelbagai berjumlah RM14 bilion. Pelaburan ini terutamanya adalah dalam industri produk E&E (RM8.6 bilion), produk logam asas (RM1.2 bilion), produk petroleum termasuk petrokimia (RM864.6 juta), pengilangan makanan (RM806.8 juta) dan kimia dan produk kimia (RM637.5 juta).

Sumber Utama Pelaburan Asing

Lima sumber utama pelaburan asing dalam projek yang diluluskan pada tahun 2011 adalah negara Jepun (RM10.1 bilion), Republik Korea (RM5.2 bilion), Amerika Syarikat (RM2.5 bilion), Singapura (RM2.5 bilion) dan Arab Saudi (RM2.2 bilion). Pelaburan asing dari lima negara tersebut menyumbang 66 peratus kepada jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam tempoh tersebut.

Graf 12
Sumber Pelaburan Asing Utama dalam Projek Diluluskan, 2011



Jepun

Jepun merupakan sumber pelaburan asing terbesar pada tahun 2011, dengan 77 projek yang diluluskan melibatkan pelaburan berjumlah RM10.1 bilion. Pelaburan dalam projek baru berjumlah RM6.9 bilion (24 projek) manakala pelaburan dalam projek pembesaran/pelbagaian berjumlah RM3.2 bilion (53 projek).

Pelaburan dari Jepun adalah terutamanya dalam industri produk E&E (31 projek/RM9.1 bilion), kelengkapan pengangkutan (9 projek/RM325.8 juta), produk petroleum termasuk petrokimia (2 projek/RM168.7 juta); produk logam asas (3 projek/RM158.6 juta) dan produk galian bukan logam (2 projek/RM138.9 juta).

Pelaburan besar dari Jepun adalah disumbangkan oleh:

- Satu projek baru untuk menjalankan kerja rekabentuk, pembangunan dan pengeluaran wafer fotovoltaik silikon, sel dan modul dengan pelaburan berjumlah RM4.6 bilion;
- Satu projek baru untuk mengeluarkan substrat termaju bagi semikonduktor dengan pelaburan berjumlah RM1.8 bilion;
- Satu projek pembesaran dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.4 bilion untuk mengeluarkan alat perakam pita video dan pemain termasuk *camcorders; mecha deck* untuk alat perakam pita video dan pemain serta *camcorders*; pemacu cakera CD-ROM; sistem stereo hi-fi dan perakam radio/kaset .

Republik Korea

Republik Korea adalah pelabur asing kedua terbesar dengan jumlah pelaburan sebanyak RM5.2 bilion. Pelaburan Korea adalah dalam 10 projek, di mana tujuh daripadanya merupakan projek baru dan tiga adalah projek pembesaran/pelbagai. Pelaburan besar dari Republik Korea kebanyakannya adalah daripada:

- Satu projek baru milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM2.2 bilion bagi pengeluaran bateri *lithium ion*; dan
- Satu projek baru milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM1.1 bilion untuk pengeluaran kaca fungsi fotovoltaik.

Amerika Syarikat

Amerika Syarikat merupakan pelabur ketiga terbesar dengan pelaburan sebanyak RM2.5 bilion dalam 21 projek. Pelaburan dari Amerika Syarikat kebanyakannya adalah dalam projek pembesaran/pelbagaiyan yang berjumlah RM2.4 bilion (12 projek) manakala pelaburan dalam projek baru berjumlah RM145.8 juta (9 projek). Pelaburan besar dari Amerika Syarikat adalah seperti berikut:

- Satu projek pelbagaiyan bagi pengeluaran instrumen pengukur elektronik serta peralatan analisis bio dan kimia dengan pelaburan sebanyak RM967.8 juta;
- Satu projek pembesaran untuk rekabentuk, pembangunan dan pengeluaran wafer/sel/modul/panel fotovoltaik silikon dengan pelaburan berjumlah RM668.4 juta; dan
- Satu projek pembesaran untuk mengeluarkan litar bersepodu dan menjalankan aktiviti pengujian peranti semikonduktor dengan pelaburan sebanyak RM600 juta.

Singapura

Singapura terus menjadi sumber utama pelaburan pada tahun 2011 dengan RM2.5 bilion dalam 88 projek yang diluluskan. Pelaburan dari Singapura dalam projek baru berjumlah RM1.5 bilion (43 projek) manakala pelaburan dalam projek pembesaran/pelbagaiyan berjumlah RM997.9 juta (45 projek). Pelaburan Singapura adalah tertumpu dalam industri pengilangan makanan (13 projek/RM1.1 bilion) dan E&E (16 projek/RM476.3 juta).

Projek utama yang diluluskan termasuk projek bernilai RM270 juta untuk pengeluaran minyak sawit, minyak isirong sawit dan produk berasaskan sawit seperti lemak *interesterified*, lemak ais krim, pengganti mentega koko, lelemak/lemak bakeri dan minyak sayuran lain seperti minyak kacang soya, minyak bunga matahari, minyak jagung, minyak biji sesawi dan minyak campuran.

Arab Saudi

Arab Saudi adalah sumber kelima terbesar pelaburan asing pada tahun 2011 dengan pelaburan berjumlah RM2.2 bilion. Pelaburan dari Arab Saudi adalah dalam satu projek baru yang melibatkan pengeluaran silikon polihabluran, natrium hidroksida (soda kaustik), klorin, hidrogen, asid hidroklorik, silikon tri-klorida, silikon tetra-klorida, *mixed chlorosilane*, oksigen dan nitrogen.

PROJEK DILULUSKAN MENGIKUT LOKASI


Negeri Selangor (263 projek), Johor (188 projek) dan Pulau Pinang (109 projek) terus menerajui dari segi bilangan projek yang diluluskan. Sejumlah 560 projek atau 66.2 peratus daripada projek yang diluluskan akan ditempatkan di tiga negeri ini.

Penumpuan projek di negeri-negeri ini disumbangkan oleh kewujudan infrastruktur yang lebih maju dengan sokongan industri sokongan kejuruteraan yang kukuh.

Ketiga-tiga negeri ini menyumbang kepada 336 projek baru atau 65.8 peratus daripada jumlah bilangan projek baru yang diluluskan pada 2011 dan 66.9 peratus (224 projek) daripada jumlah projek yang diluluskan untuk pembesaran/pelbagai. Syarikat sedia ada terus melaksanakan projek pembesaran/pelbagai berlandaskan asas perindustrian yang kukuh yang telah dibangunkan di negeri-negeri ini.

Berdasarkan nilai pelaburan, negeri Pulau Pinang (RM9.1 bilion), Selangor (RM8.7 bilion), Sarawak (RM8.5 bilion), Johor (RM6.6 bilion) dan Kedah (RM6.1 bilion) telah menyumbang hampir 70 peratus kepada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2011.

Graf 13
Pelaburan bagi Projek Diluluskan Mengikut Lokasi, 2011



Negeri Pulau Pinang telah mencatatkan tahap pelaburan tertinggi berjumlah RM9.1 bilion. Pelaburan terutamanya adalah dalam industri E&E (RM7.3 bilion), produk logam asas (RM715.7 juta), kelengkapan pengangkutan (RM587.6 juta), pengilangan jentera (RM111.3 juta) dan produk logam fabrikasi (RM94.7 juta). Satu projek utama yang diluluskan di Pulau Pinang termasuk projek baru milik rakyat asing sepenuhnya dengan pelaburan berjumlah RM1.8 bilion untuk mengeluarkan substrat termaju untuk semikonduktor.

Negeri Selangor mencatatkan tahap pelaburan kedua tertinggi berjumlah RM8.7 bilion. Pelaburan di Selangor adalah dalam pelbagai industri seperti industri kelengkapan pengangkutan (RM2 bilion), E&E (RM1.4 bilion), pengilangan makanan (RM1.3 bilion), produk logam asas (RM1.1 bilion) dan kimia dan produk kimia (RM713.4 juta). Projek utama yang diluluskan di Selangor termasuk projek baru bernilai RM856 juta milik sepenuhnya rakyat Malaysia untuk mengeluarkan dan memasang kenderaan komersial elektrik dan hibrid.

Negeri Sarawak telah menarik pelaburan berjumlah RM8.5 bilion, terutamanya berpunca daripada satu projek baru milik majoriti rakyat Malaysia berjumlah RM2.5 bilion untuk menjalankan pengilangan bersepadu rod aluminium. Pelaburan di Sarawak adalah tertumpu dalam industri produk logam asas (RM5.8 bilion), kimia dan produk kimia (RM2.2 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM135.3 juta), produk petroleum termasuk petrokimia (RM100 juta) dan kayu dan produk kayu (RM85 juta).

B. PRESTASI SEKTOR PERKILANGAN MENGIKUT INDUSTRI PRODUK ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK

Malaysia mempunyai asas yang kukuh bagi pembangunan industri E&E terutamanya dalam industri semikonduktor, elektronik pengguna, peralatan rumah, elektronik perindustrian dan industri sokongan. Negara ini akan terus memberi tumpuan untuk memartabatkan industri ini kepada aktiviti lebih tinggi dengan langkah pengukuhan dan pendalaman kluster industri E&E dengan mensasarkan operasi fasa awal. Kelulusan pelaburan terbaru menunjukkan usaha kerajaan dalam meluaskan rantai nilai perindustrian.

Kerajaan telah mengenal pasti industri E&E sebagai satu bidang pertumbuhan utama NKEA bagi membantu peningkatan Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak RM90 bilion dan akan mewujudkan peluang pekerjaan tambahan sebanyak 157,000 menjelang 2020. NKEA E&E ini tertumpu kepada aplikasi semikonduktor, solar, diod pemancar cahaya (LED), komunikasi tanpa wayar dan pengenalpastian frekuensi radio (RFID). Dengan pelancaran *Entry Point Projects* (EPP) di bawah inisiatif NKEA E&E, Malaysia dijangka akan menarik tahap pelaburan lebih tinggi dengan projek berkualiti tinggi dalam bidang teknologi baru dan baru muncul.

Industri E&E di Malaysia telah melalui satu evolusi seiring dengan trend dan pembangunan global. Sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan eksport, industri E&E telah beralih dari operasi pemasangan kepada pengeluaran produk berteknologi tinggi yang memanfaatkan keperluan pasaran bagi operasi peringkat tinggi.

Tumpuan masa depan industri ini di Malaysia adalah teknologi hijau dan pintar seperti LED dan industri solar. Di samping itu, produk baru seperti litar bersepadu termaju, diod pemancar cahaya berkecerahan tinggi (HBLED); frekuensi radio (RF) dan peranti Sistem Mikroelektromekanikal (MEMS) juga diberi penekanan disebabkan potensi pertumbuhannya. Industri ini digalakkan dengan memanfaatkan pembangunan kluster sokongan dan ekosistem.

Kerjasama antara industri dan institusi pendidikan adalah penting bagi kesinambungan dan kemampanan syarikat. Bagi memastikan bekalan tenaga kerja mahir yang stabil dalam industri dan penyediaan wadah mencukupi untuk program perhubungan industri antara industri dan universiti-universiti, Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE), bersama-sama dengan Kementerian Sumber Manusia (MOHR) turut memperkenalkan kursus baru di institut latihan perindustrian, universiti awam dan kolej komuniti.

Jadual 1
Struktur Industri E&E

SEKTOR	SUBSEKTOR	CONTOH PRODUK
Elektronik	Komponen	Semikonduktor, komponen pasif, papan litar bercetak, bahagian hentakan logam dan plastik ketepatan
	Pengguna	Produk visual/audio seperti alat penerima televisyen, pemain multimedia mudah alih (PMP), pembesar suara, kamera dan permainan elektronik
	Perindustrian	Produk multimedia dan teknologi informasi seperti komputer dan perkakasan komputer, peralatan telekomunikasi, peralatan pejabat dan produk bina kotak untuk aplikasi industri
Elektrikal	Elektrikal	Papan agihan, panel kawalan, radas suis, pencahayaan, transformer, kabel & wayar, sel & bateri primer, sel solar dan modul, alat pendingin udara dan perkakasan rumah

Projek Diluluskan pada Tahun 2011


Sejumlah 129 projek E&E dengan pelaburan sebanyak RM20 bilion telah diluluskan pada tahun 2011. Daripada jumlah ini, 56 adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM11.2 bilion manakala 73 adalah projek pembesaran/pelbaigan dengan pelaburan berjumlah RM8.8 bilion.

Pelaburan domestik berjumlah RM1.3 bilion (6.5%) manakala pelaburan asing berjumlah RM18.7 bilion (93.5%). Sumber utama pelaburan asing adalah Jepun, Amerika Syarikat dan Jerman.

Pelaburan diluluskan dari Jepun sebahagian besarnya adalah dalam subsektor komponen elektronik, elektronik pengguna dan produk elektrik. Pelaburan dari Amerika Syarikat sebahagian besarnya adalah dalam subsektor komponen elektronik dan elektronik perindustrian, manakala pelaburan dari Jerman sebahagian besarnya adalah dalam subsektor komponen elektronik.

Graf 14

Pelaburan bagi Projek Diluluskan dalam Industri E&E Mengikut Subsektor, 2011



Komponen Elektronik

Pada tahun 2011, sejumlah 44 projek telah diluluskan dalam subsektor komponen elektronik dengan pelaburan sebanyak RM7.2 bilion. Daripada jumlah ini, 18 adalah projek baru dengan pelaburan berjumlah RM2.5 bilion (34.7%) dan 26 adalah projek pembesaran/pelbagaiian dengan pelaburan sebanyak RM4.7 bilion (65.3%). Pelaburan asing berjumlah RM6.7 bilion (93.1%), manakala pelaburan domestik berjumlah RM475 juta (6.9%).

Subsektor ini telah mengalami perubahan struktur di mana syarikat telah memindahkan tumpuan mereka kepada proses fasa awal yang memerlukan aktiviti penyelidikan, rekabentuk dan pembangunan yang lebih maju. Ia menyediakan peluang kepada jurutera tempatan untuk melibatkan diri dalam pembangunan produk baru dan teknologi termaju. Ini selaras dengan usaha Kerajaan untuk menggalakkan kemampunan dan meningkatkan pembangunan kelompok dalam subsektor ini.

Subsektor ini terus dipacu oleh industri semikonduktor, manakala rekabentuk IC adalah sebahagian daripada segmen yang semakin meningkat dalam rantai nilai. Industri semikonduktor adalah daya penggerak utama inovasi dan akan mempercepatkan pembangunan dan pertumbuhan industri perubatan, aeroangkasa, automotif dan komunikasi serta sebagai produk atau aplikasi cekap tenaga.

Antara projek penting yang telah diluluskan adalah:

- Satu projek baru oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM1.8 bilion bagi mengeluarkan substrat termaju untuk semikonduktor;

- Satu projek pembesaran oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing bagi mengeluarkan papan litar bercetak dengan pelaburan sebanyak RM1 bilion;
- Satu projek pembesaran oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing bagi aktiviti fabrikasi wafer dengan pelaburan sebanyak RM800 juta;
- Satu projek pembesaran oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM832 juta bagi mengeluarkan cip/peranti LED dan produk/sistem/modul pencahayaan berasaskan LED;
- Satu projek pembesaran oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM600 juta bagi mengeluarkan peranti semikonduktor. Pelaburan yang tinggi sebahagian besarnya adalah bagi mewujudkan pemasangan mikro pemproses bersepadu dan pemproses grafik serta *test line*;
- Satu projek pembesaran oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM594 juta bagi menjalankan pemasangan termaju dan operasi pengujian bagi peranti semikonduktor. Syarikat ini juga merancang untuk membesarkan aktiviti R&D sedia adanya dalam negara; dan
- Satu projek pembesaran oleh syarikat majoriti milik rakyat Malaysia bagi menjalankan aktiviti rekabentuk, pembangunan dan pengeluaran aplikasi berasaskan pemproses mikro dengan pelaburan sebanyak RM107 juta.

Elektronik Pengguna

Subsektor yang telah wujud sejak 1980-an kini telah menarik lebih banyak syarikat bagi menjalankan aktiviti R&D dalaman bagi menyokong operasi pengilangan di negara ini.

Pada tahun 2011, sejumlah 12 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM1.8 bilion di mana keseluruhannya adalah dari sumber asing. Kelulusan dalam subsektor ini sebahagian besarnya adalah projek pembesaran/pelbagaian yang mewakili 82.2 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan sepanjang tempoh ini.

Satu projek terkemuka yang diluluskan adalah projek pembesaran oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM1.4 bilion bagi menjalankan aktiviti rekabentuk, pembangunan dan pengeluaran LCD TV, produk audio/video dan peranti persisian. Syarikat tersebut telah menujuhkan Pusat R&D untuk TV LCD memandangkan Malaysia adalah hab Asia Pasifik untuk produk ini.

Elektronik Perindustrian

Pada tahun 2011, sejumlah 27 projek dengan pelaburan sebanyak RM1.3 bilion telah diluluskan. Subsektor ini yang sebahagian besarnya didominasi oleh syarikat milik asing yang menyumbang kepada 97 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2011. Kelulusan adalah terutamanya bagi syarikat sedia ada yang menjalankan projek pembesaran/pelbagaian, di mana telah menyumbang sebanyak 82.4 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan berbanding dengan hanya 17.6 peratus yang diluluskan untuk projek baru.

Sebagai pelengkap kepada pihak industri teknologi sedia ada seperti Pengilang Kelengkapan Asal (OEM) dan Pengilang Rekabentuk Sendiri (ODM), pembekal perkhidmatan pengilangan elektronik (EMS) turut terlibat dalam rekabentuk, pembangunan dan pengeluaran produk elektronik perindustrian. Syarikat EMS di negara ini kini telah mempelbagaikan pengeluaran produk perubatan, kimia, minyak dan gas, penerbangan serta aeroangkasa.

Mereka juga telah membangunkan keupayaan mereka dengan mempergiatkan aktiviti R&D untuk menyokong pertumbuhan teknologi perindustrian.

Syarikat dalam subsektor ini juga telah membantu dalam memupuk dan membangun keupayaan tempatan dengan mewujudkan perkongsian pintar dengan universiti/institusi pengajian tinggi dan syarikat/vendor tempatan. Perkongsian pintar ini akan mendedahkan siswazah kepada persekitaran perindustrian seterusnya memudahkan mereka menyesuaikan diri kepada perubahan teknologi terkini dalam industri. Ekosistem ini telah memberi manfaat kepada semua pihak termasuk MNC sendiri kerana mereka mampu mengekalkan daya saing dan kemampanan dalam pasaran global.

Antara projek penting yang diluluskan adalah:

- Satu projek pembesaran oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM967.8 juta bagi menjalankan aktiviti rekabentuk, pembangunan dan pengeluaran elektronik serta peralatan analisa kimia dan bio. Projek ini dijangka mewujudkan peluang pekerjaan kepada 800 orang, di mana 480 orang adalah dengan kelayakan sains dan teknikal; dan
- Satu projek baru oleh sebuah syarikat milik sepenuhnya rakyat asing bagi mengeluarkan produk *solid stage storage* dengan pelaburan sebanyak RM79.1 juta. Peranti storan data yang dihasilkan oleh syarikat itu menggunakan *solid state memory*, di mana ia merupakan teknologi terkini dalam industri ini.

Elektrikal

Subsektor elektrikal adalah subsektor terbesar, yang terdiri daripada 49 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam industri E&E. Dalam subsektor ini, sejumlah 46 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM 9.7 bilion.

Daripada jumlah tersebut, 26 adalah projek baru dan 20 adalah projek pembesaran/pelbagai. Subsektor ini didominasi oleh pelaburan asing yang bernilai RM8.8 bilion (91.4%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM841 juta (8.6%). Projek tersebut dijangka menjana peluang pekerjaan kepada 15,043 orang.

Industri solar menyumbang kepada 71.5 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam subsektor elektrikal. Pelaburan ini memperkuatkan lagi kedudukan negara sebagai hab solar dan ia selaras dengan usaha Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeksport kedua terbesar sel dan modul solar menjelang 2020.

Kemunculan syarikat solar utama di Malaysia telah mendorong pertumbuhan rantai nilai solar, membuka peluang baru bagi pelabur tempatan dan asing dalam membangunkan kluster solar.

Selain dari solar, syarikat juga memanfaatkan infrastruktur industri semi-konduktor yang mantap untuk menjalankan operasi yang mempunyai asas sama, termasuk LED di negara ini, yang mensasarkan pasaran ASEAN.

Antara projek penting yang telah diluluskan adalah:

- Satu projek baru oleh sebuah syarikat milik sepenuhnya rakyat asing dengan cadangan pelaburan sebanyak RM4.5 bilion bagi menjalankan aktiviti rekabentuk, pembangunan dan pengilangan wafer, sel dan modul fotovoltaik silikon. Projek ini adalah operasi solar bersepadu pertama bagi kumpulan ini dan dijangka akan mewujudkan 3,400 peluang pekerjaan baru;
- Satu projek baru oleh sebuah syarikat milik sepenuhnya rakyat asing bagi menjalankan aktiviti rekabentuk, pembangunan dan pengilangan sel *lithium ion* dan pek bateri dengan pelaburan sebanyak RM2.2 bilion.

Projek ini dijangka akan mewujudkan 2,992 peluang pekerjaan baru. Ini adalah projek pengilang bersepada pertama untuk sel dan pek bateri yang terletak di luar Republik Korea;

- Satu projek baru oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM101.5 juta bagi mengeluarkan *super capacitors* untuk sistem penyimpanan hibrid pintar. Produk ini adalah satu komponen kritikal yang digunakan dalam aplikasi peranti bimbit, kenderaan elektrik dan tenaga solar. Syarikat ini akan menjalankan aktiviti R&D bersama dengan Universiti Nottingham untuk membangun-kan dan meningkatkan produk. Projek berasaskan pengetahuan ini dijangka mewujudkan sebanyak 95 peluang pekerjaan;
- Satu projek baru oleh sebuah syarikat milik sepenuhnya rakyat asing bagi mengeluarkan lampu LED dengan pelaburan sebanyak RM95.7 juta. Syarikat ini dijangka menggunakan teknologi seramik sendiri untuk menghasilkan pencahayaan LED yang sangat cekap; dan
- Satu projek baru oleh syarikat milik asing dengan pelaburan sebanyak RM4.4 juta bagi mengeluarkan komponen dan peralatan bagi penyelesaian tenaga pintar seperti alat kawalan tenaga, pek bateri pintar, sistem kuasa pintar, pengecas pintar, kawalan pic turbin angin, pengecas solar dan panel kawalan kuasa dan sistem kawalan bateri automotif. Syarikat itu juga merancang untuk menukuhkan sebuah pusat R&D bagi produk tersebut.

Berdasarkan kelulusan dalam industri E&E, kini produk elektrik adalah subsektor peneraju menggantikan komponen elektronik. Ini adalah disebabkan oleh pelaburan besar yang diluluskan dalam projek solar berbanding dengan tahun sebelumnya.

Kemasukan pelaburan dalam projek solar telah disumbang oleh kesedaran dan kepentingan teknologi hijau global termasuk tenaga boleh diperbaharui, walaupun permintaan lebih perlahan dalam industri ini dalam tempoh tersebut. Banyak syarikat terutama mereka yang menjalankan projek bersepadu terus melabur berdasarkan jangkaan trend menaik dalam industri. Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA) meramalkan industri ini akan berkembang 21 peratus bagi tempoh 2013 hingga 2015 dan 29 peratus bagi tempoh 2015 hingga 2020.

KELENGKAPAN PENGANGKUTAN


Industri kelengkapan pengangkutan terdiri daripada subsektor automotif; aeroangkasa; dan pembinaan kapal dan pemberian kapal. Industri automotif adalah subsektor terbesar dalam industri ini.

Pada tahun 2011, eksport kelengkapan pengangkutan berjumlah RM9.2 bilion. Eksport kenderaan darat (yang terdiri daripada kenderaan penumpang, kenderaan perdagangan, motosikal/skuter, treler/semi-treler, basikal/lain-lain basikal serta bahagian dan komponen) berjumlah RM5 bilion. Eksport pesawat serta bahagian dan peralatan berkaitan berjumlah RM3.1 bilion manakala eksport kapal, bot dan struktur terapung berjumlah RM1.1 bilion.

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Pada tahun 2011, sejumlah 110 projek telah diluluskan dalam industri kelengkapan pengangkutan dengan pelaburan sebanyak RM6 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM4.9 bilion (82%), manakala pelaburan asing berjumlah RM1.1 bilion (18%). Projek yang diluluskan akan menjana sejumlah 9,727 peluang pekerjaan.

Graf 15
Pelaburan bagi Projek Diluluskan dalam Industri Kelengkapan Pengangkutan Mengikut Subsektor, 2011



Daripada jumlah projek yang diluluskan, 58 adalah projek baru manakala 52 adalah projek pembesaran/pelbagai. Projek baru menyumbang sebanyak RM2 bilion atau 33 peratus daripada jumlah pelaburan manakala projek pembesaran/pelbagai menyumbang sebanyak RM4 bilion (67%).

Automotif

Subsektor automotif terdiri daripada:

- pengilangan/pemasangan kenderaan bermotor, termasuk motor beroda dua;
- pemulihan semula/pemasangan semula/pembinaan semula/pengubahan kenderaan bermotor; dan
- pengilangan bahagian dan komponen, termasuk koc dan badan kenderaan.

Pada masa ini terdapat empat Projek Nasional dan sembilan pemasang dalam sektor kenderaan bermotor dengan kapasiti terpasang tahunan sebanyak 795,850 unit. Di samping itu, terdapat 11 pengilang/pemasang motosikal dan skuter dengan kapasiti terpasang tahunan sebanyak 995,000 unit. Terdapat juga tiga pengilang badan komposit kereta sport.

**Jadual 2
Jualan Kenderaan Bermotor di Enam Negara Utama ASEAN (unit)**

Negara ASEAN 6	2011			2010		
	PC	CV	TIV	PC	CV	TIV
Indonesia	601,945	292,219	894,164	536,050	218,950	755,000
Thailand	360,441*	433,640	794,081	339,460	432,040	771,500
Filipina	44,862	96,754	141,616	60,840	108,160	169,000
Singapura	33,493	6,077	39,570	47,775	4,148	52,500
Vietnam	64,505	45,155	109,660	56,160	51,840	108,000
Malaysia	535,113	65,010	600,123	540,450	60,050	600,500
Jumlah	1,640,359	938,855	2,579,214	1,580,735	875,765	2,456,500

Nota: PC - Kereta Penumpang CV - Kenderaan Komersial TIV - Jumlah Bilangan Industri

* Untuk Thailand, data bagi kereta penumpang tidak termasuk Mercedes-Benz, BMW, MINI and Volvo dari November 2011 dan seterusnya.

Sumber: Persatuan Automotif Malaysia (MAA)

Menurut Persatuan Automotif Malaysia (MAA), pengeluaran kenderaan motor pada tahun 2011 berjumlah 533,515 unit yang terdiri daripada 488,261 unit kenderaan penumpang dan 45,254 unit kenderaan komersial. Jualan kenderaan bermotor berjumlah 600,123 unit pada tahun 2011 yang terdiri daripada 535,113 unit kenderaan penumpang dan 65,010 unit kenderaan komersial.

Berdasarkan perangkaan Persatuan Pemasang dan Pengedar Motosikal dan Skuter Malaysia (MASSAM), pengeluaran motosikal dan skuter telah mencapai 467,941 unit pada tahun 2011. Import kenderaan bermotor, bahagian dan komponen pada tahun 2011 berjumlah RM18.3 bilion.

Setakat tahun 2011, terdapat lebih daripada 704 pengeluar komponen automotif dan hampir 112 pengeluar komponen motosikal/skuter. Industri komponen automotif telah mengeluarkan lebih daripada 5,000 komponen.

Lebih daripada 80 peratus daripada pengeluar komponen automotif adalah milik rakyat Malaysia. Sebilangan syarikat tersebut telah mengadakan kerjasama teknikal dengan syarikat komponen automotif global. Lebih 70 peratus pengeluar komponen telah memperolehi piawaian antarabangsa seperti ISO 9000, TS16949 dan ISO 14000. Pengeluar komponen automotif global yang beroperasi di Malaysia termasuk Bosch, GKN, Denso, Delphi, Nippon Wiper Blade, Toyota Auto Body dan ZF Steering. Mereka mengeluarkan sistem pendingin udara automotif, sistem keselamatan serta lain-lain badan automotif dan modul bahagian.

Polisi dan langkah yang digariskan di bawah Kajian Semula Dasar Automotif Negara (NAP) menggalakkan peralihan ke arah teknologi hijau telah menyebabkan peningkatan dalam pelaburan terutamanya bagi pengeluaran kenderaan hibrid/elektrik. Penamatan pembekuan pada Lesen Pengilang bagi pembuatan dan aktiviti pemasangan dalam segmen ini telah menggalakkan pelaburan baru dan pembesaran projek sedia ada di negara ini. Pelaburan dalam pembangunan kenderaan hibrid dan elektrik membawa manfaat pemerolehan teknologi baru, teknologi tinggi dan penggalakan polisi tenaga yang lebih mampan.

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Pada tahun 2011, sebanyak 95 projek telah diluluskan dalam industri automotif dengan pelaburan sebanyak RM3.3 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM2.5 bilion (76%), manakala pelaburan asing berjumlah RM784 juta (24%). Projek yang diluluskan akan menjana sejumlaah 8,473 peluang pekerjaan.

Daripada jumlah projek yang diluluskan, 46 adalah projek baru manakala 49 adalah projek pembesaran/pelbaigan. Projek baru menyumbang sebanyak RM1.7 bilion atau 52 peratus daripada jumlah pelaburan manakala projek pembesaran/pelbaigan mewakili RM1.6 bilion (48%).

Projek utama yang diluluskan termasuk:

- Satu projek baru oleh syarikat milik rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM856 juta bagi mengeluarkan dan memasang kenderaan elektrik dan hibrid komersial;
- Satu projek baru oleh syarikat majoriti milik rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM241 juta bagi memasang trak dan bas komersial; dan
- Satu projek pembesaran oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM143 juta bagi mengeluarkan gasket.

Pertumbuhan KDNK Malaysia dalam industri automotif dijangka meningkat sekurang-kurangnya 5.1 peratus pada tahun 2012 dan juga akan meningkatkan jumlah keluaran industri.

Oleh kerana kesan gempa bumi dan tsunami Jepun serta kesan banjir di Thailand, OEM berkemungkinan besar meningkatkan pengeluaran mereka bagi memenuhi permintaan tempatan. Di samping itu, beberapa pelancaran model utama baru akan memacu industri automotif Malaysia pada tahun 2012.

Lanjutan pengecualian sepenuhnya duti import dan duti eksais bagi kereta hibrid dan elektrik sehingga Disember 2013 yang diumumkan pada Bajet 2012 akan membantu menggalakkan permintaan lebih tinggi ke atas kenderaan cekap tenaga dan mesra alam.

Aeroangkasa

Industri aeroangkasa terdiri daripada subsektor angkasa dan penerbangan. Di Malaysia, subsektor penerbangan merangkumi:

- pembuatan alat ganti dan komponen;
- aktiviti penyelenggaraan, pembaikan dan baikpulih (MRO);
- rekabentuk dan pembangunan; dan
- pemasangan dan operasi kapal terbang ringan dan perkhidmatan sokongan.

Industri aeroangkasa di Malaysia yang bermula dengan penubuhan operasi MRO pada 1970-an telah beralih kepada pengilangan bahagian dan komponen aeroangkasa dan pemasangan kapal terbang ringan. Pada masa ini, terdapat 12 syarikat yang terlibat dalam pengilangan bahagian dan komponen kapal terbang ringan termasuk kelengkapan sokongan di lapangan terbang, tiga syarikat terlibat dalam aktiviti pemasangan, manakala lebih daripada 19 syarikat terlibat dalam aktiviti MRO.

Malaysia mempunyai pelbagai bidang keupayaan MRO termasuk pengubahsuaian dan pengilangan semula enjin dan komponen enjin, pembaikan dan baikpulih bahagian kapal terbang, komponen dan kerangka kapal terbang, pembaikan dan pengujian peralatan dan komponen kapal terbang serta *line and heavy maintenance* kepada kedua-dua kapal terbang tentera dan awam. Syarikat MRO yang utama di Malaysia termasuk MAS Engineering, GE Engine, Airod, Hamilton Sundstrand, Honeywell, Parker Haniffin dan Eurocopter. Subsektor MRO ini dijangka berkembang sebanyak 12 hingga 15 peratus setahun.

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Pada tahun 2011, sebanyak tujuh projek telah diluluskan dalam subsektor aeroangkasa dengan pelaburan sebanyak RM347.2 juta. Pelaburan asing dalam projek ini berjumlah RM282.6 juta atau 81 peratus manakala pelaburan tempatan berjumlah RM64.6 juta (19%). Projek yang diluluskan akan menjana sebanyak 457 peluang pekerjaan.

Satu projek penting yang telah diluluskan dalam industri aeroangkasa adalah bagi pengeluaran struktur mesin aeroangkasa oleh syarikat baru milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM237 juta.

Industri aeroangkasa dijangka menyumbang tambahan RM16 bilion kepada KDNK melalui dua EPP di bawah ETP. Dua EPP telah dikenalpasti dan dijangka menyumbang RM16 bilion kepada KDNK dan mewujudkan kira-kira 32,000 peluang pekerjaan. Kerajaan juga telah bersetuju untuk menubuhkan Pusat Inovasi Pengeluaran Struktur Aeroangkasa yang akan menjalankan aktiviti R&D yang berkaitan dengan pembuatan struktur kapal terbang dan juga berfungsi sebagai pusat latihan dan pengajian tinggi. Pusat inovasi ini akan melibatkan pelaburan sebanyak RM40 juta yang dibiayai oleh kerajaan dan pihak industri terlibat.

Pembinaan dan Pembaikan Kapal

Industri pembinaan kapal dan pembaikan kapal di Malaysia merangkumi pengilangan pelbagai jenis kapal termasuk kapal tunda, bot/feri penumpang, kapal peronda, *tug-boat*, *landing kraf*, kapal tangki, kapal persiaran, perahu layar, *hydrofoil*, hoverkraf dan aktiviti baik pulih kapal. Industri ini telah membangunkan kemahiran khusus dan keupayaan teknologi dalam rekabentuk kejuruteraan, seni bina kapal, metallurgi, kawalan hakisan, pemesinan, kimpalan dan fabrikasi. Industri ini juga mempunyai rangkaian luas dengan industri lain seperti keluli, kaca, logistik, penyimpanan, pecah pukal barang dan perkhidmatan (perkhidmatan pelabuhan, kewangan, insurans dan perundingan).

Terdapat lebih daripada 70 limbungan kapal di Malaysia. Aktiviti utama yang dilaksanakan oleh limbungan tersebut termasuk pembinaan kapal laut, bot dan struktur pesisir pantai bagi industri minyak dan gas; pembaikan, penyelenggaraan, menambah baik, baik pulih dan pembersihan kapal; pengubahan kapal; dan kejuruteraan berat serta fabrikasi struktur pesisir pantai, struktur keluli dan kren.

Limbungan kapal yang terbesar di Malaysia boleh menampung dok pengeringan kapal sehingga 450,000 DWT dan mempunyai keupayaan sistem lif kapal sehingga 50,000 DWT. Permintaan untuk kapal laut yang lebih besar dan lebih maju masih lagi dipenuhi oleh limbungan asing yang mempunyai kapasiti dan keupayaan dalam pembinaan kapal tersebut itu.

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Pada tahun 2011, sebanyak lapan projek milik sepenuhnya rakyat Malaysia yang terdiri daripada tujuh projek baru dan satu projek pembesaran telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM2.31 bilion bagi melaksanakan pembinaan kapal dan pembaikan kapal.

Ini termasuk satu projek dengan pelaburan sebanyak RM2.26 bilion bagi melaksanakan pembaikan marin, pengubahan marin, kejuruteraan dan pembinaan. Projek yang diluluskan akan menjana sebanyak 797 peluang pekerjaan.

Pelan Strategik Industri Pembinaan dan Pembaikan Kapal Malaysia 2020 bertujuan untuk menjana RM6.4 bilion dalam GNI dan mewujudkan tambahan 55,500 pekerjaan untuk negara menjelang 2020.

Saranan pelan ini dijangka mampu meningkatkan daya saing industri Malaysia dalam pembinaan dan pembaikan kapal, industri yang telah menyahut peningkatan saingan daripada pihak industri terlibat serantau seperti Singapura, Vietnam, Indonesia, India, Republik Rakyat China dan Filipina. Cadangan utama termasuk penguatkuasaan kualiti pembinaan dan pembaikan, peningkatan tahap kandungan tempatan dan pengenalan teknologi dan proses baru.

Pelan ini menggalakkan kandungan tempatan dalam rekabentuk dan pembinaan, dan menyelaraskan strategi negeri dan tempatan kepada keperluan industri pembinaan dan pembaikan kapal.

JENTERA DAN KELENGKAPAN

Industri M&E di Malaysia merangkumi M&E khusus bagi industri spesifik M&E penjanaan tenaga; M&E jentera kerja logam; dan M&E perindustrian am; komponen dan bahagiannya.

Industri Jentera dan Kelengkapan (M&E) merupakan salah satu sektor yang dikenal pasti akan merangsang pembangunan Malaysia menjadi sebuah negara berteknologi tinggi, dan menjadi salah satu industri berkepentingan strategik.

Usaha promosi lebih tertumpu kepada industri M&E berteknologi tinggi dan bernilai ditambah tinggi yang menyebabkan aliran masuk pelaburan ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini terutamanya bagi M&E khusus bagi industri spesifik. Kewujudan pengilang M&E global telah meningkatkan keupayaan pengeluar fabrikasi tempatan dalam aktiviti R&D dan rekabentuk dan pembangunan (D&D) bagi menaikkan rantai nilai daripada pengeluaran bahagian dan komponen bernilai rendah kepada rekabentuk dan pengeluaran modul bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi dan canggih berserta mesin yang lengkap. Di samping itu, usaha Kerajaan di bawah inisiatif NKEA pada masa ini juga turut memberi tumpuan kepada sektor berteknologi tinggi termasuk industri minyak dan gas, tenaga, aeroangkasa, E&E dan ICT. Selaras dengan rantai M&E dengan industri ini, keperluan M&E bernilai ditambah tinggi dan berteknologi tinggi akan merangsang pertumbuhan bagi menyediakan perkhidmatan dan sokongan kepada industri yang dikenalpasti. Ini akan mengalihkan Malaysia daripada pergantungan kepada buruh berpendapatan rendah dan sektor pengilangan termaju kepada separa mahir, berteknologi tinggi dan sektor perkhidmatan yang moden yang menggaji bakat-bakat berkemahiran tinggi.

M&E Khusus bagi Industri Spesifik

Subsektor M&E khusus bagi industri spesifik menyediakan keperluan industri spesifik dan direkabentuk mengikut keperluan khusus pengguna. Industri yang disasarkan termasuk E&E, minyak & gas, perubatan, solar/fotovoltaik, pertanian, automotif, makanan dan minuman, pertukangan kayu serta pemprosesan plastik. Syarikat dalam subsektor ini menjalankan aktiviti R&D, rekabentuk kejuruteraan, inovasi dan integrasi sistem, dengan penyumberan luar peralatan dan komponen yang ketara. Subsektor ini akan terus menjadi fokus utama untuk memindahkan Malaysia ke arah masyarakat moden dan berteknologi tinggi yang bergantung kepada kemahiran dan gaji yang lebih tinggi.

Secara umumnya, projek yang diluluskan dalam subsektor ini memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi di mana lebih daripada 70 peratus daripada jumlah peluang pekerjaan adalah di peringkat pengurusan, penyeliaan dan teknikal.

M&E Penjanaan Tenaga

Syarikat dalam subsektor ini mengeluarkan pelbagai M&E penjanaan tenaga seperti dandang, kondenser, enjin, turbin dan set generator perindustrian bagi kegunaan penapisan pelantar carigali minyak dan gas, loji petrokimia dan operasi komersial lain bagi memenuhi standard antarabangsa.

Dengan peningkatan permintaan tenaga yang mesra alam, cekap dan kos efektif, subsektor ini dijangka akan menaikkan rantai nilai kepada pengilangan M&E penjanaan tenaga yang cekap, termaju dan penyelesaian tenaga boleh diperbaharui yang mesra alam seperti turbin air dan angin dan sistem penjanaan tenaga fotovoltaik.

Jentera Kerja Logam

Subsektor jentera kerja logam dibahagi kepada dua kategori, iaitu peralatan mesin pemotong logam dan peralatan mesin pembentukan logam. M&E dalam kategori ini adalah mesin memotong laser, pusat pemesinan, mesin *elektro-discharge* (EDM), mesin penggiling, mesin penggerudi, mesin pelarik, mesin pemotong, gegelung bengkok, mesin penerap, brek tekanan, mesin penempa serta mesin kuasa dan hidraulik.

Kebanyakan mesin kerja logam yang dikeluarkan oleh pengilang tempatan adalah peralatan mesin pembentukan logam seperti penekan brek tenaga dan hidraulik dengan kapasiti tekanan dari 20 hingga 3,000 tan dan mesin kerja logam kepingan.

M&E Perindustrian Am, Komponen dan Peralatan

Subsektor M&E perindustrian am, komponen dan bahagian merangkumi kategori produk yang meluas seperti loji dan peralatan pendingin hawa perindustrian, lif, kren, sistem pembawa, pam, pemampat, penukar haba, pengandung tekanan, peralatan penapisan, injap, penggalas, gear, penggerak, gasket dan alatnya.


Syarikat dalam subsektor ini telah mendapat kedudukan dan pengiktirafan antarabangsa dalam bidangnya. Dalam bidang pembuatan kren menara, Malaysia adalah satu daripada tiga negara peneraju di Asia pada masa ini, selepas Jepun dan Republik Rakyat China. Malaysia juga merupakan peneraju di rantau Asia Tenggara bagi pengandung tekanan, modul dan kelengkapan proses bagi industri kimia, petrokimia serta minyak dan gas.

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Pada tahun 2011, sejumlah 74 projek dengan pelaburan berjumlah RM744.2 juta telah diluluskan dalam industri M&E. Daripada jumlah ini, 44 adalah projek baru (RM360.3 juta atau 48.4%) adalah projek baru dan 30 adalah projek pembesaran/pelbagai (RM383.9 juta atau 51.6%). Pelaburan domestik berjumlah RM492.8 juta (66.2%), manakala pelaburan asing berjumlah RM251.4 juta (33.8%). Projek yang diluluskan pada tahun 2011 dijangka akan menjana peluang pekerjaan sebanyak 3,936 orang.

Graf 16

Pelaburan bagi Projek Diluluskan dalam Industri Jentera dan Kelengkapan Mengikut Subsektor, 2011



Subsektor M&E khusus bagi industri spesifik terdiri daripada 21 projek dengan pelaburan berjumlah RM233.3 juta. Ini terdiri daripada 14 projek baru dengan pelaburan bernilai RM129.4 juta (55.5%) dan tujuh projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan berjumlah RM103.9 juta (44.5%). Pelaburan asing berjumlah RM70.5 juta (30.2%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM162.8 juta (69.8%).

Subsektor M&E penjanaan tenaga terdiri daripada tiga projek dengan pelaburan bernilai RM24 juta. Ini terdiri daripada dua projek baru dengan pelaburan bernilai RM12.7 juta dan satu projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan berjumlah RM11.3 juta. Pelaburan domestik berjumlah RM17.5 juta (72.9%) manakala pelaburan asing berjumlah RM6.5 juta (27.1%). Subsektor jentera kerja logam terdiri daripada satu projek baru dengan pelaburan domestik berjumlah RM1.6 juta.

Subsektor M&E perindustrian am, komponen dan bahagian terdiri daripada 49 projek dengan pelaburan sebanyak RM485.3 juta. Ini terdiri daripada 27 projek baru dengan pelaburan sebanyak RM216.6 juta (44.6%) dan 22 projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan sebanyak RM268.7 juta (55.4%). Pelaburan asing berjumlah RM174.4 juta (35.9%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM310.9 juta (64.1%).

Projek utama yang diluluskan termasuk:

- Satu projek pelbagaian milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM141.8 juta bagi mengeluarkan win untuk industri minyak dan gas serta limbungan kapal. Syarikat ini adalah pengeluar utama global bagi kren menara, di luar pantai dan pelabuhan. Projek ini melibatkan pengambilalihan syarikat asing yang mempunyai lebih daripada 10 tahun pengalaman teknikal dan pengetahuan perniagaan. Lapan puluh peratus daripada win akan dieksport ke limbungan kapal asing, syarikat pemilik kapal-kapal dan pelantar minyak;
- Satu projek pelbagaian milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM29.3 juta bagi mengeluarkan jentera dan komponen membuat tayar. Syarikat kini terlibat dalam pengeluaran acuan tayar getah. Projek ini akan meningkatkan keupayaan syarikat untuk menaikkan rantaian nilai;
- Satu projek baru milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM31.6 juta bagi mengeluarkan peralatan lengkap telaga minyak dan gas seperti penggantung pelapik, sokongan pelapik, alat pek kelikir, sistem kawalan aliran dan pembungkus;
- Satu projek pelbagaian milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM28 juta bagi mengeluarkan sistem pengendalian ujian, modul dan komponen yang berkaitan untuk industri semikonduktor;

- Satu projek pelbagai milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM21.8 juta bagi mengeluarkan loji pengekstrakan pelarut bagi minyak haiwan, lelemak, oleokimia dan pemprosesan lain tidak termasuk minyak sawit mentah. Syarikat kini terlibat dalam fabrikasi pengandung tekanan yang masa ini terlibat dalam pembekalan kepada projek utama bagi loji pengekstrakan pelarut;
- Satu projek baru milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM7.7 juta bagi mengeluarkan pengedap mekanikal untuk industri petrokimia serta industri minyak dan gas. Syarikat ini juga menjalankan aktiviti R&D dan telah memperolehi dua paten bagi pengedap mekanikalnya;
- Satu projek baru milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM5.9 juta bagi mengeluarkan mesin pembungkusan dan bahagian-bahagiannya. Syarikat akan membekalkan kesemua produknya ke syarikat Nestle, Procter & Gamble dan Unilever di luar negara;
- Satu projek milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM4.8 juta bagi mengeluarkan pengendali pemeriksaan penglihatan automatik, sistem pengilangan fleksibel dan pemungkah robotik serta mesin pembungkus untuk sarung tangan perubatan dan pembedahan. Syarikat ini adalah syarikat M&E yang sedia ada yang menjalankan aktiviti R&D, D&D dan aktiviti pengilangan bagi industri E&E. Projek pelbagai ini akan membesar rangkaian pelanggan mereka termasuk industri perubatan;
- Satu projek baru milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM2.8 juta bagi mengeluarkan bilik ujian untuk pelbagai aplikasi seperti IT, elektronik, aeroangkasa, pertahanan, sains, makmal perubatan dan R&D pengilangan. Produk yang dikilangkan adalah mesra alam kerana ia

adalah bebas daripada klorofluorokarbon (CFC) dan hydrofluorokarbon (HFC);

- Satu projek baru milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM1.7 juta bagi merekabentuk, membangun dan mengeluarkan M&E automatik dan separa automatik bagi industri perubatan. Syarikat ini akan menawarkan rantaian pengeluaran lengkap termasuk pengilangan, pengujian dan pembungkusan kateter *intravenuous* (IV), picagari dan jarum suntikan.

Projek yang diluluskan pada tahun 2011 menunjukkan bahawa industri M&E telah menaikkan rantaian nilai kepada terus menjalankan aktiviti R&D, rekabentuk kejuruteraan, pemasangan dan ujian bagi industri minyak dan gas, E&E, farmaseutikal dan perubatan. Industri sokongan kejuruteraan di Malaysia yang kukuh telah menyediakan penyelesaian kepada keperluan penyumberan luar adalah salah satu faktor utama yang menarik syarikat M&E untuk melabur di Malaysia. Undang-undang perlindungan harta intelek yang kukuh juga adalah faktor tambahan yang mempengaruhi pengilang M&E termaju dan berteknologi tinggi asing menempatkan operasi mereka di Malaysia.

Hala tuju industri M&E akan terus tertumpu kepada M&E dan modul berteknologi tinggi serta bernilai ditambah tinggi dan mengukuhkan aktiviti utama seperti aktiviti R&D, D&D, prototaip, pembangunan perisian, integrasi sistem, pemasangan, pengujian dan penentukan. Dengan kesediaaan sumber manusia berkemahiran tinggi dalam R&D dan D&D bagi aktiviti pengilangan M&E, ditambah pula dengan industri sokongan kejuruteraan yang dinamik yang menyediakan penyelesaian secara menyeluruh, Malaysia akan kekal berdaya saing sebagai lokasi pilihan bagi teknologi pengeluaran dan penyelesaian pengilangan.

INDUSTRI SOKONGAN KEJURUTERAAN

Industri sokongan kejuruteraan di Malaysia merangkumi aktiviti acuan dan dai, pemesinan, hentakan logam, penuangan logam, kejuruteraan permukaan, rawatan haba dan aktiviti penempaan telah memberi sokongan penting kepada pembangunan perindustrian negara, selaras dengan rantaiannya kepada pelbagai sektor ekonomi seperti pengilangan, pembinaan, pengangkutan, perlombongan dan pertanian.

Dalam empat dekad yang lalu, industri ini telah berkembang selaras dengan transformasi negara daripada ekonomi yang bergantung kepada pertanian kepada hab pengilangan global. Berbekalkan pengalaman dan pengiktirafan antarabangsa terhadap keupayaannya, kualiti pengeluaran yang konsisten serta penghantaran yang cepat dan boleh dipercayai dalam pelbagai jenis aktiviti kejuruteraan terutamanya dalam pemesinan dan fabrikasi, pihak terlibat dalam industri ini telah mempertingkatkan kemudahan sedia ada dan memperoleh teknologi bagi memenuhi keperluan yang ketat ke atas peralatan dan komponen serta perkhidmatan kejuruteraan jitu oleh OEM.

Dengan menaikkan rantaian nilai dan menyediakan penyelesaian pengilangan menyeluruh serta mengeluarkan bahagian dan komponen bagi industri berteknologi tinggi dalam E&E, automotif, pengilangan jentera, perubatan, minyak dan gas, aeroangkasa, pertahanan dan solar/fotovoltaik. Industri ini akan menjadi penyumbang utama dalam usaha Malaysia untuk menjadi lokasi pilihan bagi permintaan penyumberan luar global.

Antara syarikat peneraju Malaysia yang berupaya menyediakan penyelesaian pengilangan menyeluruh bagi permintaan global termaju adalah Alpha Master Sdn. Bhd., Atasmi Precision Machinist Sdn Bhd., UWC Holdings Sdn. Bhd., Lypometal Sdn. Bhd., Kobay Technology Sdn. Bhd. dan Kein Hing International Bhd.


Syarikat ini membangun dan mengeluar komponen modular bernilai ditambah tinggi, struktur mesin, komponen kejuruteraan jitu, fabrikasi dan subpemasangan logam kepingan dan menjalankan aktiviti kemasan permukaan.

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Sejumlah 42 projek diluluskan dalam industri sokongan kejuruteraan pada tahun 2011 dengan pelaburan bernilai RM570.1 juta berbanding dengan 59 projek (RM681.4 juta) pada tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, 36 adalah projek baru (RM440.7 juta atau 77.3%) dan enam projek pembesaran/ pelbagai (RM129.4 juta atau 22.7%). Pelaburan domestik berjumlah RM176.9 juta (31%) dan pelaburan asing berjumlah RM393.2 juta (69%). Projek yang diluluskan pada tahun 2011 dijangka mewujudkan 2,831 peluang pekerjaan.

Graf 17

Pelaburan bagi Projek Diluluskan dalam Industri Sokongan Kejuruteraan Mengikut Subsektor, 2011



Subsektor acuan dan dai terdiri daripada 15 projek dengan pelaburan sebanyak RM215.7 juta. Daripada jumlah ini, 12 adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM123.3 juta (57.2%) dan tiga projek pembesaran/ pelbagaiaan dengan pelaburan sebanyak RM92.4 juta (42.8%). Pelaburan asing berjumlah RM156.7 juta (72.6%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM59 juta (27.4%).

Subsektor pemesinan pula terdiri daripada 16 projek dengan pelaburan sebanyak RM102.3 juta. Daripada jumlah ini, 14 adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM96.5 juta (94.3%) dan dua projek pembesaran/ pelbagaiaan dengan pelaburan sebanyak RM5.8 juta (5.7%). Pelaburan asing berjumlah RM56.3 juta (55%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM46 juta (45%).

Subsektor hentakan logam terdiri daripada dua projek baru dengan pelaburan sebanyak RM31.4 juta. Pelaburan asing berjumlah RM20.8 juta (66.2%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM10.6 juta (33.8%).

Subsektor penuangan logam terdiri daripada dua projek baru dengan pelaburan sebanyak RM18.1 juta. Pelaburan asing berjumlah RM4.3 juta (23.8%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM13.8 juta (76.2%).

Subsektor kejuruteraan permukaan terdiri daripada enam projek dengan pelaburan sebanyak RM115.9 juta. Daripada jumlah ini, lima adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM84.6 juta (73%) dan satu projek pembesaran/pelbagaiaan dengan pelaburan sebanyak RM31.3 juta (27%). Pelaburan asing berjumlah RM68.4 juta (59%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM47.5 juta (41%).

Subsektor penempaan terdiri daripada satu projek baru dengan pelaburan asing sebanyak RM86.7 juta.

Projek utama yang diluluskan termasuk:

- Satu projek baru milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM86.7 juta bagi mengeluarkan produk ditempa, aloi, keluli dan bukan ferus. Syarikat ini akan mengeluarkan produk tempaan yang besar dan kompleks bagi industri petrokimia serta minyak dan gas yang menjadikannya syarikat tunggal di Malaysia yang menjalankan aktiviti ini;
- Satu projek baru milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM60.9 juta bagi menjalankan aktiviti penyaduran keluli dan paip besi. Projek ini akan menyediakan perkhidmatan kepada industri minyak dan gas bagi pasaran luar negara;
- Satu projek pembesaran milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM43.8 juta bagi mengeluarkan dawai gergaji jitu untuk jongkong silikon. Projek ini akan melengkapkan kluster semikonduktor dan fotovoltaik di Malaysia dan akan terus meningkatkan pembangunan subsektor ini;
- Satu projek pelbagai oleh syarikat sedia ada milik sepenuhnya rakyat asing melibatkan pelaburan sebanyak RM36.8 juta bagi mengeluarkan hentakan logam jitu dan bahagian boleh ubah, pemesinan, alatan dan dai untuk industri E&E. Projek ini melibatkan pengambilalihan syarikat sedia ada dengan pelbagai keupayaan teknologi kejuruteraan untuk menjadi integrasi menegak dan memberi layanan kepada syarikat-syarikat dalam kumpulannya di rantau Asia Pasifik dan Amerika Selatan, serta pelanggan global seperti HP, Foxcon, Jabil dan Xerox;

- Satu projek pembesaran oleh syarikat usahasama sedia ada dengan pelaburan sebanyak RM30.3 juta bagi mengeluarkan acuan suntikan plastik. Syarikat ini adalah sebuah anak syarikat kepada kumpulan yang terkenal bagi membekalkan acuan dan bahagian suntikan plastik untuk industri automotif. Projek pembesaran ini bercadang untuk mengeluarkan acuan besar yang melebihi 10 tan metrik dan akan meningkatkan keupayaan kumpulannya untuk membekalkan penyelesaian menyeluruh ke atas acuan bagi industri automotif;
- Satu projek baru milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM16.4 juta bagi menjalankan aktiviti pemesinan bahagian plastik dan logam jitu untuk industri perubatan, aeroangkasa serta minyak dan gas. Projek ini akan menyediakan peluang penyumberan luar kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk proses sekunder seperti rawatan haba, *anodising* dan penyaduran; dan
- Satu projek baru milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM10 juta untuk menjalankan aktiviti kejuruteraan permukaan bagi industri berteknologi tinggi iaitu industri aeroangkasa, semi-konduktor, industri perubatan dan optik.

Projek yang diluluskan pada tahun 2011 menunjukkan bahawa industri ini sedang memperkuuh dan merasionalisasi kedudukan mereka bagi menghadapi cabaran dalam menyokong sektor pengilangan di Malaysia yang bergerak menuju ke arah industri berteknologi tinggi, berintensif modal dan bernilai ditambah tinggi.

Pembangunan masa depan industri sokongan kejuruteraan akan memberi tumpuan kepada pengukuhan perkhidmatan, dan meningkatkan keupayaan dan kualiti pengeluaran untuk menyediakan penyelesaian menyeluruh.

Industri ini bersedia ke arah pensijilan antarabangsa bagi pembekalan bahagian dan komponen bagi industri aeroangkasa, perubatan dan solar/fotovoltaik.

Oleh kerana pasaran penyumberan luar global berkembang pesat, Malaysia memerlukan lebih banyak penyedia penyelesaian pengilangan atau menyeluruh bagi mendapatkan sebahagian besar permintaan pasaran global, terutama bagi industri berteknologi tinggi. Industri sokongan kejuruteraan akan terus menjadi penyumbang utama kepada usaha-usaha Malaysia untuk menjadi lokasi pilihan bagi permintaan penyumberan luar global.

PRODUK LOGAM ASAS

Industri produk logam asas membekalkan produk asas dan perantara serta input yang diperlukan bagi pembangunan sektor perkilangan dan pembinaan.

Industri ini terdiri daripada dua subsektor iaitu produk logam ferus (besi dan keluli) dan bukan ferus (aluminium, timah, tembaga, zink, plumbum, dan lain-lain). Pada masa ini terdapat 410 buah syarikat yang diluluskan Lesen Pengilang dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak 36.1 juta tan metrik.

Subsektor produk logam asas boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan/produk yang berbeza iaitu:

- produk primer terdiri daripada pengganti besi buruk seperti *hot-briquetted iron* (HBI) dan *direct reduced iron* (DRI) dan produk separuh siap seperti bilet, *blooms and slabs*;
- *Rolling products* dan produk siap terdiri daripada produk panjang seperti bar, rod dawai dan *sections*; dan produk leper seperti *hot-rolled plates and sheets* dan *cold-rolled coils* (CRC); dan

- *Secondary products* terdiri daripada dawai dan produk dawai seperti paku, jejaring dawai, *bolts* dan *nat* dan produk *secondary flat*.

Import produk besi dan keluli berjumlah RM24.8 bilion pada tahun 2011 manakala import produk logam bukan ferus berjumlah RM21.2 bilion pada tahun 2011.

Eksport produk besi dan keluli berjumlah RM10.2 bilion pada tahun 2011 manakala eksport produk logam bukan ferus berjumlah RM10.9 bilion pada tahun 2011.

Persatuan Keluli Dunia menganggarkan bahawa penggunaan keluli global akan berkembang sebanyak 6.5 peratus pada tahun 2011 berikutan pertumbuhan sebanyak 15.1 peratus pada tahun 2010. Pada tahun 2012, adalah diramalkan bahawa permintaan keluli dunia akan terus berkembang iaitu sebanyak 5.4 peratus, meskipun mengalami kelembapan ekonomi di Amerika Syarikat dan krisis hutang kerajaan Eropah.

Penggunaan keluli Malaysia pada tahun 2010 berjumlah 8.8 juta tan, iaitu peningkatan sebanyak 14 peratus berbanding tahun 2009. Pada tahun 2011, penggunaan keluli Malaysia dijangka akan berkembang sebanyak 5 hingga 7.5 peratus. Ramalan yang lebih tinggi pada tahun 2011 adalah disebabkan oleh pemulihan permintaan keluli pada setengah tahun pertama.

Pengeluaran keluli di Malaysia didominasi oleh produk panjang, terutamanya digunakan dalam sektor pembinaan, seperti bilet (7.6 juta tan metrik), bar keluli (3.1 juta tan metrik) dan rod dawai (1.2 juta tan metrik). Pengeluaran produk leper seperti *hot rolled coils* (HRC) (2.5 juta tan) dan CRC (0.7 juta tan metrik) meningkat selaras dengan aktiviti-aktiviti pembuatan yang semakin meningkat.

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Pada tahun 2011, sebanyak 38 projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM9.9 bilion. Daripada 38 projek, 22 adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM7.3 bilion manakala 16 adalah projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan sebanyak RM2.6 bilion. Daripada jumlah yang diluluskan, RM6.3 bilion atau 64 peratus adalah pelaburan domestik manakala RM3.6 billion adalah pelaburan asing.

Projek-projek utama yang diluluskan termasuk:

- Satu projek baru milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM2.5 bilion bagi mengeluarkan rod aluminium bersepadu;
- Satu projek baru milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM1.8 juta bagi menjalankan aktiviti peleburan aluminium;
- Satu projek pembesaran oleh syarikat milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM985 juta bagi mengeluarkan jejaring dawai dan landasan keretapi;
- Satu projek pembesaran oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing bagi mengeluarkan paip tanpa kimpalan (*seamless*) dan paip dikimpal dengan pelaburan sebanyak RM886 juta;
- Satu projek baru milik sepenuhnya rakyat asing bagi mengeluarkan logam silikon dan wasap silika (*silica fume*) dengan pelaburan sebanyak RM815 juta;
- Satu projek baru milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM700 juta bagi mengeluarkan HRC;

- Sebuah projek baru milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM637 juta bagi mengeluarkan logam silikon; dan
- Satu projek pembesaran oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat Malaysia bagi mengeluarkan pelet besi dengan pelaburan sebanyak RM210 juta.

Industri produk logam asas dijangka akan terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia. Dengan penubuhan sebuah kilang *medium/heavy section and HRC* di Malaysia, akan mewujudkan momentum penyumberan tempatan produk/bahan keluli oleh pelbagai pengguna industri perantara dan hiliran.

Kerajaan akan terus menggalakkan pelaburan dalam pengeluaran produk logam asas yang mempunyai potensi pertumbuhan seperti aloi logam yang mempunyai permintaan yang tinggi bagi aplikasi bilah turbin enjin jet, *spacecrafts*, reaktor nuklear dan lain-lain. *Common alloyants* termasuk mangan, nikel, kromium, molibdenum, vanadium, silikon dan boron dan *less common alloyants* seperti aluminium, kobalt, kuprum, serium, niobium, titanium, tungsten, timah dan zirkonium perlu terus dibangunkan memandangkan kepentingan masing-masing dan juga sebagai pelengkap kepada industri logam.

Satu perkembangan terkini berkaitan dengan dasar industri produk logam asas adalah pelaksanaan standard mandatori ke atas import kepingan dan foil aluminium merangkumi enam barisan tarif yang berkuatkuasa pada 1 November 2011. Langkah baru ini diperkenalkan bagi memastikan bahan mentah yang digunakan di dalam pengeluaran produk akhir dihasilkan di negara ini memenuhi kualiti dan keperluan keselamatan.

PRODUK LOGAM FABRIKASI

Aktiviti fabrikasi logam boleh diklasifikasikan kepada empat kategori, iaitu:

- Fabrikasi untuk industri carigali minyak dan gas di luar pesisir/ di darat;
- Fabrikasi pembinaan bangunan dan sivil;
- Fabrikasi loji pengilangan dan pemprosesan; dan
- Fabrikasi struktur kelengkapan dan komponen serta jentera perindustrian.

Industri ini juga meliputi produk lain seperti pengilangan tangki, tong, kotak logam, bekas tin, perabot dan kelengkapan, logam, dawai dan produk dawai, produk logam bukan ferus dan perkakasan isi rumah.

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Pada tahun 2011, sejumlah 63 projek telah diluluskan bagi mengeluarkan produk logam fabrikasi dengan pelaburan sebanyak RM1.4 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM619.8 juta (44%), manakala pelaburan asing berjumlah RM804.7 juta (56%). Daripada 63 projek yang diluluskan, 51 adalah projek baru (RM1.1 bilion) dan 12 adalah projek pembesaran/ pelbagai (RM326.4 juta). Projek yang diluluskan pada tahun 2011 dijangka akan menjana peluang pekerjaan tambahan sebanyak 4,153 orang.

Projek utama diluluskan termasuk:

- Satu projek baru milik majoriti rakyat Malaysia bagi mengeluarkan pelantar pengeluaran petroleum dengan pelaburan sebanyak RM300 juta;

- Satu projek baru milik sepenuhnya rakyat asing bagi mengeluarkan *induction heated quenched and tempered wires* untuk industri automotif dengan pelaburan sebanyak RM239.7 juta; dan
- Satu projek pembesaran oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat Malaysia bagi mengeluarkan tin minuman dengan pelaburan sebanyak RM111 juta.

Industri fabrikasi logam di Malaysia adalah satu industri yang tertubuh untuk membekalkan produk logam fabrikasi kepada pelbagai industri termasuk minyak dan gas, jentera dan kelengkapan, E&E, pembinaan dan automotif.

Industri ini didominasi oleh rakyat Malaysia dan banyak syarikat Malaysia telah membangunkan keupayaan bertaraf dunia di dalam pelbagai aktiviti. Pembangunan masa hadapan industri ini akan bergantung kepada keupayaan untuk mempelbagaikan rangkaian produk bagi memenuhi keperluan terkini industri berteknologi tinggi seperti minyak dan gas, aeroangkasa dan automotif.

TEKSTIL DAN PRODUK TEKSTIL

Industri tekstil dan produk tekstil di Malaysia terdiri daripada empat subsektor iaitu tekstil asas yang meliputi aktiviti seperti pempolimeran, pemintalan, penenunan, pengaitan dan pemprosesan basah; pakaian siap; tekstil siap; dan aksesori tekstil.

Pada masa ini, terdapat lebih daripada 662 syarikat berlesen sedang beroperasi bagi mengeluarkan pelbagai jenis tekstil dan produk tekstil daripada fiber (gentian), benang dan fabrik kepada pakaian siap dan pencelupan, percetakan dan penyiapan benang dan kain. Di samping itu, terdapat kira-kira 1,000 syarikat tekstil berskala kecil sedang beroperasi yang dikecualikan daripada Lesen Pengilang.

Disebabkan oleh persaingan global yang sengit, pengeluar tekstil Malaysia telah meningkatkan rantaian nilai dengan mempelbagaikan pengeluaran produk tekstil bernilai ditambah tinggi, melaksanakan proses pengilangan berautomasi dan berkomputer, menjalinkan kerjasama perniagaan dengan syarikat asing bagi memperoleh teknologi baru serta menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi membangunkan proses baru, aplikasi baru dan produk bernilai ditambah.

Pada tahun 2011, industri tekstil dan produk tekstil merupakan pengeksport kesepuluh terbesar yang menyumbang hampir 2.3 peratus kepada jumlah eksport barang perkilangan Malaysia. Eksport tekstil dan produk tekstil pada tahun 2011 bernilai RM10.8 bilion. Barang eksport utama terdiri daripada benang, fabrik tenunan dan pakaian. Pengeluar pakaian Malaysia terus mengekalkan reputasi yang sangat baik dari segi kualiti dan kebolehupayaan pengeluaran produk berjenama di pasaran seperti Nike, Adidas, DKNY, Ann Taylor, Armani, Talbots dan Tommy Hilfiger.

Pada tahun 2011, import tekstil dan produk tekstil berjumlah RM6.6 bilion. Barang import utama adalah benang dan fabrik tenunan yang digunakan bagi pengeluaran fabrik dan pakaian.


Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Pada tahun 2011, sebanyak 14 projek telah diluluskan dalam industri tekstil dan produk tekstil dengan pelaburan sebanyak RM291.1 juta. Daripada jumlah ini, lapan adalah projek baru (RM59.8 juta) manakala enam lagi adalah projek pembesaran/pelbagaian (RM231.3 juta). Pelaburan domestik berjumlah RM55 juta (18.9%) manakala pelaburan asing berjumlah RM236.1 juta (81.1%).

Daripada 14 projek yang diluluskan, tiga projek adalah bagi mengeluarkan tekstil asas (RM204 juta), tujuh projek bagi mengeluarkan pakaian siap (RM51.5 juta) dan empat projek bagi tekstil siap (RM35.6 juta). Projek yang diluluskan ini akan menjana sejumlah 1,356 peluang pekerjaan, yang mana 492 adalah dalam kategori pengurusan, teknikal, penyeliaan dan tenaga kerja mahir. Sebahagian pekerjaan mahir yang akan diwujudkan termasuk jurutera, juruteknik dan pereka.

Graf 18

Pelaburan bagi Projek Diluluskan dalam Industri Tekstil dan Produk Tekstil Mengikut Subsektor, 2011



Projek utama yang diluluskan adalah:

- Satu projek pembesaran oleh syarikat wujud milik asing dengan pelaburan tambahan sebanyak RM195 juta bagi mengeluarkan benang. Pada masa ini syarikat sedang mengeluarkan kepingan poliester, fiber, benang dan fabrik serta menjalankan aktiviti pelunturan, pewarnaan, pencetakan dan penyiapan fabrik. Syarikat bercadang untuk menggunakan teknologi terkini bagi pengeluaran *fully drawn yarn/partially oriented yarn*.

- Apabila dilaksanakan, projek ini akan menjadi yang pertama seumpamanya di rantau ASEAN. Projek ini akan mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi bagi pekerja mahir dan memberi sumbangan besar kepada GNI negara. Sembilan puluh peratus daripada pengeluarannya akan dieksport ke Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun.
- Satu projek pembesaran oleh syarikat milik rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM23.3 juta. Syarikat bercadang untuk mengeluarkan tali dan pukat serta jaring lain daripada fiber tiruan untuk kegunaan perindustrian. Projek ini merangkumi pelbagai aktiviti pengilangan bersepadan dan pelbagai proses pengeluaran tali. Projek ini akan menghasilkan produk di bawah jenama *Eagle* dan *Fish* yang terkenal dalam industri pukat. 60 peratus daripada pengeluarannya adalah untuk pasaran tempatan.

Industri tekstil dan produk tekstil terus menjadi industri penting kepada ekonomi Malaysia. Pelaburan yang berterusan oleh pelabur sedia ada dan pelabur baru menunjukkan bahawa Malaysia masih mampu mengekalkan bahagian pasaran domestik dan globalnya disebabkan oleh reputasi produk tekstil yang berkualiti tinggi dan berupaya menepati tarikh penghantaran dengan segera.

Majoriti projek yang diluluskan di dalam industri tekstil dan produk tekstil telah merancang untuk mengeksport sebahagian besar output mereka. Apabila dilaksanakan, projek ini akan menjana pendapatan eksport Malaysia yang ketara kira-kira RM671 juta setahun.

INDUSTRI PERALATAN PERUBATAN

Industri peralatan perubatan telah mengalami pertumbuhan yang ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Industri peralatan perubatan global agak besar, amat kompetitif dan sangat inovatif, dengan jualan di seluruh dunia yang dianggarkan melebihi daripada US\$300 bilion dan berkembang pada kadar 10 peratus setiap tahun. Pertumbuhan industri ini didorong oleh penduduk yang meningkat usia, peningkatan perbelanjaan penjagaan kesihatan dan inovasi produk. Amerika Syarikat adalah pasaran terbesar bagi peralatan perubatan yang menyumbang kepada 47 peratus daripada jumlah pasaran.

Di Malaysia, industri peralatan perubatan adalah satu industri yang luas yang menghasilkan pelbagai produk dan peralatan yang terdiri daripada sarung tangan perubatan, alat-alat implan, peranti ortopedik dan dialisis kepada peralatan pengimejan diagnostik serta peralatan pembedahan invasif minimum dan alat-alat lain yang boleh digunakan bagi tujuan perubatan, pembedahan, pergigian, optik dan kesihatan am. Pada masa ini, pasaran peralatan perubatan Malaysia dianggarkan bernilai US\$900 juta. Menjelang tahun 2015, nilai pasaran peralatan perubatan Malaysia dijangka akan mencecah US\$1.7 bilion.

Industri peralatan perubatan di Malaysia adalah didominasi oleh syarikat berskala kecil dan sederhana (IKS) yang terlibat dalam pengeluaran sarung tangan perubatan dan produk perubatan pakai buang lain. Pada masa ini, terdapat lebih daripada 180 pengilang peranti perubatan termasuk beberapa MNC terkemuka dunia sedang beroperasi di Malaysia. Antara MNC ini adalah Ambu, B. Braun, CR Bard, Ciba Vision, Meditop Corporation, St Jude Medical, Symmetry Medical, Accelent dan Teleflex.

Syarikat MNC dalam industri ini terutamanya terlibat dalam pengeluaran produk bernilai tinggi seperti produk ortopedik, instrumen pembedahan, elektrod perubatan, *safety intravenous cannulae*, perentak jantung, *defibrillators*, mesin/peralatan dialisis dan kanta *ophthalmic*.

Industri ini terus berkembang kerana syarikat peralatan perubatan sedia ada, kedua-dua tempatan dan asing, membesar operasi mereka di Malaysia serta kemudahan pengilangan baru ditubuhkan di Malaysia. Syarikat-syarikat sedia ada termasuk Hartalega, Top Glove, Terang Nusa, Dufu Industries, Ciba Vision dan Munivac manakala syarikat-syarikat baru termasuk Qube Medical, Peri-dent Star, Ummi Medical dan Formedic Technologies.

Industri peralatan perubatan telah dikenal pasti sebagai salah satu bidang pertumbuhan dan telah disenaraikan di bawah NKEA Penjagaan Kesihatan. Sehingga kini, Kerajaan telah mengumumkan tujuh peralatan baru yang berkaitan EPP, yang akan menjana RM17.1 bilion pendapatan dan RM11.4 bilion dalam GNI serta akan mewujudkan 86,000 peluang pekerjaan menjelang 2020.

Selaras dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia berperanan penting di dalam pasaran peralatan perubatan di Asia Pasifik dalam masa terdekat serta untuk menguasai pasaran tambah nilai khusus di Eropah, Amerika Syarikat dan negara-negara lain menjelang tahun 2020, inisiatif utama perlu diambil termasuk memperbaiki penembusan pasaran domestik, meningkatkan eksport dan menaikkan rantaian nilai. Satu lagi inisiatif tambahan adalah dengan menyediakan Rang Undang-undang Peranti Perubatan. Rang Undang-Undang ini sedang dan sudah mula dikaji sejak September 2011. Apabila diluluskan, semua peralatan perubatan yang diimport atau dijual di Malaysia perlu didaftarkan.

Pada tahun 2011, eksport peralatan perubatan adalah bernilai RM11.7 bilion. Malaysia terus menjadi pengeluar dan pengeksport utama sarung tangan perubatan dan kateter dengan nilai eksport berjumlah RM9.1 bilion, yang menyumbang kira-kira 77.8 peratus daripada jumlah eksport peralatan perubatan. Eksport utama lain termasuk instrumen dan perkakas yang digunakan di dalam sains perubatan, pembedahan, pergigian atau veterinar (RM1.5 bilion), kanta *ophthalmic* termasuk kanta lekap (RM353.2 juta) dan peralatan ortopedik (RM230.9 juta). Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun adalah destinasi eksport utama.

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Sejumlah 16 projek dengan pelaburan sebanyak RM735.2 juta telah diluluskan pada tahun 2011. Daripada jumlah tersebut, tujuh adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM104.8 juta dan sembilan projek pembesaran/pelbagai (RM630.4 juta). Pelaburan asing berjumlah RM282.5 juta (38.4%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM452.7 juta (61.6%). Projek ini dijangka akan mewujudkan lebih daripada 6,000 peluang pekerjaan.

Daripada 16 projek yang diluluskan, lapan projek dengan pelaburan sebanyak RM266.6 juta atau 36.3 peratus daripada jumlah pelaburan adalah untuk pengilangan sarung tangan bukan perubatan. Projek ini adalah terutamanya untuk produk bermutu tinggi dan bernilai ditambah tinggi yang melibatkan aktiviti R&D.

Antara projek-projek penting yang diluluskan ialah:

- Satu projek pembesaran oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM180 juta untuk mengeluarkan kanta lekap termasuk hidrogel silikon. Syarikat ini akan menjalankan aktiviti R&D dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM18 juta. Projek itu akan menjana 822 peluang

pekerjaan. Produk berkenaan akan dieksport terutamanya ke Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun.

- Satu projek baru oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM17.7 juta bagi mengeluarkan peranti dan peralatan makmal dan perubatan. Syarikat ini juga akan menjalankan aktiviti rekabentuk dan pembangunan bagi mengeluarkan produk ini. Syarikat ini dijangka akan menggaji tenaga kerja berkemahiran tinggi dengan indeks MTS sebanyak 66 peratus. Dengan tahap kandungan tempatan dan tambahan nilai yang tinggi, projek ini akan memberi sumbangan yang besar kepada rantaian penyumberan luar tempatan. Produk ini akan dieksport terutamanya ke negara-negara ASEAN, Timur Tengah dan Afrika.
- Satu projek baru dengan pelaburan sebanyak RM1.3 juta oleh sebuah syarikat milik sepenuhnya rakyat Malaysia bagi mengeluarkan perkusi mudah alih untuk paru-paru sesak (*portable percussion for congested lung*). Produk ini adalah untuk kegunaan pesakit dengan penyakit kronik seperti *cystic fibrosis*, penyakit *neurovascular* dan penyakit pulmonari yang kronik, merupakan produk pertama seumpamanya yang akan dikeluarkan di Malaysia. Produk ini juga merupakan satu hasil inovasi oleh rakyat tempatan dan di dalam proses dipatenkan. Projek yang mempunyai bilangan pekerja berpengetahuan tinggi yang besar dengan indeks MTS sebanyak 75 peratus ini adalah penting bagi menggambarkan kebolehan rakyat tempatan. Produk ini akan dieksport ke Amerika Syarikat, Eropah, Jepun dan Republik Rakyat China.

Projek yang diluluskan menunjukkan bahawa industri peralatan perubatan di Malaysia telah berkembang dan mempelbagai pelbagai produk bernilai ditambah yang lebih tinggi, selaras dengan NKEA. Projek ini menyediakan peluang penyumberan luar kepada syarikat tempatan terutama syarikat kecil dan sederhana.

Aktiviti penyumberan luar ini termasuk aktiviti pemesinan instrumen, acuan, perkhidmatan pensterilan, pembungkusan perubatan steril dan EMS.

Dengan kewujudan industri sokongan yang kukuh bagi industri peralatan perubatan, pembesaran pengeluaran peralatan perubatan yang berkualiti tinggi dan berintensif teknologi serta canggih dijangka akan berterusan. Ini adalah selaras dengan objektif NKEA Penjagaan Kesihatan yang bertujuan untuk membangunkan subsektor teknologi perubatan seperti peralatan perubatan, peralatan diagnostik dan teknologi maklumat penjagaan kesihatan.

PERTANIAN DAN PEMPROSESAN MAKANAN

Pertanian

Sektor pertanian merangkumi akuakultur dan perikanan marin; penanaman hasil tanaman/buah-buahan/sayur-sayuran; florikultur, ikan hiasan; penternakan haiwan; dan penternakan lebah. Penternakan, perikanan, buah-buahan dan sayur-sayuran merupakan subsektor utama yang mempunyai rantaian penting dalam industri pemprosesan makanan di Malaysia.

Ayam, itik dan lembu adalah produk utama dalam subsektor penternakan haiwan. Penambahbaikan dalam kaedah penternakan telah menyumbang kepada produktiviti yang lebih tinggi dan mengurangkan risiko penyakit. Walaupun bekalan tempatan bagi ayam, itik, khinzir dan telur mencukupi bagi keperluan tempatan, tetapi sebahagian besar daripada permintaan domestik bagi daging lembu dan kambing masih diimport.

Subsektor perikanan di Malaysia boleh dikategorikan kepada penangkapan ikan marin dan akuakultur. Akuakultur kekal sebagai segmen pertumbuhan yang berkembang paling pesat dalam subsektor ini, dengan anggaran pengeluaran tahunan sebanyak 300,000 tan metrik. Jumlah eksport Malaysia bagi ikan dan makanan laut lain bagi tempoh 2011 adalah sebanyak RM2.7 bilion.

NKEA Pertanian telah disasar untuk meningkatkan jumlah sumbangan GNI sebanyak RM20 bilion bagi mencapai RM49 bilion menjelang tahun 2020, melalui 16 EPP dan 11 peluang perniagaan. NKEA Pertanian mensasarkan peningkatan sebanyak 75,000 pekerjaan tambahan yang kebanyakannya terletak di kawasan luar bandar dan meningkatkan pendapatan petani yang menyertai inisiatif ini sehingga dua hingga empat kali ganda. Minyak sawit serta pemborongan dan peruncitan merupakan sumber pengganda kesan kepada NKEA Pertanian.

Pada tahun 2011, eksport sayur-sayuran dan buah-buahan bernilai RM1.4 bilion. Kebanyakan pengeluaran buah-buahan ini adalah untuk kegunaan segar di pasaran domestik. Kebanyakan buah-buahan beriklim sederhana seperti epal, anggur dan oren adalah dimport. Jumlah import sayur-sayuran dan buah-buahan bernilai RM4.3 bilion pada tahun 2011.

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Pada tahun 2011, sejumlah 43 projek pertanian telah diluluskan dengan insentif. Pelaburan dalam projek ini bernilai RM255 juta. Daripada projek yang diluluskan, 40 adalah projek baru (RM233 juta), manakala tiga adalah projek pembesaran/pelbagai (RM22 juta). Pelaburan domestik bernilai RM196.5 juta (77%) manakala pelaburan asing bernilai RM58.5 juta (23%).

Projek-projek yang diluluskan termasuk florikultur, akuakultur, penternakan serta penanaman cendawan, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Antara projek utama yang diluluskan adalah:

- Satu projek milik majoriti warga Singapura dengan nilai pelaburan sebanyak RM78 juta untuk menjalankan penanaman bunga kekwa di Lojing, Kelantan bagi pasaran eksport; dan
- Satu projek milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan nilai pelaburan sebanyak RM10.5 juta untuk menjalankan pembiakan ikan hiasan. Lebih 95 peratus daripada ikan ini akan dieksport ke Republik Rakyat China, Taiwan, Jepun, Republik Korea dan Hong Kong.

Pemprosesan Makanan

Pemprosesan makanan adalah subsektor yang terdiri daripada semua aktiviti penambahan nilai yang menggunakan hasil pertanian atau hortikultur. Transformasi di dalam industri makanan daripada proses konvensional kepada penggunaan teknologi baru muncul adalah selari dengan pembangunan industri ini di peringkat global.

Malaysia terus kekal sebagai pengimport bersih bagi makanan. Pada tahun 2011, jumlah import makanan adalah sebanyak RM34.5 bilion, berbanding dengan RM27.4 bilion pada tahun 2010. Import utama merupakan bijirin dan penyediaan bijirin (RM7.2 bilion), kopi, teh, koko dan rempah ratus (RM5.7 bilion) serta sayur-sayuran dan buah-buahan (RM4.3 bilion). Jumlah eksport makanan adalah sebanyak RM20.6 bilion pada tahun 2011 berbanding dengan RM16.4 bilion pada tahun 2010. Antara barang utama yang dieksport adalah produk koko, kopi dan teh (RM5.6 bilion), produk yang boleh dimakan dan persediaan (RM4.8 bilion) dan produk makanan laut (RM2.7 bilion).

Pada Julai 2011, Kerajaan telah memutuskan untuk menambah industri makanan sebagai NKRA ketujuh di samping enam NKRA sedia ada. NKRA baru ini akan meliputi makanan dan barang-barangan keperluan lain termasuk rantaian bekalan. Ini adalah bagi menangani isu kenaikan kos sara hidup di mana kenaikan harga makanan global kini telah menjelaskan negara-negara di seluruh dunia. Untuk meringankan beban rakyat dan memastikan keselamatan dan jaminan makanan, Kerajaan telah mengumumkan bahawa mekanisma kawalan harga dan subsidi bagi kebanyakan barang keperluan akan dikekalkan.

Beberapa langkah baru akan diambil untuk meliberalisasi rantaian bekalan seperti membenarkan lebih banyak barang dan item yang diimport ke dalam pasaran, memanfaatkan tanah kosong dan terbiar untuk penanaman dan pengeluaran makanan serta mendapatkan sumber alternatif bahan mentah yang lebih murah.


Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Sejumlah 47 projek dengan pelaburan berjumlah RM2.3 bilion telah diluluskan untuk subsektor pemprosesan makanan (termasuk minuman) pada tahun 2011 berbanding dengan 80 projek dengan pelaburan berjumlah RM2.6 bilion pada tahun 2010. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, pelaburan asing bernilai RM1.4 bilion (60.9%) manakala pelaburan domestik bernilai RM900 juta (39.1%).

Projek yang telah diluluskan melibatkan pengeluaran produk daging yang telah diproses; produk tenusu; produk koko; coklat dan produk konfeksi; produk makanan laut; dan produk makanan lain seperti madu, perisa makanan, makanan haiwan; serta minuman.

Graf 19

Pelaburan Diluluskan dalam Sektor Pemprosesan Makanan, 2011



Projek utama yang telah diluluskan adalah:

- Satu projek pembesaran oleh syarikat milik rakyat Malaysia sepenuhnya dengan pelaburan sebanyak RM222 juta untuk mengeluarkan produk daging lembu, ayam dan makanan laut yang diproses. Syarikat ini sedang bergerak ke arah proses penjenteraan sepenuhnya dengan barisan yang didedikasikan untuk setiap produk tertentu. Projek pembesaran ini adalah untuk memenuhi peningkatan permintaan daripada Singapura, Thailand, Indonesia, Republik Rakyat China, India dan Timur Tengah.
- Sebuah projek milik asing sepenuhnya dari Denmark dengan pelaburan sebanyak RM122 juta untuk menghasilkan bahan pengemulsi dan penstabil. Syarikat ini merupakan salah satu daripada pihak industri utama di peringkat global dalam subsektor bahan makanan. Syarikat bercadang untuk melaksanakan aktiviti R&D dalam pengilangan dan penambahbaikan proses

pengeluaran bagi meningkatkan produktiviti dan pengeluaran pengemulsi kek. Lebih daripada 95 peratus produk tersebut akan dieksport ke Amerika Syarikat, Australia, Brazil, Jepun, Republik Korea, Republik Rakyat China, India, Taiwan, dan negara-negara Asia Tenggara. Ini akan meningkatkan penggunaan produk minyak sawit tempatan kerana syarikat ini akan menggunakan bahan mentah tempatan bagi produk siapnya.

PRODUK KELAPA SAWIT

Subsektor produk kelapa sawit terdiri daripada minyak sawit, minyak isirong sawit, oleokimia dan bahan terbitan (termasuk biodiesel) serta produk daripada biomas sawit (termasuk penjanaan tenaga).

Industri kelapa sawit merupakan industri yang penting di Malaysia. Industri ini merupakan penyumbang keempat terbesar kepada ekonomi negara dan pada masa ini menyumbang sebanyak RM53 bilion kepada GNI. NKEA Minyak Sawit disasarkan untuk mencapai GNI sebanyak RM178 bilion menjelang 2020.

Indonesia kekal sebagai pengeluar minyak sawit yang terbesar manakala Malaysia pula merupakan pengeksport yang terbesar. Pengguna utama minyak sawit adalah Republik Rakyat China, India dan Eropah.

Pada tahun 2011, pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) berjumlah 18.9 juta tan metrik berbanding 16.9 juta tan metrik pada tahun 2010. Pada tahun 2011, pengeluaran minyak isirong sawit mentah dan kek isirong sawit masing-masing bernilai 2.1 juta tan metrik dan 2.4 juta tan metrik.

Negeri Sabah, Johor dan Pahang merupakan pengeluar utama minyak sawit mentah. Kadar penggunaan di kilang pemprosesan minyak sawit dan pengisar isirong sawit masing-masing adalah 93.4 peratus dan 63 peratus, manakala kadar penggunaan di kilang penapisan minyak sawit mencatatkan 78 peratus dan 77.1 peratus bagi oleokimia.

Eksport produk minyak sawit Malaysia pada tahun 2011 yang melibatkan minyak sawit (kelapa sawit mentah dan minyak sawit yang diproses), minyak isirong sawit, kek isirong sawit, oleokimia, biodiesel, keluaran siap dan lain-lain keluaran kelapa sawit berjumlah 24.3 juta tan metrik berbanding dengan 23 juta tan pada tahun 2010. Nilai eksport meningkat daripada RM59.7 bilion pada tahun 2010 kepada RM80.3 bilion pada tahun 2011.

Republik Rakyat China kekal sebagai pengimport terbesar bagi minyak sawit Malaysia berjumlah empat juta tan pada tahun 2011 yang diikuti oleh Eropah, Pakistan, India dan Amerika Syarikat.

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Pada tahun 2011, sebanyak 52 projek dengan pelaburan berjumlah RM3 bilion telah diluluskan untuk pengeluaran produk kelapa sawit berbanding 75 projek dengan pelaburan berjumlah RM3.6 bilion pada tahun 2010. Ini termasuk projek pengeluaran minyak sawit dan produk minyak isirong sawit, oleokimia, produk daripada biomas sawit dan penjanaan tenaga daripada biomas sawit. Pelaburan asing dan domestik masing-masing berjumlah RM1.5 bilion. Oleokimia mencatatkan pelaburan tertinggi dengan RM1.4 bilion, diikuti oleh subsektor minyak sawit dan minyak isirong sawit (RM1.1 bilion), produk daripada biomas sawit (RM396.7 juta) dan projek penjanaan tenaga dari biomas sawit (RM73.7 juta).

Minyak Sawit dan Minyak Isirong Sawit

Penapisan dan pengisaran merupakan aktiviti utama dalam subsektor ini. Pada masa ini, terdapat 53 kilang penapisan minyak dan 43 kilang pengisar yang sedang beroperasi masing-masing dengan jumlah kapasiti sebanyak 22.8 juta tan dan 6.8 juta tan setahun. Kilang penapisan tersebut memproses sebanyak 16.2 juta tan minyak sawit mentah dan 1.6 juta tan metrik minyak isirong sawit mentah, manakala kilang pengisaran memproses 4.7 juta tan isirong sawit. Produk utama yang dikeluarkan adalah *olein* dan *stearin* sawit bertapis, diluntur dan dinyahbau (RBD). Produk lain termasuk marjerin, vanaspati dan produk lemak khusus.

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Pada tahun 2011, sebanyak enam projek dengan pelaburan bernilai RM1.1 bilion telah diluluskan. Daripada jumlah ini, empat merupakan projek baru dengan pelaburan bernilai RM1.1 bilion dan dua projek pembesaran/ pelbagai (RM62 juta). Pelaburan asing berjumlah RM1.1 bilion manakala pelaburan domestik berjumlah RM18.9 juta.

Projek yang diluluskan termasuk satu projek milik rakyat asing sepenuhnya dengan pelaburan berjumlah RM360 juta untuk mengilang produk hiliran seperti lemak *interesterified* dan lemak *esterified* pengganti minyak koko mentega *RBD hydrogenated*, marjerin, lelemak/lemak bakeri dan sawit *mia fraction* dan sabun kalsium.

Oleokimia dan Bahan Terbitan

Oleokimia adalah produk terbitan terus daripada lemak dan minyak yang terbentuk secara semulajadi daripada sumber haiwan dan sayur-sayuran. Di Malaysia, kebanyakan oleokimia diperolehi daripada minyak berdasarkan sawit semulajadi. Industri ini terdiri daripada oleokimia asas (asid lemak, asid alcohol, metil ester dan

gliserin) dan oleokimia terbitan (ester lemak, amino lemak, *soap noodles* dan *metallic soap* dan bahan berasaskan sawit seperti tokotrienol dan karotena.

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Sembilan projek telah diluluskan dengan nilai pelaburan berjumlah RM1.4 bilion pada tahun 2011. Pelaburan domestik bernilai RM1.1 bilion (78.6%) manakala pelaburan asing bernilai RM301.1 juta (21.4%).

Projek utama yang telah diluluskan adalah:

- Satu projek pembesaran oleh syarikat majoriti milik rakyat Malaysia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM480 juta bagi asid lemak, asid alkohol, gliserin dan *surfactants* di Selangor;
- Satu projek baru oleh syarikat majoriti milik rakyat Malaysia dengan jumlah pelaburan berjumlah RM420 juta bagi pengeluaran asid lemak, gliserin dan *soap noodles* di Sabah;
- Satu projek baru oleh syarikat milik rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM270 juta bagi pengeluaran asid lemak, gliserin, *soap noodles* dan produk penjagaan diri di Johor; dan
- Dua projek pembesaran oleh syarikat majoriti milik rakyat Malaysia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM48.3 juta bagi pengeluaran asid lemak, gliserin dan rantaian trigliserida sederhana di Johor.

Projek yang telah diluluskan pada tahun 2011 menunjukkan bahawa subsektor oleokimia telah berkembang hasil peningkatan permintaan global bagi produk yang lebih mesra alam. Permintaan untuk oleokimia dijangka akan terus kukuh selaras dengan pertumbuhan permintaan bagi produk pengguna seperti kosmetik

dan plastik. Pengeluar pengilang oleokimia menggunakan sumber asli yang boleh diperbaharui untuk membangunkan produk berprestasi tinggi yang mematuhi keselamatan alam sekitar sepenuhnya.

Dengan perkembangan ini, subsektor oleokimia dijangka akan memberi tumpuan ke arah terus membangunkan bahan terbitan oleokimia yang bernilai ditambah lebih tinggi dan produk pengguna seperti sabun, *surfactants*, *polyols*, bahan tambahan makanan, nutraceuticalal seperti tokotrienol (Vitamin E), karotenoid (Vitamin A) and *flavonoids*.

Biomas Kelapa Sawit

Enam jenis biomas kelapa sawit dihasilkan sebagai produk sampingan industri minyak sawit khususnya pelepas kelapa sawit, batang kelapa sawit, tandan kosong, tempurung isirong sawit, gentian mesokarp, dan sisa buangan kilang minyak sawit (POME). Malaysia boleh mendapat manfaat daripada sumbangan tambahan RM30 bilion kepada GNI dengan menggunakan biomas daripada industri kelapa sawit bagi aktiviti hiliran bernilai ditambah lebih tinggi. Pengeluaran bio-bahan api, bio-baja dan makanan haiwan dijangka akan menjana tambahan sebanyak RM14 bilion setahun kepada industri minyak sawit yang memberi rangsangan 20 peratus kepada pendapatan produk sawit semasa sebanyak RM60 bilion. Dengan peningkatan hasil yang diramalkan bagi tandan buah-buahan dan peluasan kawasan tanaman, Malaysia dijangka akan mengeluarkan di antara 87 dan 96 juta tan metrik biomas setahun dari tahun 2011 hingga 2015.

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Dalam subsektor produk biomas kelapa sawit, sebanyak 32 projek dengan pelaburan berjumlah RM396.7 juta telah diluluskan pada tahun 2011 berbanding dengan 37 projek dengan pelaburan sebanyak RM655.1 juta pada tahun 2010.

Pelaburan domestik berjumlah RM321.4 juta (81%) manakala pelaburan asing adalah sebanyak RM75.3 juta (19%). Projek yang diluluskan adalah untuk menggunapakai tandan buah kosong dan sisa buangan kilang minyak sawit untuk mengeluarkan baja organik, papan lapis kelapa sawit, palet dan serat gentian.

Di samping itu, lima projek dengan pelaburan berjumlah RM73.7 juta telah diluluskan bagi penjanaan tenaga daripada biomas sawit. Pelaburan domestik berjumlah RM68.6 juta manakala pelaburan asing adalah sebanyak RM5.1 juta. Aktiviti penapisan dan pengisaran telah mencapai tahap matang di negara ini dan tidak lagi disasarkan sebagai aktiviti yang digalakkan, kecuali di Kelompok Perindustrian Kelapa Sawit (POIC) yang telah dimajukan sebagai tapak bersepudu.

Walau bagaimanapun, peluang yang besar masih wujud dalam aktiviti hiliran yang menjana produk bernilai ditambah tinggi dan dalam subsektor biomas sawit. Dalam aktiviti hiliran, bidang pertumbuhan adalah dalam produk berdasarkan oleokimia dan bahan berdasarkan kelapa sawit yang melibatkan teknologi tinggi.

KIMIA DAN PRODUK KIMIA

Farmaseutikal

Produk farmaseutikal yang dikeluarkan oleh industri farmaseutikal di Malaysia boleh dikategorikan secara umumnya sebagai ubat presripsi, ubat *over-the-counter* (OTC); dan penyediaan herbal dan ubat tambahan kesihatan termasuk ubat tradisional.

Sektor ini didominasi oleh pelaburan domestik yang tertumpu kepada khususnya kepada pengeluaran ubat-ubatan generik dengan keupayaan untuk menghasilkan ubat-ubatan dalam semua bentuk dos seperti tablet (bersalut dan bukan bersalut), kapsul (keras dan gelatin lembut), cecair, serbuk, krim, salap, titisan mata yang steril dan ubat suntikan berisipadu kecil (*ampoules and vials*).

Terdapat lebih daripada 250 pengeluar farmaseutikal tempatan yang dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (DCA), di mana lebih dua pertiga merupakan pengilang ubat tradisional. Ranbaxy dan GSK adalah di antara syarikat-syarikat multinasional global besar yang mempunyai operasi pengeluaran di negara ini. Pihak domestik utama yang terlibat adalah CCM Pharmaceutical, Farmasi, Hovid, Kotra Pharma, Pharmaniaga dan Ain Medicare.

Pada tahun 2011, eksport farmaseutikal bernilai RM688.9 juta dan kebanyakannya adalah ke negara-negara ASEAN seperti Singapura, Vietnam, Brunei, Indonesia dan Thailand serta negara-negara lain seperti Perancis, Jerman, Hong Kong dan Taiwan. Sejak Malaysia menjadi ahli kepada *Pharmaceutical Inspection Convention and Pharmaceutical Inspection Cooperation/Scheme* (PIC/S) pada tahun 2002, eksport produk farmaseutikal negara semakin memberangsangkan, terutamanya di kalangan negara-negara anggota seperti Kesatuan Eropah (EU), Australia dan Kanada.

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Pada tahun 2011, sebanyak tujuh projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM327.1 juta. Daripada jumlah ini, tiga projek merupakan pembesaran/pelbagai (RM285.3 juta) dan empat lagi adalah projek-projek baru (RM41.8 juta). Pelaburan domestik telah menguasai sektor ini dengan nilai sebanyak RM281.6 juta (86.1%) manakala pelaburan asing bernilai RM45.5 juta (13.9%).

Antara projek yang diluluskan adalah bagi pengeluaran formulasi dan penyediaan farmaseutikal, produk radiofarmaseutikal, bahan farmaseutikal aktif (API) yang telah diproses, ubat-ubatan herba, kapsul gelatin keras, salap dan krim herba berubat, cecair mata, cecair nebuliser, set kateterisasi urologi, gel pelincir dan anestetik.

Antara projek utama yang telah diluluskan adalah:

- Sebuah projek pembesaran dan pelbagai projek oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM227.3 juta di Melaka. Syarikat ini dijangka akan mengambil sebanyak 288 kakitangan tambahan, di mana 47 peratus adalah merupakan kakitangan sains dan teknikal. Projek ini adalah pelaburan tunggal terbesar yang dibuat oleh syarikat farmaseutikal tempatan dan ia akan menjadi kemudahan pengeluaran farmaseutikal terbesar di Malaysia. Dengan pelaburan baru ini, syarikat akan meningkatkan keupayaan untuk mengeluarkan semua bentuk dosej ubat-ubatan penting (kecuali vaksin dan gel lembut) serta akan menceburi pengeluaran biofarmaseutikal.
- Sebuah projek pelbagai oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat Malaysia yang berpusat di Kelantan dengan pelaburan sebanyak RM39.7 juta untuk mengeluarkan cecair mata, cecair nebuliser, disinfektan serta gel pelincir dan anestetik. Projek ini akan mewujudkan 140 peluang pekerjaan tambahan termasuk 22 orang jurutera dan ahli sains tambahan di Pantai Timur Malaysia.
- Sebuah projek baru oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM11.2 juta untuk mengeluarkan kapsul gelatin keras di Pulau Pinang. Projek ini akan memenuhi peningkatan permintaan industri farmaseutikal untuk kapsul gelatin keras kosong yang berkualiti tinggi. Projek ini akan mewujudkan sebanyak 170 peluang pekerjaan di mana 58 peratus adalah untuk kakitangan pengurusan, teknikal dan penyeliaan.

Di bawah sektor NKEA Penjagaan Kesihatan, salah satu daripada cadangan utama adalah untuk menggalakkan ubat-ubatan generik. Sasarannya adalah untuk mencapai GNI sebanyak RM13.9 bilion serta mewujudkan 12,500 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.

Kunci untuk mencapai pertumbuhan yang mampan dalam industri ini adalah dengan memastikan supaya industri farmaseutikal di Malaysia dapat mengeluarkan produk bernilai ditambah tinggi dan boleh bersaing dalam pasaran global. Pembesaran kapasiti baru dan pemodenan loji dalam industri farmaseutikal tempatan akan menghasilkan pengeluaran produk bernilai ditambah yang lebih tinggi.

Pelaburan baru ini akan mewujudkan peluang untuk lebih banyak penyelidikan padanan bio dan persamaan bio, serta ujian klinikal untuk diljalankan di Malaysia. Ia akan memudahkan pembangunan pekerja yang berpengetahuan dalam proses R&D dan menggalakkan kerjasama dengan institusi penyelidikan, universiti dan syarikat swasta tempatan terutamanya dalam makmal penyelidikan dan organisasi penyelidikan klinikal.

Produk Kimia

Industri produk kimia merangkumi subsektor kimia pertanian; gas perindustrian; kimia bukan organik; cat; sabun dan pencuci; kosmetik dan dandanan diri; dan produk kimia lain.

Produk utama yang dikilangkan di Malaysia dalam subsektor ini termasuk:

- Kimia pertanian (baja dan racun perosak);

- Gas perindustrian – oksigen, nitrogen, hidrogen, karbon dioksida, asitilena, argon dan oksida nitrat;
- Subsektor kimia bukan organik-clor-alkali, asid dan beberapa bahan kimia khusus seperti silikat, oksida, hidroksida, asid, bahan kimia elektronik, pemangkin dan bahan-bahan kimia rawatan sisa;
- Cat - cat dan produk berkaitan dengannya seperti varnis, syelek, laker dan pencair;
- Sabun, bahan pencuci, kosmetik dan dandan diri - menggunakan minyak sawit sebagai bahan mentah utama serta pengilangan produk penjagaan diri dan dandan diri seperti sabun mandi, syampu dan ubat gigi.

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Pada tahun 2011, sejumlah 47 projek dengan pelaburan sebanyak RM3.1 bilion telah diluluskan. Daripada jumlah ini, 16 adalah projek baru (RM2.4 bilion atau 76.5%) manakala 31 projek adalah projek pembesaran/pelbagaian (RM723.1 juta atau 23.5%). Pelaburan domestik berjumlah RM295.3 juta (10%) manakala pelaburan asing berjumlah RM2.8 bilion (90%). Projek yang diluluskan dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 1,469 orang.

Daripada 47 projek yang telah diluluskan:

- Sebelas projek dengan pelaburan sebanyak RM2.5 bilion adalah bagi mengilang produk kimia lain seperti *polycrystalline silicon*, sulfur polimer, kitar semula pemangkin, partikel nano dan produk kimia yang lain;

- Sembilan projek dengan pelaburan sebanyak RM169.7 juta adalah bagi mengilang gas perindustrian seperti hidrogen, oksigen, nitrogen, karbon dioksida dan argon;
- Tiga projek dengan pelaburan sebanyak RM153.7 juta adalah bagi mengilang kimia asas (asid sulfurik, asid fosforik dan kalsium karbonat);
- Lapan projek dengan pelaburan sebanyak RM95.4 juta adalah bagi mengilang kimia pertanian seperti baja dan racun herba;
- Lapan projek dengan pelaburan sebanyak RM69.9 juta adalah bagi mengilang cat, bahan penyalut dan varnis; dan
- Lapan projek dengan pelaburan sebanyak RM50 juta adalah bagi mengilang sabun, bahan pencuci, dandanan diri dan produk penjagaan diri.

Di antara projek utama yang telah diluluskan adalah:

- Satu projek *polycrystalline silicon* baru dengan pelaburan sebanyak RM2.2 bilion di Sarawak. Projek ini dimiliki sepenuhnya oleh syarikat asing. Pengeluaran *polycrystalline silicon* adalah penting bagi menyokong kluster solar di Malaysia;
- Satu projek pembesaran milik rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM285.9 juta bagi mengeluarkan sulfur polimerik di Pahang. Sulfur polimerik ini digunakan sebagai ejen *vulcanising* dalam pengeluaran tayar;
- Dua projek pembesaran milik rakyat asing dengan jumlah pelaburan sebanyak RM99.2 juta bagi mengeluarkan gas perindustrian di Terengganu dan Sabah. Gas perindustrian ini dibekalkan sebagai input kepada industri untuk kegunaan dalam aktiviti kimpalan, pemotongan, salutan serta

penghidrogenan. Loji yang mengeluarkan gas perindustrian tersebut terletak berdekatan dengan pelanggan mereka;

- Satu projek pembesaran dengan pelaburan sebanyak RM90.1 juta bagi mengeluarkan asid sulfurik di Gebeng, Pahang. Projek ini adalah bagi menyokong Projek Bahan-Bahan Termaju Lynas (LAMP) di mana asid sulfurik tersebut akan digunakan secara langsung dalam aktiviti penapisan nadir bumi; dan
- Satu projek baru milik rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM43 juta bagi mengeluarkan asid fosforik di Selangor. Pengeluaran asid fosforik tersebut dijangka akan menyokong industri besi dan keluli di mana ia digunakan untuk membuang karat pada permukaan logam.

Projek yang diluluskan ini memerlukan tambahan gunatenaga seramai 1,371 orang. Oleh yang demikian, pelaburan pada tahun 2011 akan menyediakan peluang pekerjaan dan pembangunan kerjaya baru bagi pekerja tempatan.

Trend pelaburan bagi 2011 menunjukkan pembesaran kapasiti pembekalan produk untuk pasaran domestik dan eksport. Eksport kimia dan produk kimia pada tahun 2011 meningkat kepada RM13.2 bilion atau 15.2 peratus lebih tinggi berbanding tempoh yang sama pada tahun 2010. Antara produk utama yang dieksport adalah bahan-bahan kimia dan produk kimia.

INDUSTRI BIOTEKNOLOGI

Pada masa ini, industri bioteknologi menyumbang kira-kira dua peratus daripada KDNK. Dianggarkan menjelang tahun 2020, industri ini akan menyumbang kira-kira 5 peratus daripada KDNK negara dengan jumlah pelaburan sebanyak RM8 bilion dan peluang pekerjaan seramai 280,000 orang.

Di bawah RMKe-10, tumpuan akan diberikan kepada usaha menggiatkan pengkomersilan dan inovasi dalam industri bioteknologi. Antara pelan tindakan adalah program untuk mempergiatkan penyertaan FDI, menambah bilangan pekerja berpengetahuan, mewujudkan jenama global, meningkatkan pengambilalihan teknologi dan membangunkan kepakaran dalam penemuan ubat-ubatan serta meningkatkan pembangunan produk baru.

Industri bioteknologi Malaysia disasarkan kepada aplikasi dalam tiga bidang utama iaitu penjagaan kesihatan (farmaseutikal, nutraceutikal, *pharma-genomics* dan terapi gen), pertanian (memperbaiki kadar kesuburan dan meningkatkan daya tahan terhadap persekitaran) dan perindustrian (kosmetik, biodegradasi dan bioremediasi).

Pada masa ini, Malaysia mempunyai sejumlah 210 syarikat yang berstatus Bionexus dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.2 bilion.

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Sejumlah 25 syarikat dengan pelaburan yang dicadangkan sebanyak RM184.9 juta telah diluluskan dengan status Bionexus setakat 13 Disember 2011 dalam bidang bioteknologi penjagaan kesihatan, perindustrian dan pertanian. Bioteknologi pertanian dan perindustrian mendominasi sektor ini dengan pelaburan masing-masing bernilai RM86.8 juta (46.9%) dan RM88.1 juta (47.7%).

Pelaburan domestik berjumlah RM162.2 juta (87.7%) manakala pelaburan asing berjumlah RM22.7 juta (12.3%). Pelaburan asing adalah dari Amerika Syarikat, Taiwan, Republik Rakyat China, Australia dan Singapura.

Antara produk/aktiviti utama yang telah diluluskan termasuk:

- Produk herba yang menggunakan teknologi biosains termaju;
- Produk kertas yang menggunakan proses bioteknologi;

- Sistem rawatan POME bagi memerangkap biogas yang digunakan sebagai sumber tenaga diperbaharui dan bagi menjalankan aktiviti R&D yang berkaitannya;
- Makanan tambahan bagi haiwan; dan
- Bioplastik dan resin yang menggunakan proses enzim.

Satu projek utama adalah oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing bagi mengeluarkan *propanediol* (PDO) di Iskandar Malaysia, Johor. Projek ini adalah projek yang pertama seumpamanya yang akan ditubuhkan di Malaysia. Dengan pelaburan sebanyak RM110 juta, syarikat ini juga akan menjalankan R&D sendiri dengan penumpuan kepada pembangunan proses bagi penapaian biomas. Syarikat juga merancang menggunakan gliserin mentah tempatan, produk tumbuh-tumbuhan oleokimia sebagai bahan mentah. Loji pertama dengan kapasiti terpasang sebanyak 8,000 tan metrik dijangka siap pada akhir tahun 2012.

Industri ini mempunyai pertumbuhan yang memberangsangkan pada tahun 2011 sejajar dengan trend pertumbuhan industri bioteknologi global. Peratus kelulusan yang tinggi bagi produk/aktiviti bioteknologi berkaitan pertanian dan penjagaan kesihatan pada tahun 2011 adalah selaras dengan unjuran di bawah NKEA dan juga Dasar Bioteknologi Negara untuk mentransformasi dan memajukan sektor pertanian serta membangunkan platform untuk memberikan akses kepada sumber asli negara dengan potensi pengkomersilan.

Di samping itu, industri ini juga telah menerima jaminan daripada syarikat Amerika Syarikat dan India yang berminat untuk mengilang bahan-bahan farmaseutikal aktif dan biofarmaseutikal.

PRODUK PETROLEUM TERMASUK PETROKIMIA

Industri petroleum dan petrokimia merangkumi tiga subsektor iaitu gas asli, produk petroleum dan petrokimia. Gas asli digunakan terutamanya untuk pengeluaran gas asli cecair (LNG), penjanaan tenaga dan sebagai bahan mentah bagi industri petrokimia. Subsektor produk petroleum termasuk minyak pelincir dan produk penapisan seperti gas petroleum cecair, naphtha, gasolin, minyak tanah, bahan api, minyak gas, minyak jet, diesel dan bitumen.

Produk petrokimia diperolehi daripada produk petroleum dan sumber hidrokarbon yang lain. Industri petrokimia di Malaysia kini menawarkan pelbagai produk petrokimia termasuk olefin, poliolefin, aromatik, etilena oksida, glikol, oxo-alkohol, *ethoxylate*, asid akrilik, ftalik anhidrida, asid asetik, *styrene monomer*, polistirena, etilbenzena, monomer vinil klorida dan polivinil klorid. Produk petrokimia ini digunakan dalam pelbagai industri seperti pembinaan, automotif, produk pertanian, tekstil, pembungkusan dan pelbagai barang pengguna yang lain.

Pertumbuhan industri petrokimia domestik disebabkan oleh kewujudan tiga zon petrokimia bersepadu yang menawarkan utiliti berpusat, perkhidmatan penyimpanan yang cekap dan rangkaian pengangkutan yang komprehensif yang dapat membantu mengurangkan modal dan kos operasi. Setiap zon merupakan kompleks bersepadu dengan kemudahan *crackers*, *syngas* dan aromatik bagi mengeluarkan bahan mentah asas untuk produk hiliran. Pembangunan zon-zon ini dengan kluster loji petrokimia telah menghasilkan satu rantaian nilai bagi memastikan pembangunan progresif aktiviti petrokimia hiliran.

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Sejumlah 15 projek dengan pelaburan sebanyak RM2.7 bilion telah diluluskan pada tahun 2011, di mana lima merupakan projek baru dengan pelaburan sebanyak RM124.5 juta dan sepuluh adalah projek pembesaran dengan pelaburan

berjumlah RM2.6 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM1.7 bilion (63%) manakala pelaburan asing berjumlah RM968.5 juta (37%). Projek-projek yang diluluskan ini akan memberi peluang pekerjaan kepada 405 orang.

Antara projek utama yang diluluskan adalah:

- Satu projek pembesaran milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM1.3 billion bagi aktiviti *regasification* gas asli cecair di Melaka;
- Satu projek pembesaran oleh sebuah syarikat usahasama dengan pelaburan berjumlah RM853 juta bagi mengeluarkan minyak gas dan sulfur di Negeri Sembilan;
- Satu projek pembesaran milik rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM175 juta bagi pengeluaran resin *polyvinyl butyral* di Pahang; dan
- Satu projek pembesaran milik rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM168.7 juta bagi pengeluaran *emulsion polyvinyl chloride paste resin* di Pahang.

Trend pelaburan dalam industri ini bagi tempoh 3 tahun yang lalu adalah ke arah meningkatkan kesediaan bahan mentah, membesarkan kapasiti, meningkatkan nilai ditambah produk sedia ada dan memperluaskan rangkaian produk petrokimia yang dikeluarkan dalam negara. Ini adalah disebabkan oleh prestasi eksport yang memberangsangkan.

Kerajaan menggalakkan sektor swasta untuk melabur dalam kemudahan sokongan, infrastruktur dan perkhidmatan bekalan, yang penting bagi pembangunan zon petrokimia. Pelaburan ini perlu dijalankan melalui sebuah konsortium usahasama. Ini akan membolehkan perkongsian kos dalam membina dan menyelenggara kemudahan tersebut pada tahap yang kompetitif. Pembangunan rangkaian huluan


dan hiliran juga merupakan sebahagian daripada rancangan tersebut. Usaha juga akan dibuat bagi merealisasi potensi penuh tiga zon utama petrokimia yang sedia ada, melalui pendekatan yang sistematik dan bersepadu. Usaha ini juga adalah selaras dengan ETP dan NKEA bagi minyak dan gas.

Dari segi pasaran, industri petrokimia sedang menghadapi cabaran dengan penurunan harga produk yang disebabkan oleh peningkatan kapasiti di Asia dan Timur Tengah. Pengeluar-pengeluar di Malaysia perlu mengekang kos bahan mentah dalam usaha untuk mengekalkan jumlah pengeluaran. Ini bergantung kepada keupayaan industri untuk mengekalkan daya saing berbanding negara-negara lain di pasaran global.

PRODUK PLASTIK

Industri produk plastik terdiri daripada beberapa subsektor yang mempunyai banyak aplikasi yang berguna. Subsektor utama adalah pembungkusan plastik, E&E dan komponen automotif serta produk perindustrian dan pengguna.

Graf 20
Subsektor Industri Produk Plastik, 2011




Sumber : Persatuan Pengilang-Pengilang Plastik Malaysia

Subsektor pembungkusan plastik, boleh lentur dan tegar (termasuk beg, filem, botol dan bekas plastik), kekal sebagai subsektor terbesar dalam industri produk plastik. Proses pengeluaran utama dalam industri produk plastik adalah *film extrusion*, *pengacuan suntikan*, *paip* dan *profiles extrusion*, *blow moulding* dan *foam moulding*. Pada tahun 2011, industri plastik mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM16.1 bilion.

Graf 21

Profil Industri Produk Plastik Mengikut Proses Perkilangan, 2011



Sumber : Persatuan Pengilang-Pengilang Plastik Malaysia


Pertumbuhan aktiviti pemprosesan plastik hiliran domestik boleh dikaitkan dengan kewujudan sektor petrokimia yang telah dibangunkan di Malaysia. Sektor ini menyediakan bekalan bahan mentah yang mencukupi bagi industri plastik dengan kemudahan pengeluaran resin berskala dunia yang mengeluarkan polietilena (PE), polipropilena (PP), *polyvinylchloride* (PVC), polistirena (PS), *acrylonitrile butadiene styrene* (ABS), *polyacetal* (PA), *Polyester copolymers*, *styrene acrylonitrile* (SAN) dan *polybutylene terephthalate* (PBT).

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Sejumlah 55 projek dengan pelaburan sebanyak RM665.7 juta telah diluluskan pada tahun 2011. Daripada jumlah ini, 32 adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM465.9 juta dan 23 adalah projek pembesaran/ pelbagaiaan dengan pelaburan sebanyak RM199.8 juta. Pelaburan asing berjumlah RM271 juta (40.7%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM394.7 juta (59.3%). Projek yang diluluskan akan menyediakan peluang pekerjaan kepada 3,032 orang.

Graf 22

**Pelaburan bagi Projek Diluluskan dalam Industri Produk Plastik
Mengikut Subsektor, 2011**



Subsektor pembungkusan kekal sebagai subsektor peneraju pada tahun 2011 dengan 28 projek dan pelaburan bernilai RM326.1 juta. Daripada jumlah ini, 17 adalah projek baru (RM221.4 juta) dan 11 adalah projek pembesaran/ pelbagai (RM104.7 juta). Majoriti projek ini adalah bagi mengeluarkan pembungkusan mudah lentur, helaian dan beg serta botol dan bekas plastik *blow moulding*.

Sejumlah 22 projek telah diluluskan di dalam subsektor perindustrian dan pengguna (RM223.1 juta). Daripada jumlah ini, 12 adalah projek baru (RM136 juta) manakala sepuluh adalah projek pembesaran/pelbagai (RM87.1 juta).

Lima projek telah diluluskan di dalam subsektor komponen E&E dan komponen automotif dengan pelaburan sebanyak RM116.5 juta.

Di antara projek utama yang diluluskan adalah:

- Satu projek usahasama baru dengan pelaburan sebanyak RM95.3 juta bagi mengeluarkan *solar encapsulant films* yang akan digunakan di dalam pengeluaran panel solar /sel solar;
- Satu projek milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM75 juta bagi mengeluarkan botol plastik penutup dan *preforms* bagi industri makanan; dan
- Satu projek milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM74.7 juta untuk menjalankan aktiviti kitar semula sisa plastik bagi menghasilkan palet plastik.

Pertumbuhan dalam industri plastik adalah bergantung kepada pertumbuhan NKEA yang diumumkan dalam RMKe-10. Ia juga didorong oleh peningkatan eksport pembungkusan plastik, terutama bagi kegunaan perindustrian yang dipacu oleh peningkatan permintaan terutamanya daripada sektor makanan, yang kebanyakannya dieksport ke pasaran utama dunia seperti Amerika Syarikat, negara-negara Eropah, Australia dan Jepun. Malaysia mampu menghasilkan produk pembungkusan plastik yang berkualiti tinggi dan mesra alam pada harga yang kompetitif. Dengan kemunculan pasaran baru terutamanya Republik Rakyat China, permintaan untuk pembekal serantau dijangka akan berkembang.

Liberalisasi perdagangan di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) telah membuka peluang yang besar kepada pengeluar plastik Malaysia. Walau bagaimanapun, disebabkan industri yang berdaya saing, pertumbuhan masa depan industri produk plastik Malaysia akan bergantung kepada keupayaan pengilang domestik untuk mengekalkan daya saing mereka melalui penambahbaikan dalam teknologi dan kemahiran bagi mempertahankan pasaran semasa dan menerokai pasaran baru.

Oleh itu, adalah penting untuk industri produk plastik Malaysia untuk terus mengikuti perkembangan peraturan dan arahan alam sekitar antarabangsa seperti Sekatan ke Atas Bahan Berbahaya (RoHS), Bahan Buangan Peralatan Elektrik dan Elektronik (WEEE), Tenaga Menggunakan Produk (EuP), Hayat Akhir Kenderaan (ELV) serta Pendaftaran, Penilaian dan Kebenaran ke atas Bahan Kimia (REACH).

PRODUK GETAH

Industri produk getah boleh dikategorikan kepada produk lateks, tayar, produk berkaitan tayar serta produk getah perindustrian dan am. Industri ini didominasi oleh pengusaha kecil dan sederhana (IKS).

Penggunaan domestik bagi getah asli pada tahun 2011 dianggarkan sebanyak 399,000 tan. Penggunaan oleh subsektor produk lateks adalah sebanyak 85 peratus daripada jumlah penggunaan getah asli domestik Malaysia.

Jumlah pendapatan daripada eksport produk getah berjumlah RM18.1 bilion, manakala import produk getah adalah berjumlah RM5.8 bilion.

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Sejumlah 11 projek dengan pelaburan sebanyak RM160.9 juta telah diluluskan dalam industri produk getah (tidak termasuk peranti perubatan). Daripada jumlah ini, lapan adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM144.1 juta, manakala tiga adalah projek pembesaran/pelbagai dengan jumlah pelaburan sebanyak RM16.8 juta.


Projek yang diluluskan melibatkan pelaburan domestik sebanyak RM123.3 juta (76.6%) dan pelaburan asing sebanyak RM37.6 juta (23.4%). Empat projek yang diluluskan adalah merupakan milik sepenuh rakyat Malaysia (RM82.1 juta), lima

adalah projek usahasama (RM73.1 juta) dan dua projek adalah milik sepenuh rakyat asing (RM5.7 juta).

Pelaburan adalah kebanyakannya dalam produk getah perindustrian dan am, kitar semula tayar terbuang kepada serbuk getah, minyak api, karbon hitam, dawai keluli, granul getah serta tayar dan produk berkaitan tayar. Projek yang diluluskan akan menjana sebanyak 448 peluang pekerjaan.

Graf 23

Pelaburan bagi Projek-Projek Diluluskan Industri Produk Getah Mengikut Subsektor, 2011



Projek utama diluluskan termasuk:

- Satu projek baru oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat Malaysia bagi menjalankan kitar semula tayar terbuang atau tayar sekerap untuk mengeluarkan serbuk getah dan getah sekerap dengan pelaburan sebanyak RM69.6 juta; dan
- Satu projek baru milik majoriti rakyat asing bagi mengeluarkan *rubber compound master batch* dengan pelaburan sebanyak RM43.1 juta.

Trend pelaburan dalam industri produk getah adalah lebih ke arah pengilangan hiliran, di mana pelbagai teknologi telah dibangunkan bagi produk getah bagi memenuhi spesifikasi yang diperlukan. Prospek bagi industri ini dijangka positif terutama dengan pemulihan dan peningkatan permintaan di dalam sektor automotif global. Harga getah dijangka beransur-ansur meningkat disebabkan kemerosotan stok di negara-negara pengguna utama, ditambah dengan kebimbangan bekalan akan merosot berikutan keadaan politik di beberapa negara pengeksport. Sebaliknya, industri ini perlu mewujudkan kumpulan pakar dalam bidang teknologi getah, bahan-bahan termaju, acuan dan dai, serta teknologi nano bagi memenuhi keperluan pasaran dan permintaan R&D.

Untuk industri produk getah Malaysia kekal kompetitif, bidang R&D terpilih perlu dipertingkatkan dan ditekankan untuk mengekalkan daya saing industri. R&D ke atas klon baru, getah khusus dan teknologi perkilangan terkini ke arah produk bernilai ditambah tinggi akan mengukuhkan kedudukan Malaysia di pasaran global dan memastikan produk getah Malaysia memenuhi piawaian antarabangsa. Usaha bersepadu oleh Kerajaan melalui agensi-agensi berkaitan perlu ditubuhkan untuk industri getah agar kekal dan mesra alam terhadap pelepasan karbon yang rendah. Penggunaan getah khusus sebagai *green rubber* harus ditingkatkan oleh industri ini

KAYU & PRODUK KAYU DAN PERABOT

Industri berasaskan kayu terdiri daripada aktiviti huluan dan hiliran. Aktiviti huluan melibatkan penebangan hutan semulajadi dan ladang hutan yang sistematik dan terancang. Aktiviti hiliran meliputi operasi utama, sekunder dan tertiari di mana aktiviti pemprosesan kayu utama menggunakan balak sebagai bahan mentah untuk menghasilkan kayu gergaji dan venier. Aktiviti pemprosesan kayu sekunder dan tertiari menukarkan produk utama dan bahan buangan padu lain seperti dahan

kecil, *off-cuts*, *edgings* atau *slabs*, *chippings* dan habuk kayu kepada produk bernilai ditambah.


Terdapat kira-kira 3,991 kilang yang sedang beroperasi, menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih daripada 300,000 orang atau 3.5 peratus daripada jumlah pekerjaan di Malaysia. Industri ini kebanyakannya dimiliki oleh rakyat Malaysia dengan 87 peratus adalah syarikat pengilang berskala kecil dan sederhana. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, ia telah berkembang dari industri pemprosesan utama kepada industri yang dipacu oleh teknologi dan lebih maju yang mengeluarkan sejumlah besar produk hiliran bernilai ditambah.

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Pada tahun 2011, sejumlah 106 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM1.3 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM1.2 bilion (89.6%) manakala pelaburan asing berjumlah RM137.9 juta (10.4%). Daripada projek yang diluluskan, 88 adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM1.1 bilion (83%) manakala 18 adalah projek pembesaran/pelbagai (RM186.9 juta atau 17%). Projek ini dijangka akan menyediakan peluang pekerjaan kepada hampir 8,700 orang.

Graf 24

Pelaburan Diluluskan dalam Industri Berasaskan Kayu Mengikut Subsektor, 2011



Dalam tahun kebelakangan ini, industri berasaskan kayu telah secara beransur-ansur meningkatkan penggunaan bahan-bahan mentah alternatif seperti biomas sawit (batang sawit, tandan, pelelah), kenaf dan sisa pertanian lain seperti sekam padi, batang kelapa dan habuk papan bagi mengeluarkan produk bernilai ditambah. Subsektor ini telah menunjukkan kemajuan yang menggalakkan, di mana pelaburannya merupakan yang tertinggi dalam industri dengan RM755.3 juta atau 56.8 peratus daripada jumlah pelaburan (19 projek). Ini adalah selaras dengan inisiatif Kerajaan untuk menukar sisa buangan kepada produk bernilai tambah yang lebih tinggi serta untuk menggalakkan produk mesra alam.

Subsektor utama lain adalah subsektor perabot dengan 60 projek yang diluluskan dan pelaburan sebanyak RM306.1 juta. Daripada jumlah tersebut, 51 adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM231.1 juta (75.5%) dan sembilan projek pembesaran/pelbagai yang bernilai RM75 juta (24.5%).

Pelaburan domestik dalam projek ini berjumlah RM251.5 juta (82.2%) manakala pelaburan asing berjumlah RM54.6 juta (17.8%). Subsektor ini akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 5,400 rakyat Malaysia.

Terdapat lapan projek yang diluluskan dalam sub-sektor kayu kumai dan pertukangan kayu dan sesendi (BCJ) dengan pelaburan sebanyak RM91.7 juta. Pelaburan domestik berjumlah RM46.9 juta (51.2%) manakala pelaburan asing berjumlah RM44.8 juta (48.8%). Projek yang telah diluluskan adalah terutamanya bagi mengeluarkan pintu, bingkai tingkap dan lantai kayu direkayasa.

Dalam subsektor produk panel, lima projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM18 juta. Semua projek ini melibatkan pelaburan domestik. Dua daripada projek yang diluluskan adalah untuk pengeluaran papan lapis daripada biomas kelapa dan kelapa sawit. Ini adalah bahan alternatif yang semakin mendapat pengiktirafan di kalangan pengeluar panel.

Sejumlah 14 projek dengan pelaburan sebanyak RM157.7 juta telah diluluskan bagi mengeluarkan produk berasaskan kayu yang lain seperti kayu bergeraji dan kayu tanur kering.

Antara projek penting yang diluluskan adalah projek pembesaran oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM27.9 juta bagi produk bernilai ditambah seperti serbuk, pelet dan perabot menggunakan kenaf. Untuk projek ini, syarikat ini telah bekerjasama dengan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) dan telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman bagi mendapatkan bekalan kenaf yang konsisten. Syarikat dijangka melabur satu peratus jualan tahunan kasar dalam aktiviti R&D. Projek ini yang terletak di Besut, Terengganu akan menyediakan peluang pekerjaan untuk 82 rakyat Malaysia.

Bahan-bahan mentah alternatif seperti biomas dan sisa pertanian lain menawarkan potensi yang besar untuk pembangunan. Pada tahun 2011, sebanyak 22 projek yang menggunakan biomas sawit, kenaf dan sisa pertanian lain bagi mengeluarkan pelbagai produk seperti pelet, bio-arang batu dan bio-komposit telah diluluskan dengan jumlah pelaburan RM764.3 juta. Kerajaan akan terus menggalakkan pihak terlibat industri untuk menjalankan lebih banyak R&D untuk memastikan kebolehbergantungan kepada bahan alternatif ini.

PRODUK GALIAN BUKAN LOGAM

Industri produk galian bukan logam terdiri daripada produk simen dan konkrit, seramik dan produk berdasarkan tanah liat, produk kaca dan produk galian bukan logam lain, seperti kapur tohor, *barite*, marmar dan granit. Subsektor simen dan konkrit termasuk pengeluaran simen Portland (simen biasa), klinker, campuran konkrit siap, simen hidraulik dan barang-barang konkrit, simen dan plaster.

Industri seramik boleh dikelaskan kepada dua kategori iaitu seramik tradisional dan seramik termaju. Subsektor seramik tradisional terdiri daripada pengeluaran jubin dinding dan lantai, jubin atap, produk refraktori kualiti tinggi, paip tanah liat, peralatan tandas dan pinggan mangkuk. Industri seramik termaju adalah industri baru di negara ini yang berteknologi tinggi dan digunakan dalam pelbagai industri elektronik, aeroangkasa, perubatan dan lain-lain.

Industri kaca meliputi pengeluaran *float glass*, kaca keselamatan, bekas kaca, barang kaca, kaca seni bina, gentian kaca dan produk kaca ketepatan berteknologi tinggi seperti panel kaca untuk paparan plasma, substrat kaca cakera keras dan kaca solar.

Mineral bukan logam lain termasuk kapur tohor dan kalsium karbonat. Kapur tohor adalah sebatian bahan kimia yang digunakan secara meluas dalam mortar dan plaster serta dalam pengeluaran kaca, logam dan kertas. Kalsium karbonat ialah sebatian kimia yang digunakan dalam industri pembinaan sebagai bahan binaan atau sebagai komponen bagi simen. Ia juga digunakan dalam cecair penggerudian bagi industri minyak, sebagai bahan pengisi bagi sarung tangan getah dan plastik serta sebagai bahan pengglis untuk aplikasi lain.

Pada tahun 2011, industri produk galian bukan logam adalah pendapatan eksport ke-14 terbesar, menyumbang kira-kira 1.2 peratus kepada jumlah eksport barang pembuatan. Eksport produk galian bukan logam pada tahun 2011 berjumlah RM5.7 bilion manakala import berjumlah RM5.9 bilion. Barang eksport utama termasuk kaca dan barang kaca (RM2.7 bilion), produk galian (RM1 bilion); serta kapur, simen dan bahan-bahan binaan yang difabrikasi (RM923.7 juta). Barang import utama adalah kaca dan barang kaca (RM3.1 bilion), produk galian (RM794.7 juta) serta kapur, simen dan bahan-bahan binaan yang difabrikasi (RM693.5 juta).

Projek Diluluskan pada Tahun 2011


Pada tahun 2011, sebanyak 25 projek telah diluluskan dalam industri produk galian bukan logam dengan pelaburan sebanyak RM2.6 bilion. Daripada jumlah tersebut, 15 adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM2.3 bilion (90.4%), manakala 10 adalah projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan sebanyak RM245 juta (9.6%). Pelaburan domestik berjumlah RM1.1 bilion (42.9%) dan pelaburan asing berjumlah RM1.5 bilion (57.1%).

Dari 25 projek yang diluluskan, lapan projek (RM1.6 bilion) adalah bagi mengeluarkan produk kaca, lima projek masing-masing adalah bagi mengeluarkan

simen dan produk konkrit (RM820.2 juta), serta produk seramik dan tanah liat (RM 73.4 juta), dan baki tujuh projek untuk produk galian bukan logam lain (RM40.1 juta).

Graf 25

Pelaburan bagi Projek Diluluskan dalam Industri Produk Galian Bukan Logam Mengikut Subsektor, 2011



Projek utama diluluskan termasuk:

- Satu projek pembesaran oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing bagi mengeluarkan tiub kaca dan kaca senibina blok kaca dengan pelaburan sebanyak RM120 juta. Pada masa ini, syarikat ini menghasilkan tiub kaca untuk pencahayaan dan pembesaran pengeluarannya untuk menghasilkan tiub kaca borosilikat untuk sektor perubatan. Syarikat ini merancang untuk mengeksport 90 peratus pengeluaran tiub kaca ke Jepun dan Itali; dan

- Satu projek pembesaran oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM50 juta bagi mengeluarkan kaca penutup untuk memenuhi keperluan industri fotovoltaik. Kesemua pengeluaran syarikat ini akan dibekalkan kepada pasaran tempatan. Projek ini akan meningkatkan daya saing Malaysia sebagai lokasi pilihan bagi pengeluaran modul/panel solar yang menggunakan kaca solar.

Industri kaca di Malaysia pada masa ini telah berevolusi daripada pengeluaran kaca konvensional bagi pembungkusan, automotif dan pembinaan kepada produk bernilai lebih tinggi yang digunakan dalam industri berteknologi tinggi seperti pemacu cakera keras, paparan hablur cecair dan panel solar.

INDUSTRI KERTAS, PERCETAKAN DAN PENERBITAN

Industri kertas, percetakan dan penerbitan merangkumi pengeluaran pulpa, produk kertas serta aktiviti percetakan dan penerbitan. Subsektor kertas ini merangkumi pengeluaran kertas sederhana, *test liner*, kertas surat khabar, percetakan dan kertas tulis, kertas tisu dan kertas colok. Subsektor produk kertas terdiri daripada produk pembungkusan seperti kotak beralur, pembungkusan dalaman dan bahan-bahan pelapik, label, pelekat dan lampin pakai buang. Subsektor percetakan dan penerbitan termasuk semua percetakan bahan-bahan pembungkusan, buku-buku, majalah, dokumen-dokumen keselamatan, kad ucapan, kalender dan pelbagai jenis aktiviti percetakan yang lain.

Pada masa ini, Malaysia telah mencatatkan 88 peratus keperluan dalam bekalan kertas dan produk kertas. Terdapat 20 kilang kertas dengan jumlah kapasiti pengeluaran kira-kira 1.3 juta tan metrik setahun. Kapasiti pengeluaran tambahan sebanyak 300,000 tan metrik kertas dan papan kertas telah dipasang pada tahun 2011.


Industri pencetakan dan penerbitan domestik terdiri daripada pengeluar berskala kecil dan sederhana. Pada masa ini terdapat kira-kira 1,000 syarikat yang beroperasi terutamanya menjalankan pencetakan am. Pada tahun 2011, import kertas dan produk kertas berjumlah RM6.6 bilion manakala eksport berjumlah RM3.4 bilion.

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Pada tahun 2011, sejumlah 37 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM533.6 juta. Daripada jumlah ini, 15 projek adalah projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan sebanyak RM358 juta (67.1%), manakala 22 adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM175.6 juta (32.9%). Pelaburan asing berjumlah RM318.7 juta (59.7%), manakala pelaburan domestik bernilai RM214.9 juta (40.3%). Projek ini dijangka menyediakan peluang pekerjaan kepada kira-kira 2,100 orang dengan 15 peratus pekerjaan dalam kategori berpendapatan tinggi.

Graf 26

Pelaburan bagi Projek Diluluskan dalam Industri Kertas, Pencetakan dan Penerbitan Mengikut Subsektor, 2011



Pelaburan yang tertinggi adalah dicatatkan dalam subsektor produk kertas dengan RM396.2 juta (24 projek) diikuti oleh subsektor pulpa dan produk kertas dengan pelaburan sebanyak RM90.7 juta (tujuh projek) serta subsektor pencetakan dan penerbitan dengan pelaburan berjumlah RM43.9 juta (lima projek).

Satu projek utama yang diluluskan adalah projek baru oleh syarikat majoriti milik rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM15 juta bagi mengeluarkan pulpa dan kepingan plastik dikitar semula daripada kertas berlapis tidak dikitar semula seperti majalah, kertas coklat, katalog dan kertas berlapis kerajang aluminium atau plastik. Teknologi yang digunakan adalah mesra alam di mana tiada gas kimia dan berbahaya akan dilepaskan semasa proses pengeluaran. Projek ini akan ditempatkan di Padang Besar, Perlis.


C. PELAKSANAAN PROJEK PERKILANGAN DILULUSKAN

Sejumlah 4,390 projek perkilangan telah diluluskan dalam tempoh 2007 hingga 2011 di mana 3,121 projek (71.1%) telah memulakan pengeluaran setakat 31 Disember 2011 manakala 234 (5.3%) berada di peringkat pembinaan kilang dan pemasangan jentera. Daripada 3,121 projek dalam pengeluaran ini, 344 projek telah memulakan pengeluaran pada tahun 2011.

Jumlah pelaburan modal dalam 3,355 projek yang telah dilaksanakan (meliputi projek yang telah memulakan pengeluaran serta dalam pembinaan kilang dan pemasangan jentera) berjumlah RM140.3 bilion. Di samping itu, 76 projek dengan pelaburan sebanyak RM24.7 bilion telah memperolehi tapak kilang, manakala 779 projek (RM84.3 bilion) berada dalam peringkat perancangan aktif. Apabila 855 projek ini dilaksanakan, jumlah pelaburan adalah bernilai RM109 bilion.

Graf 27

Status Pelaksanaan Projek-Projek Perkilangan Diluluskan bagi Tempoh 2007-2011



Pelaburan dalam Projek Dilaksanakan: RM258.6 bilion

Kebanyakan projek yang dilaksanakan adalah terletak di Selangor (1,106 projek) dengan pelaburan sebanyak RM35 bilion, diikuti oleh Johor (701 projek/RM30.5 bilion), Pulau Pinang (467 projek/RM20.9 bilion), Perak (185 projek/RM5.8 bilion), Kedah (180 projek/RM9.8 bilion) dan Melaka (151 projek/RM10.7 bilion).

Projek utama yang dilaksanakan dalam tempoh 2007 hingga 2011 merangkumi pelbagai produk industri iaitu produk E&E, produk logam fabrikasi, M&E, pengilangan makanan dan produk plastik.

Pelbagai langkah dan inisiatif terus dilaksanakan bagi meningkatkan sistem penyampaian termasuk memudahkan para pelabur dalam melaksanakan projek yang diluluskan. Langkah-langkah dan inisiatif ini termasuk:

- Aktiviti *handholding* yang sedang giat dijalankan oleh Pegawai Projek Khas (SPOs) di peringkat Persekutuan dan Negeri di MIDA melalui mesyuarat, taklimat, dialog dan perundingan antara agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta syarikat bagi memudahkan pelaksanaan projek;

- Penubuhan Pusat Pelaburan Negeri (SICs) sebagai agensi pusat sehenti negeri bagi mempromosi dan menyediakan maklumat dan khidmat rundingan kepada bakal pelabur dan pelabur sedia ada serta membantu pelabur dalam menubuhkan operasi di negeri-negeri masing-masing. SICs juga terlibat dalam aktiviti *handholding* bersama MIDA;
- Penubuhan Pusat Khidmat Nasihat (ASC) di MIDA untuk menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat dan maklumat secara efektif dan efisien dari semua sudut pelaksanaan. Wakil-wakil yang ditempatkan di MIDA adalah daripada Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Telekom Malaysia Berhad dan Jabatan Tenaga Kerja. Bagi terus meningkatkan aktiviti-aktiviti ASC, Pegawai Perhubungan Khas telah dilantik daripada pelbagai Kementerian/Agenzi seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelancongan dan Kementerian Pengajian Tinggi;
- Penubuhan Pusat Khidmat Pelanggan (CSC) di MIDA bagi memberi khidmat kepada pelabur dan pelanggan dengan menyediakan maklumat terutamanya maklumbalas terus pertanyaan melalui telefon;
- Penubuhan Unit Imigresen di MIDA bagi memudahkan permohonan berkaitan imigresen bagi pegawai dagang serta tanggungan mereka. Fungsi utama Unit Imigresen adalah untuk membantu dan menasihati syarikat serta meluluskan permohonan visa, permit kerja, pas pekerjaan, pas tanggungan untuk isteri dan anak di bawah 21 tahun, Pas Lawatan Sosial untuk suami, ibu bapa dan anak di atas 21 tahun, pelepasan pelajar bagi anak pegawai dagang dan kad pengenalan pegawai dagang;

- Permohonan dalam talian untuk penyerahan borang permohonan kepada MIDA. Permohonan meliputi semua aspek yang berkaitan dengan permohonan Lesen Pengilang, insentif, jawatan pegawai dagang dan pengecualian duti ke atas bahan mentah, komponen, jentera dan peralatan;
- Kelulusan Lesen Pengilang secara automatik bagi memudahkan penyerahan permohonan bagi lesen pengilang. Ia meliputi semua industri kecuali yang berkaitan dengan keselamatan, kesihatan, alam sekitar, agama, projek yang akan ditempatkan di Sabah dan Sarawak, aktiviti yang tertakluk kepada Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA), kelulusan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan projek yang memerlukan kelulusan di bawah Akta Pembangunan Petroleum (PDA)/Kementerian Kesihatan (MOH)/Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB);
- Melulus dan memantau Dana Pembangunan Infrastruktur oleh MIDA dengan objektif utama bagi memastikan kawasan perindustrian yang sedia ada diselenggara dengan baik; dan
- Penubuhan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) bagi mempertingkatkan ketelusan dan membaiki proses dan prosedur termasuk:
 - Mengurangkan pengambilan masa yang lama untuk pelepasan eksport bagi memudahkan perdagangan;
 - Mengurangkan pengambilan masa untuk pendaftaran harta melalui peningkatan proses dan penyediaan permohonan dalam talian bagi pendaftaran harta;
 - Memperbaiki pentadbiran cukai;
 - Memudahkan pembayaran melalui elektronik;

- Penubuhan pusat sehenti bagi mempercepatkan penubuhan syarikat; dan
- Memperbaiki proses permohonan pegawai dagang dan pekerja mahir.

Berdasarkan rekod Kementerian Sumber Manusia (MOHR) pada tahun 2011, sebanyak 22 syarikat telah mengecilkan operasinya, yang menyebabkan penamatkan perkhidmatan kakitangan kepada 1,794 orang. Di samping itu, 14 syarikat telah memberhentikan operasi yang menyebabkan 1,400 pekerja telah kehilangan pekerjaan. Sebab utama penutupan adalah kerana penurunan permintaan pasaran, peningkatan kos pengeluaran dan masalah kewangan.

Walau bagaimanapun, 305 projek telah memulakan pengeluaran pada tahun 2011 yang mewujudkan 33,558 peluang pekerjaan. Projek ini akan mewujudkan peluang pekerjaan alternatif untuk 3,194 pekerja yang telah diberhentikan kerja atau hilang pekerjaan mereka dalam tempoh yang sama.

5 PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN

Sektor perkhidmatan merangkumi pelbagai perkhidmatan termasuk pertubuhan serantau; perkhidmatan sokongan; syarikat berstatus MSC; harta tanah (perumahan); pengangkutan; tenaga; telekomunikasi; perdagangan pengedaran; hotel dan pelancongan; perkhidmatan kewangan; perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan pendidikan.

PERTUBUHAN SERANTAU


Banyak syarikat besar dan MNC telah memilih Malaysia bagi menubuhkan operasi serantau dan global mereka. Tarikan dari segi kewangan, kemahiran dan kebolehsediaan pekerja, serta persekitaran perniagaan telah menempatkan Malaysia ke tempat tiga teratas di dalam Indeks Penempatan Perkhidmatan Global 2011™ (GSLI) oleh AT Kearney dan seterusnya membantu menarik pertubuhan serantau ditubuhkan di negara ini.

Antara sebab utama yang dipertimbangkan oleh MNC bagi menubuhkan pertubuhan serantau di Malaysia adalah infrastruktur Malaysia yang bertaraf dunia, jalinan hubungan yang baik, pakej insentif pelaburan yang menarik termasuk insentif cukai dan polisi liberal kepada penyertaan ekuiti asing dan penggajian pegawai dagang.

Setakat 31 Disember 2011, sejumlah 3,031 pertubuhan serantau telah diluluskan di Malaysia, yang merangkumi 217 Ibu Pejabat Operasi (OHQ), 223 Pusat Perolehan Serantau (IPC), 28 Pusat Pengedaran Serantau (RDC), 841 Pejabat Serantau (RO) dan 1,749 Pejabat Perwakilan (RE).

Graf 28

Bilangan Pertubuhan Serantau Diluluskan Setakat 31 Disember 2011



Pada tahun 2011, sejumlah 112 pertubuhan serantau baru telah diluluskan untuk ditubuhkan di Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM291.8 juta. Operasi ini akan mewujudkan sejumlah 904 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia, terutamanya di peringkat pengurusan, profesional dan teknikal.

Ibu Pejabat Operasi (OHQ)

Setakat 31 Disember 2011, sejumlah 217 OHQ telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM2.3 bilion. Daripada jumlah ini, 36 adalah dari Amerika Syarikat; 19 dari Belanda; 17 masing-masing dari Jepun, Australia dan United Kingdom; 14 dari Jerman manakala 97 adalah dari negara-negara lain. OHQ ini telah mewujudkan sejumlah 12,684 peluang pekerjaan yang terdiri daripada 10,250 untuk rakyat Malaysia dan 2,237 untuk pegawai dagang.

Aktiviti OHQ utama yang dijalankan oleh syarikat ini termasuk penyediaan fungsi korporat am seperti kewangan/akaun, IT, sokongan teknikal, perkhidmatan R&D, pentadbiran dan pengurusan serta perancangan dan koordinasi perniagaan bagi menyokong operasi mereka di rantau Asia Pasifik.

Daripada 217 OHQ yang telah diluluskan, sejumlah 22 syarikat adalah terlibat dalam industri minyak dan gas. Antara MNC terkenal di dunia telah menubuhkan OHQ di Malaysia seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 3.

**Jadual 3
Penubuhan OHQ di Malaysia oleh MNC Terkenal di Dunia**

Negara	Nama Syarikat	
Amerika Syarikat	<ul style="list-style-type: none"> • General Electric • Du Pont • Dow Chemicals • PepsiCo • Grey Communications • Hess Oil & Gas • Air Products • Henry Schein • Kellogg's • Schlumberger 	<ul style="list-style-type: none"> • Baker Hughes • Intel • Transocean • Agilent • IBM • Mars Foods • Hewlett-Packard • E-Storm • Harman
Jepun	<ul style="list-style-type: none"> • Sharp Electronics • Japan Tobacco International • Bridgestone • NEC Infrontia 	<ul style="list-style-type: none"> • Sumitomo • Nippon Electric Glass • Nippon Menard • Oji Paper Asia
Jerman	<ul style="list-style-type: none"> • BASF • Muehlbauer • Eppendorf • Arvato • Siemens 	<ul style="list-style-type: none"> • Nordenia • Bayer • Binder • A. Hartrodt

Negara	Nama Syarikat	
Australia	<ul style="list-style-type: none"> • IBA Health • IEV Group • Leighton • Linfox • Wagners • Worley Parsons 	<ul style="list-style-type: none"> • Paradigm • Ansell • Dome • Delta Asia • Cochlear • Avanser
UK	<ul style="list-style-type: none"> • RMC Industries • British-American Tobacco • Diagonal Consulting Group 	<ul style="list-style-type: none"> • Avocet Mining • OHM Surveys • Fitness First • G4S Management • Velosi
Switzerland	<ul style="list-style-type: none"> • Novartis Corporation • SBM Group 	<ul style="list-style-type: none"> • Omya Group • Tetra Pak
Perancis	<ul style="list-style-type: none"> • Lafarge • Thales International 	<ul style="list-style-type: none"> • Monier
Belanda	<ul style="list-style-type: none"> • Flexsys • Prometric • Friesland Foods • Dow Corning • Barry Callebaut 	<ul style="list-style-type: none"> • Organon • Mammoet • Subsea • Core • Acision
Sweden	<ul style="list-style-type: none"> • Volvo • Ascom 	<ul style="list-style-type: none"> • UCB Group
Norway	<ul style="list-style-type: none"> • Aker Kvaerner • Wilhelmsen 	<ul style="list-style-type: none"> • AGR
Singapura	<ul style="list-style-type: none"> • NOL Global • ACE Asia Pacific 	<ul style="list-style-type: none"> • Global Footware
Hong Kong	<ul style="list-style-type: none"> • Aramis • DBC 	<ul style="list-style-type: none"> • OMG

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Pada tahun 2011, sejumlah 18 OHQ telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM163 juta. Daripada jumlah ini, empat adalah dari Singapura, dua masing-

masing daripada United Kingdom dan Malaysia, satu masing-masing dari Belanda, Australia, Norway, Luxembourg, Perancis, Jepun dan Bermuda. Manakala dua lagi merupakan projek usahasama iaitu di antara Hong Kong dengan Malaysia dan di antara Singapura dengan India. Sejumlah 125 jawatan pegawai dagang telah diluluskan untuk OHQ ini dan 571 peluang pekerjaan akan diwujudkan kepada rakyat Malaysia.

OHQ utama diluluskan pada tahun 2011 termasuk:

- Proserv Offshore Malaysia Sdn. Bhd., yang beribu pejabat di Norway membekalkan pelbagai peralatan dan perkhidmatan untuk operasi laut dan dasar laut. OHQ di Malaysia ini akan menjalankan perkhidmatan pengurusan dan pentadbiran, perancangan dan penyelaras, sokongan teknikal dan penyelenggaraan serta kawalan pemasaran dan perancangan promosi untuk syarikat berkaitan mereka di Australia, Indonesia dan Malaysia;
- GA Design International Sdn. Bhd., merupakan sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kumpulan Syarikat GA, yang terlibat dalam rekabentuk dalaman senibina dengan pengkhususan dalam kerja rekabentuk hospitaliti. Kumpulan syarikat ini yang beribu pejabat di London mempunyai kepakaran dalam rekabentuk dalaman bagi hotel, resort, kelab golf dan restoran serta pangrupari perkhidmatan. OHQ ini akan menyediakan perkhidmatan yang terdiri daripada pengurusan am dan pentadbiran, perancangan perniagaan dan penyelaras kepada pejabat dan perbadanan berkaitan yang terletak di United Kingdom dan Hungary;
- UMW Oil and Gas Corporation Sdn. Bhd., sebuah syarikat Malaysia yang dimiliki sepenuhnya oleh UMW Oil and Gas Berhad. Kumpulan ini terlibat dalam pelbagai industri seperti automotif, peralatan, pengilangan dan kejuruteraan serta minyak dan gas. OHQ ini akan menyediakan perkhidmatan kepada syarikat berkaitannya di Singapura, Indonesia,

Vietnam, Thailand, Australia, Republik Rakyat China, Taiwan, India, Oman, Bahrain, UAE dan Kanada;

- CEVA Animal Health Asia Pacific Sdn. Bhd., merupakan sebuah anak syarikat dari Perancis yang akan menjalankan pengilangan dan pemasaran produk penjagaan kesihatan haiwan. Perkhidmatannya merangkumi aktiviti seperti pengurusan am dan pentadbiran, perancangan dan penyelarasan perniagaan, perancangan promosi jualan dan kawalan pemasaran, sokongan teknikal dan penyelenggaraan serta latihan untuk syarikat berkaitannya di Thailand, Indonesia dan Filipina; dan
- H.I.S Management Services Sdn. Bhd., merupakan sebuah syarikat pelancongan yang berpangkalan di Jepun. OHQ ini akan menyediakan perkhidmatan kepada syarikat berkaitannya di rantau Asia Pasifik.

Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC)

Sejumlah 223 Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC) telah diluluskan setakat 31 Disember 2011 dengan jumlah anggaran jualan tahunan sebanyak RM72.5 bilion manakala pelaburan dalam IPC ini berjumlah RM6.6 bilion. Daripada IPC diluluskan, sejumlah 90 atau 40 peratus adalah daripada Perbadanan dari Jepun, 38 dari Malaysia, 17 dari Amerika Syarikat, 13 dari Singapura, 11 dari Taiwan, lima dari Jerman, satu masing-masing dari Kanada, United Kingdom, India manakala baki 46 lagi adalah projek usaha sama.

Sejumlah 123 atau 55 peratus daripada IPC ini akan memberi perkhidmatan kepada industri E&E manakala selebihnya akan memberi perkhidmatan kepada industri kimia/petrokimia (31), bahagian perindustrian dan jentera (16), tekstil (10), minyak dan gas (10), perabot (7) dan industri-industri lain. Setakat ini, lebih daripada 140 IPC telah memulakan operasi.

Antara operasi IPC yang dilaksanakan di Malaysia adalah dalam aktiviti perolehan dan pengedaran serta pengurusan rantaian bekalan bagi operasi perkilangan mereka di rantau ini. MNC utama yang telah menempatkan operasi IPC mereka di Malaysia seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 4.

**Jadual 4
Operasi IPC di Malaysia oleh MNC Utama**

Negara	Nama Syarikat	
Jepun	<ul style="list-style-type: none"> • Matsushita • Sharp • Sony • Kenwood • TDK Corporation • Canon Opto • Murata • Sumiden • Hitachi 	<ul style="list-style-type: none"> • JVC Electronics • NEC Electronics • Brother Engineering • Sharp-Roxy • Nitto Denko • Mitsumi • Mitsubishi • Nippon Wiper Blade
Amerika Syarikat	<ul style="list-style-type: none"> • Dell • Knowles 	<ul style="list-style-type: none"> • Smart Modular Technologies • Jabil
Jerman	<ul style="list-style-type: none"> • Robert Bosch • Henkel 	<ul style="list-style-type: none"> • B.Braun
Taiwan	<ul style="list-style-type: none"> • Acer • Inventec Electronics 	<ul style="list-style-type: none"> • Titan
Perancis	<ul style="list-style-type: none"> • Mapa Spontex 	<ul style="list-style-type: none"> • Safic-Alcan
Hong Kong	<ul style="list-style-type: none"> • Lee Kum Kee 	
Belanda	<ul style="list-style-type: none"> • Flextronics 	<ul style="list-style-type: none"> • Benchmark
Singapura	<ul style="list-style-type: none"> • Ghim Li • Jackspeed Leather 	<ul style="list-style-type: none"> • World Kitchen • Om Materials

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Enam projek IPC telah diluluskan pada tahun 2011 dengan pelaburan bernilai RM70.5 juta dan anggaran jualan tahunan sebanyak RM1.5 bilion. Daripada enam IPC yang diluluskan, satu masing-masing adalah dari Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom, India, Malaysia dan salah satu daripadanya adalah syarikat usahasama antara Yaman dan Kepulauan Cayman. IPC ini akan menyediakan peluang pekerjaan kepada 132 rakyat Malaysia, terutamanya dalam kategori pengurusan, teknikal dan mahir. IPC ini bakal memperolehi sejumlah RM5.2 bilion nilai produk daripada syarikat tempatan.

Kesemua IPC ini akan mengeksport hampir RM3.8 bilion atau 98 peratus produknya melalui pelabuhan, di mana sebanyak RM1.8 bilion (47%) akan dieksport melalui Pelabuhan Pasir Gudang dan selebihnya akan dieksport melalui Pelabuhan Klang (RM1 bilion), Pelabuhan Tanjung Pelepas (RM713.4 juta), Pelabuhan Pulau Pinang (RM249 juta), dan Tanjung Puteri (RM12 juta). Daripada barang yang akan dieksport melalui lapangan terbang, RM59 juta akan dieksport melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Tambahan pula, lebih daripada lapan buah IPC sedia ada telah memulakan program pembesaran dengan menambah produk baru ke dalam rangkaian perolehan dan pengedaran mereka.

Antara IPC yang diluluskan adalah:

- Tamco Switchgear (M) Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik sepenuhnya Larsen & Toubro Limited, India, yang menjalankan aktiviti merekabentuk, mengilang, membekal, memasang, menerima tempahan dan menyelenggara kelengkapan dan sistem bagi pengagihan tenaga dan kawalan motor;

- Material Advantage Group Sdn. Bhd., sebuah syarikat pengilangan, milik sepenuhnya MAG Group dari United Kingdom yang mengeluarkan dan menjalankan aktiviti pemesinan bahagian dan komponen; dan
- Baerlocher (M) Trading Services Sdn. Bhd., sebuah syarikat Malaysia yang dimiliki sepenuhnya oleh Baerlocher (M) Sdn. Bhd. yang mengeluarkan bahan tambahan polimer dan *metal soaps*. Kumpulan syarikat ini yang berasal dari Jerman telah wujud di lebih 50 buah negara, dengan loji pengilangannya di Itali, Perancis, United Kingdom, Amerika Syarikat, Brazil, Peru, Argentina, India dan Republik Rakyat China.

Kesemua IPC yang telah diluluskan di atas akan memperoleh dan mengedarkan produknya di dalam dan luar Malaysia.

Pusat Pengedaran Serantau (RDC)

Setakat 31 Disember 2011, sejumlah 28 Pusat Pengedaran Serantau (RDC) telah diluluskan dengan jumlah jualan tahunan sebanyak RM2.7 bilion dan pelaburan berjumlah RM132.9 juta. Daripada jumlah ini, empat adalah dari Jerman, dua masing-masing dari United Kingdom, Malaysia, Amerika Syarikat dan Jepun dan satu masing-masing dari Austria, Belanda, Switzerland, Belgium, Finland, Perancis, Itali, Ireland, Sepanyol, Denmark, Kanada, Hong Kong, Pakistan dan India manakala, dua adalah projek usahasama dengan Jepun dan Jerman. Sejumlah 664 peluang pekerjaan akan diwujudkan oleh IPC ini, yang mana 90 peratus akan diisi oleh rakyat Malaysia.

Antara RDC yang sedang beroperasi termasuk:

- i. Osram Opto Semiconductors, BMW, EPCOS AG, Siteco Group dan BD Agriculture dari Jerman;
- ii. UMW Toyota dari Jepun;

- iii. Scapa Group dari United Kingdom;
- iv. Agfa dari Belgium;
- v. Amer Sport dari Finland;
- vi. Sidel Group dari Perancis;
- vii. Acerinox dari Sepanyol;
- viii. International Merchandising Inc dari Kanada;
- ix. BEML dari India; dan
- x. CPM Sdn. Bhd. dari Hong Kong

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Satu projek RDC telah diluluskan pada tahun 2011 dengan pelaburan bernilai RM10 juta dan jumlah jualan tahunan bernilai RM104 juta. RDC yang diluluskan adalah untuk sebuah syarikat Jepun yang terlibat dalam filem pembungkusan, filem industri dan helaian berfungsi. RDC ini akan mengedarkan produk siap di mana kebanyakannya diperolehi dari syarikat berkaitannya di Jepun dan diedarkan kepada pelanggan di Singapura, Filipina dan Jerman.

Pejabat Serantau/Perwakilan (RO/RE)

Setakat 31 Disember 2011, sejumlah 841 Pejabat Serantau (RO) dan 1,749 Pejabat Perwakilan (RE) telah diluluskan. Kesemua RO dan RE ditubuhkan adalah untuk membantu syarikat asing merancang atau mengatur aktiviti perniagaan untuk ahli gabungan, anak syarikat dan ejen mereka di Malaysia dan rantau ini.

Malaysia merupakan pengkalan kepada RO dan RE bagi mengkoordinasi dan menyokong operasi mereka di rantau Asia Pasifik. Penubuhan RO/RE ini akan menyediakan peluang kepada syarikat untuk menubuhkan OHQ/IPC/RDC dalam jangka masa panjang.

Projek Diluluskan pada Tahun 2011

Pada tahun 2011, sejumlah 32 RO dan 55 RE telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM48.3 juta. Daripada jumlah ini, pelaburan bagi RO dan RE masing-masing adalah sebanyak RM24.4 juta dan RM23.9 juta. RO/RE ini adalah terutamanya dari Singapura (11), Perancis (6), Jepun (5), Amerika Syarikat (4), United Kingdom (4) dan Republik Rakyat China (3) serta Jerman, Iran, Hong Kong, India, Sepanyol, Sweden, Qatar, Thailand, Belgium, Republik Korea dan Australia. RO dan RE ini dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 193 rakyat Malaysia.

RO dan RE utama diluluskan termasuk:

Negara	Nama Syarikat
Australia	<ul style="list-style-type: none">• Australian Aviation Training College
Hong Kong	<ul style="list-style-type: none">• BroadLearning Solutions
Amerika Syarikat	<ul style="list-style-type: none">• Hobsons• International Metals• Nextech Solution
Republik Korea	<ul style="list-style-type: none">• Hyundai Rotem Company• Korean Register of Shipping
Singapura	<ul style="list-style-type: none">• Imago Production• Userx Ptye. Ltd.• IMI Inpro Tec
Ireland	<ul style="list-style-type: none">• Adaptive Mobile Security Ltd.

Malaysia dengan lokasi strategiknya di rantau ASEAN mempunyai peluang cerah untuk menjadi hab logistik kepada MNC. Malaysia juga sedang giat mempromosi sektor perkhidmatan memandangkan ia akan menawarkan pelbagai peluang pertumbuhan terutamanya dalam penubuhan OHQ, IPC dan RDC. Penubuhan ini

akan memberi faedah kepada negara dari segi peningkatan perdagangan global, penyediaan peluang pekerjaan mahir, dan peluang perniagaan kepada pemborong dan peruncit tempatan.

Hab Operasi Global

MIDA juga telah meluluskan empat projek yang bercadang untuk menjadikan Malaysia Hab Operasi Global mereka. Projek ini mempunyai pelaburan yang besar dengan kesan limpahan yang ketara ke atas ekonomi. Empat projek yang diluluskan adalah seperti berikut:

- **Vale**

Telah wujud di lebih daripada 38 negara, Vale merupakan satu daripada pengeluar bijih besi dan pelet terbesar dunia, merupakan bahan-bahan mentah utama untuk industri keluli serta nikel yang digunakan bagi menghasilkan keluli tahan karat, bateri, aloi khusus, kimia dan produk lain.

Vale baru-baru ini telah memulakan pembinaan jeti khusus untuk pusat pengedaran bijih besi di Teluk Rubiah, Perak. Fasa pembinaan akan melibatkan pelaburan berjumlah RM4 bilion. Apabila Pusat Pengedaran beroperasi, bijih besi dari Brazil akan diangkut dalam *Very Large Ore Carriers* (VLOC) sebanyak 400,000 DWT ke Teluk Rubiah. Dari sini, bijih akan diedarkan kepada pelanggan-pelanggannya di rantau ini.

Adalah diramalkan bahawa pada fasa berikutnya pelaburan termasuk pembuatan pelet bijih besi akan menjadikan jumlah pelaburan sebanyak RM15 bilion dan menyediakan peluang pekerjaan kepada 615 orang, kebanyakannya dalam pengurusan dan kategori mahir.

- **Integrated Device Technology (IDT)**

IDT adalah sebuah syarikat semikonduktor analog dan digital akan menubuhkan Hab Operasi Global di Pulau Pinang. IDT telah menggabungkan kesemua aktiviti pengurusan rantaian bekalan seluruh dunia di Malaysia yang merangkumi perolehan wafer silikon dan perkhidmatan pembungkusan, pemasangan, pengujian litar bersepadu (IC), R&D proses pengilangan (perkakasan dan pembangunan perisian, simulasi ujian) dan rancangan pengeluaran.

Jumlah pelaburan bagi projek ini bernilai RM25 juta dan dijangka mewujudkan pekerjaan kepada 160 rakyat Malaysia termasuk 56 pekerja berpengetahuan berpendapatan tinggi dalam bidang berkaitan menjelang 2020. Di samping itu, projek ini terlibat dalam penyumberan tempatan, berjumlah RM80 juta - RM126 juta setahun bagi aktiviti pemasangan dan pengujian.

- **Indian Green Grid Group Limited (IG3)**

IG3, sebuah syarikat infrastruktur dan kewangan dari India, akan menubuhkan sebuah Pusat Pemulihan Bencana (DRC) di Taman Sains Selangor, Cyberjaya, Selangor. Projek ini melibatkan pelaburan sebanyak RM979.6 juta dan akan mewujudkan 300 pekerjaan terutamanya bagi jurutera perisian berkemahiran tinggi. Ia juga akan terus meningkatkan penggunaan perkhidmatan domestik seperti insurans, logistik, utiliti, perundangan, pengauditan, perunding cukai, penggunaan infrastruktur tempatan seperti pelabuhan dan lapangan terbang serta penyumberan luar perniagaan kepada syarikat Malaysia untuk perkhidmatan seperti keselamatan, kejuruteraan dan pengurusan fasiliti.

- **Nestle**

Sebagai syarikat peneraju dunia yang mengeluarkan produk pemakanan, kesihatan dan kesejahteraan yang beribu pejabat di Switzerland, Kumpulan Nestle telah berada di Malaysia selama 100 tahun yang lepas, mengeluarkan pelbagai produk seperti MILO, MAGGI, dan Nescafe. Nestle Malaysia merupakan pengeluar halal terbesar dalam Kumpulan Nestle yang mewajarkan syarikat diiktiraf sebagai Pusat Kecemerlangan Halal bagi Nestle seluruh dunia.

Nestle akan menubuhkan pusat kecemerlangan serantau bagi kepakaran kejuruteraan, yang dikenali sebagai Pusat Kejuruteraan Serantau (REC) di Malaysia. REC akan berperanan aktif dalam perancangan dan pembangunan sumber kejuruteraan Nestle untuk rantau ini. Penubuhan REC yang menyokong ETP Kerajaan dalam menjalankan pelbagai strategi untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berpendapatan tinggi. REC akan mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi, sumber berkepakaran negara yang akan menyumbang kepada pembangunan keupayaan domestik yang bernilai tinggi. Kakitangan di dalam REC yang bakal terdiri daripada jawatan dalam bidang kejuruteraan terutamanya pengurusan dan pengurusan kanan dengan jumlah pendapatan sehingga RM1.3 juta setahun.

PERKHIDMATAN SOKONGAN

Perkhidmatan sokongan merangkumi R&D, tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan/penjimatan tenaga, rekabentuk kejuruteraan, perkhidmatan logistik bersepadu, perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu, perkhidmatan rangkaian sejuk, pembasmian kuman dan kemudahan utiliti berpusat serta latihan teknikal, vokasional dan sains adalah antara aktiviti perkhidmatan yang sedang digalakkan oleh Kerajaan bagi mempertingkatkan tambahan nilai sektor perkilangan di Malaysia. Penyedia perkhidmatan yang menjalankan aktiviti ini layak memohon

insentif cukai dalam bentuk Taraf Perintis (PS) dan Elaun Cukai Pelaburan (ITA) bagi tempoh lima ke 10 tahun.

Pada tahun 2011 sejumlah 56 projek perkhidmatan sokongan telah diluluskan di MIDA dengan insentif cukai yang melibatkan jumlah pelaburan bernilai RM518.4 juta. Sebahagian besar pelaburan adalah disumbang oleh pelaburan domestik yang bernilai RM470.3 juta atau 90.7 peratus daripada jumlah pelaburan. Pelaburan domestik adalah ketara dalam aktiviti pengurusan alam sekitar seperti tenaga boleh diperbaharui dan penjimatan tenaga serta perkhidmatan sokongan lain seperti R&D, perkhidmatan rangkaian sejuk dan logistik.

**Jadual 5
Pelaburan Diluluskan dalam Perkhidmatan Sokongan, 2011**

Perkhidmatan Sokongan	Bil	RM juta
Tenaga Boleh Diperbaharui	36	424.4
Kecekapan/Penjimatan Tenaga	12	21.9
Aktiviti Rangkaian Sejuk	1	15.7
Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS)	1	9.2
Penyelidikan & Pembangunan (R&D)	3	7.6
Perkhidmatan Sokongan Pemasaran Bersepadu (IMS)	1	2.5
Lain-lain	2	37.1
Jumlah	56	518.4

Daripada 56 projek yang diluluskan, 36 (64.3%) adalah diluluskan untuk penjanaan tenaga menggunakan pelbagai sumber boleh diperbaharui, 12 untuk kecekapan/penjimatan tenaga, tiga untuk R&D, dan manakala baki lima adalah pelbagai perkhidmatan sokongan termasuklah kemudahan rangkaian sejuk, logistik

bersepadu dan perkhidmatan sokongan pasaran. Sejumlah 983 peluang pekerjaan dapat diwujudkan dari projek ini.

Tenaga Boleh Diperbaharui

Penjanaan tenaga boleh diperbaharui daripada sumber yang boleh diperbaharui seperti biomas, biogas, solar, minihidro dan sisa pepejal adalah digalakkan oleh Kerajaan. Di bawah RMKe-10, Kerajaan telah mensasarkan 5.5 peratus daripada jumlah penjanaan tenaga elektrik atau 985MW daripada tenaga boleh diperbaharui menjelang tahun 2015. Kerajaan sedang berusaha menyediakan mekanisma *Feed-in Tarif* bagi membolehkan penjualan tenaga elektrik yang dijana daripada pelbagai sumber boleh diperbaharui kepada pembekal tenaga pada harga premium yang tetap untuk tempoh tertentu.

Dengan ladang kelapa sawit yang luas dan iklim tropika di negara ini, biomas dan tenaga solar menjadi antara sumber tenaga boleh diperbaharui yang popular di negara ini di mana 90 peratus daripada potensi tenaga boleh diperbaharui adalah daripada dua sumber ini.

Peningkatan kesedaran terhadap kepentingan pembangunan mesra alam dan penekanan terhadap pembangunan mampan yang dinyatakan di bawah NEM telah menyebabkan peningkatan bilangan projek tenaga boleh diperbaharui. Pada tahun 2011, sejumlah 36 projek telah diluluskan dengan insentif cukai untuk menjana tenaga menggunakan sumber boleh diperbaharui berbanding hanya 21 projek pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, projek ini secara umumnya adalah berskala kecil dengan jumlah keseluruhan pelaburan berjumlah RM424.4 juta (2010:RM563.7 juta). Sebahagian besar daripada projek ini adalah untuk kegunaan sendiri, dengan hanya sebahagian kecil akan dibekalkan kepada grid nasional.

Sejumlah 29 daripada 36 projek yang diluluskan telah dilaksanakan oleh pelabur tempatan menyumbang kepada 95 peratus daripada keseluruhan pelaburan yang diluluskan.

Daripada 36 projek yang diluluskan, 19 projek akan menggunakan tenaga solar, 15 projek akan menggunakan biomas termasuklah biogas, satu projek bersepadu yang menggunakan kedua-dua tenaga solar dan biogas serta satu projek menggunakan sisa buangan haiwan untuk menjana tenaga boleh diperbaharui. Tumpuan yang lebih besar pada 2011 adalah bagi penggunaan tenaga solar sebagai sumber bagi menjana tenaga boleh diperbaharui. Kebanyakan daripada projek ini adalah tertumpu di Semenanjung Malaysia, terutamanya di Selangor, Kuala Lumpur dan Johor. Manakala, projek yang menggunakan biomas sebagai sumber boleh diperbaharui lebih tertumpu di Sabah dan Sarawak di mana ladang kelapa sawit adalah sangat luas.

Antara pelaburan berkualiti yang diluluskan adalah seperti berikut:

- Satu taman tenaga boleh diperbaharui bersepadu di Negeri Sembilan akan menjana tenaga elektrik daripada solar dan biogas. Jumlah pelaburan untuk projek ini dianggarkan sebanyak RM133 juta dan tenaga yang dijana akan dibekalkan kepada TNB;
- Satu projek untuk memasang sistem air panas solar berpusat dan sistem pendingin hawa hibrid solar bagi pembangunan bercampur komersial dan perumahan serba lengkap di Bukit Jalil oleh syarikat pembangunan hartanah tempatan dengan pelaburan berjumlah RM84 juta;
- Loji tenaga boleh diperbaharui yang akan dibangunkan oleh syarikat perladangan terkenal di dua kilang pemprosesan kelapa sawit di Sabah menggunakan biogas daripada bahan buangan kilang sawit tersebut. Projek

- ini melibatkan pelaburan yang berjumlah RM26.3 juta dan tenaga yang dijana akan digunakan untuk kegunaan sendiri; dan
- Satu syarikat usahasama berdasarkan kayu di Sarawak akan menjana tenaga elektrik dan tenaga wap daripada sisa buangan kayu dengan pelaburan yang berjumlah RM24.4 juta. Sisa buangan tersebut akan dibekalkan oleh syarikat papan lapis di Sarawak.

Kecekapan/Penjimatan Tenaga

Kerajaan menggalakkan syarikat melabur dalam aktiviti kecekapan tenaga dan penjimatan tenaga kerana ia adalah salah satu usaha untuk pembangunan yang mampan. Pelbagai inisiatif telah diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan industri dan pengguna supaya memelihara alam sekitar dengan menggunakan peralatan dan produk kecekapan tenaga. Pada tahun 2011, potongan harga diberikan untuk menggalakkan isi rumah kelas pertengahan untuk membeli peralatan kecekapan tenaga di bawah program Mencapai Kelestarian melalui Kecekapan Tenaga (SAVE). Bagi komuniti perniagaan, syarikat boleh memohon mendapatkan insentif cukai, pengecualian duti import dan cukai jualan tertakluk kepada garis panduan bagi permohonan tersebut.

Banyak syarikat menyedari kepentingan untuk memelihara alam sekitar dan telah melaksanakan langkah kecekapan tenaga dan penjimatan tenaga bagi mengurangkan kos tenaga.

Pada tahun 2011, sejumlah 12 syarikat telah diluluskan dengan insentif cukai bagi menjalankan projek kecekapan tenaga dan penjimatan tenaga yang melibatkan pelaburan sebanyak RM21.9 juta. Inisiatif memelihara alam sekitar telah dipacu oleh pelabur domestik yang telah menyumbang sebanyak 86.8 peratus daripada jumlah pelaburan.

Industri perhotelan pula telah menunjukkan minat yang mendalam untuk menggunakan sistem dan peralatan kecekapan tenaga di dalam pembinaan hotel-hotel baru serta untuk memperbaharui dan pemodenan operasi hotel mereka. Daripada 12 projek yang diluluskan, tujuh adalah projek yang diusahakan oleh pengusaha hotel.

Selain industri perhotelan, antara projek utama adalah:

- Satu pelaburan harta tanah dan syarikat pengurusan pejabat yang berpengkalan di Kuala Lumpur untuk menggantikan loji penyejuk sedia ada dengan penyejuk cekap tenaga di bangunan sedia ada. Ini akan melibatkan pelaburan yang berjumlah RM12 juta dan akan menjimatkan tenaga sebanyak 38 peratus yang bersamaan dengan RM1.6 juta setahun;
- Satu usaha kerjasama pusat perubatan di Melaka untuk menggantikan loji penyejuk sedia ada dengan penyejuk berasaskan air cekap tenaga di hospital, yang melibatkan pelaburan sebanyak RM3.5 juta. Penggantian ini akan mengurangkan penggunaan tenaga sebanyak 41 peratus setahun bersamaan dengan RM785,000 setahun bagi pusat perubatan tersebut; dan
- Satu pengilang bahan penebat di Pulau Pinang akan menambahbaik sistem pengeluarannya dan kecekapan tenaga dalam bentuk penggunaan gas (33,600 MT/setahun) dan penggunaan tenaga elektrik (176,904 KW/setahun). Pelaksanaan ini akan melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM2.4 juta dengan penjimatan tenaga berjumlah RM54,304 setahun.

Aktiviti Rangkaian Sejuk

Syarikat yang menyediakan aktiviti rangkaian sejuk seperti perkhidmatan bilik sejuk dan trak sejuk bagi hasil pertanian mudah rosak seperti buah-buahan, sayur-

sayuran, bunga-bungaan, pucuk-pucuk daun dan daging serta produk hidupan air adalah layak untuk diberikan PS atau ITA.

Pada 2011, sebuah syarikat milik rakyat Malaysia telah diluluskan insentif bagi menyediakan aktiviti rangkaian sejuk. Terletak di Pulau Pinang, syarikat tersebut akan menyewakan kemudahan bilik sejuknya kepada syarikat Malaysia di kawasan yang mengumpulkan produk mudah rosak daripada petani, penternak dan nelayan tempatan. Syarikat juga akan melaksanakan aktiviti bernilai ditambah seperti pembersihan, pengupasan, pengredan, pembekuan dan pembungkusan berdasarkan keperluan pengguna. Pelaburan yang terlibat adalah sebanyak RM15.7 juta.

Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS)

Aktiviti utama dalam industri perkhidmatan logistik bersepadu (ILS) merangkumi penghantaran barang, pergudangan, pengangkutan dan perkhidmatan nilai ditambah berkaitan lain seperti pengedaran, perolehan dan pengurusan rantaian bekalan berdasarkan prinsip bersepadu.

Syarikat ILS yang diluluskan telah diberi insentif cukai dalam bentuk PS atau ITA. Insentif ini telah dirangka bagi mewujudkan industri logistik yang cekap dan kompetitif disamping menggalakkan integrasi dan penggabungan pelbagai pengantara pengangkutan di sepanjang rantaian bekalan logistik di Malaysia. Dalam hal ini, syarikat Malaysia digalakkan untuk mengembang dan meneroka ke dalam perkhidmatan nilai ditambah lebih tinggi bagi membolehkan mereka bersaing di peringkat antarabangsa. Sejumlah 28 syarikat dengan pelaburan bernilai RM2.4 billion telah diluluskan insentif. Daripada jumlah ini, tujuh adalah projek baru dan 21 adalah projek pembesaran.

Pada tahun 2011, sebuah syarikat ILS milik rakyat Malaysia telah diluluskan di Bintulu, Sarawak. Syarikat yang sebelum ini terlibat di dalam aktiviti pembinaan yang mengusahakan aktiviti logistik di antaranya penghantaran barang, pergudangan, pengangkutan, pengedaran serta perkhidmatan bernilai ditambah seperti pembungkusan, pembungkusan semula dan pelabelan semula dengan pelaburan berjumlah RM8.3 juta.

Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (IILS)

Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (IILS) adalah satu status yang diberikan kepada syarikat logistik yang menyediakan perkhidmatan logistik bersepadu dan *seamless* (pintu ke pintu) sepanjang rantaian nilai logistik sebagai sebuah entiti yang berskala rantau dan global. Lesen Agen Kastam akan diberikan kepada IILS yang berkelayakan.

Pada tahun 2011, tiga buah syarikat milik rakyat Malaysia dan satu syarikat milik rakyat asing telah diluluskan status IILS. Syarikat ini dahulunya menumpukan usaha di dalam aktiviti ILS. Dengan memiliki status IILS, mereka mampu untuk mengembangkan aktiviti mereka ke Negara ASEAN.

Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Perkhidmatan R&D termasuk rekabentuk perindustrian (pembangunan proses dan produk termasuk merekabentuk dan prototaip) serta perkhidmatan penyelidikan yang disediakan oleh pusat rekabentuk, syarikat R&D kontrak, syarikat R&D, institusi penyelidikan/syarikat R&D yang diluluskan.

Pada tahun 2011, tiga syarikat R&D kontrak telah diluluskan dengan insentif cukai, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM7.6 juta. Sebuah syarikat R&D kontrak

milik sepenuhnya rakyat Malaysia yang utama iaitu NGL Tech Sdn. Bhd. telah berjaya membangunkan teknologi inovatif miliknya yang sesuai bagi kemudahan minyak dan gas termasuklah pembangunan bidang marginal, kemudahan penyimpanan dan pemunggahan pengeluaran terapung serta pelantar tetap di lautan. Teknologi yang dibangunkan digunakan untuk penambahbaikan dan kemajuan kemudahan proses pengeluaran huluan.

Teknologi ini menyediakan penyelesaian alternatif dengan cara memudahkan, meningkatkan kos dan memberi faedah operasi lain serta boleh mengurangkan pelepasan gas rumah hijau bagi memberi perhatian kepada kesedaran alam sekitar dalam penerokaan minyak dan gas. Syarikat juga telah memfailkan lima paten di peringkat antarabangsa.

Perkhidmatan Sokongan Pemasaran Bersepadu (IMS)

Perkhidmatan Sokongan Pemasaran Bersepadu (IMS) terdiri daripada aktiviti penjenamaan, penyelidikan pasaran dan pengurusan perhubungan pelanggan. Pada tahun 2011, sebuah syarikat milik sepenuhnya rakyat asing, Ipsos Sdn. Bhd. telah diluluskan insentif cukai bagi menjalankan IMS, yang melibatkan pelaburan sebanyak RM2.5 juta. Syarikat yang berpengkalan di Paris tersebut adalah antara lima syarikat penyelidikan global terkenal yang telah ditubuhkan selama lebih 30 tahun. Kumpulan syarikat ini sedang menjalankan operasi di 66 negara dengan bilangan pekerja sepenuh masa seramai lebih dari 8,700 orang dan telah menjalankan penyelidikan di lebih 100 buah negara.

Pengkhususan syarikat ini adalah dalam aktiviti penyelidikan pengiklanan, penyelidikan pasaran, penyelidikan media, penyelidikan sosial dan pendapat, penyelidikan pengurusan hubungan pengguna dan pekerja, pengumpulan data dan penghantaran.

Kumpulan ini telah mengenalpasti rantau Asia Pasifik sebagai satu pasaran berpotensi bagi pertumbuhan dan Malaysia dipilih kerana lokasinya yang strategik, kos yang kompetitif, rangkaian komunikasi yang cekap dan ekonomi yang kukuh.

SYARIKAT BERSTATUS MSC

Pada tahun 2011, sejumlah 215 syarikat telah diluluskan status MSC dengan jumlah pelaburan berjumlah RM2.5 billion. Pelaburan domestik berjumlah RM1.6 billion (64%) manakala pelaburan asing berjumlah RM927.3 juta (36%). Sejumlah 11,315 peluang pekerjaan dijangka akan diwujudkan oleh syarikat MSC. Daripada 215 syarikat yang dianugerahkan status MSC bagi tahun 2011, sejumlah 149 (69.3%) adalah milik sepenuh rakyat Malaysia, 36 (16.7%) adalah milik sepenuh rakyat asing manakala baki 30 (14%) adalah projek usahasama. Pada tahun 2010, sejumlah 218 syarikat telah dianugerahkan status MSC dengan pelaburan diluluskan berjumlah RM1.5 billion.

HARTANAH (PERUMAHAN)

Subsektor harta tanah merangkumi industri perumahan (tidak termasuk bangunan komersial) di Malaysia.

Pada tahun 2011, sejumlah 1,422 projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM16.9 bilion. Pelaburan domestik mewakili 97.6 peratus (RM16.5 bilion) daripada jumlah pelaburan dalam subsektor ini. Pelaburan yang diluluskan di dalam subsektor harta tanah pada tahun 2011 melebihi pelaburan yang diluluskan dalam subsektor ini bagi tahun 2010 yang berjumlah RM6.5 billion (1,328 projek).

PENGANGKUTAN

Subsektor pengangkutan merangkumi pengangkutan maritim, penerbangan serta pembinaan dan penyelenggaraan lebuhraya.

Pada tahun 2011, sejumlah 34 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM11.7 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM9.4 bilion (80.3%) dan pelaburan asing bernilai RM2.3 billion (19.7%). Sebagai perbandingan, pelaburan yang diluluskan dalam subsektor pengangkutan pada tahun 2010 adalah sebanyak RM5.6 bilion.

Pelaburan yang diluluskan pada tahun 2011 adalah terutamanya dalam subsektor jalanraya dengan tiga projek bernilai RM5.2 bilion manakala tujuh projek diluluskan dalam subsektor maritim dengan pelaburan berjumlah RM5 billion.

TENAGA

Subsektor tenaga merangkumi penjana tenaga bebas (IPP); serta penjanaan, pengaliran dan pengagihan tenaga elektrik oleh TNB, Syarikat SESCO Bhd. (SESCO) dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB).

Pada tahun 2011, pelaburan bernilai RM6.1 bilion telah diluluskan bagi subsektor ini yang mana kesemuanya adalah pelaburan domestik. Subsektor ini kekal sebagai salah satu penyumbang utama kepada pelaburan dalam sektor perkhidmatan.

TELEKOMUNIKASI

Subsektor telekomunikasi meliputi kemudahan jaringan, perkhidmatan jaringan, perkhidmatan aplikasi (termasuk perkhidmatan aplikasi kandungan), pos dan penyiaran.

Pada tahun 2011, jumlah pelaburan dalam subsektor ini bernilai RM6 bilion di mana kesemuanya adalah pelaburan domestik.

PERKHIDMATAN KEWANGAN

Pelaburan dalam perkhidmatan kewangan merangkumi perbankan, insuran dan pasaran modal (modal teroka, pengurusan dana, penasihat pelaburan dan pembrokeran).

Pada tahun 2011, sejumlah 51 projek diluluskan dalam subsektor perkhidmatan kewangan dengan pelaburan sebanyak RM3.2 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM3 bilion (93.8%) manakala pelaburan asing berjumlah RM153.2 juta (6.2%).

Perbankan telah menarik jumlah pelaburan terbesar dalam subsektor perkhidmatan kewangan iaitu sebanyak RM2.3 bilion atau 71.9 peratus dan diikuti oleh pasaran modal (RM516 juta) serta insuran (RM414.2 juta).

Perbankan Islam merupakan antara penyumbang utama kepada pelaburan dalam perbankan yang berjumlah RM1.9 bilion.

PERDAGANGAN PENGEDARAN

Subsektor perdagangan pengedaran merangkumi perdagangan borong dan runcit, pasaraya besar/pasaraya, gedung membeli-belah dan jualan langsung, francais dan projek yang diluluskan di bawah Akta Pembangunan Petroleum, (PDA) 1974.

Pada tahun 2011, sejumlah 1,498 projek telah diluluskan di dalam subsektor ini dengan pelaburan sebanyak RM2.5 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM1.5 bilion (60%) manakala pelaburan asing berjumlah RM990.8 juta (40%).

Pelaburan dalam perdagangan pengedaran adalah terutamanya:

- 736 projek perdagangan borong dan runcit dengan pelaburan sebanyak RM809.6 juta atau 32.2 peratus daripada keseluruhan pelaburan di dalam subsektor ini;
- 345 projek diluluskan di bawah PDA, 1974 dengan pelaburan sebanyak RM701.2 juta;
- 231 projek jualan langsung dengan pelaburan sebanyak RM440.8 juta;
- 14 projek pasaraya besar dan pasaraya dengan pelaburan sebanyak RM335.2 juta;
- Tiga projek gedung membeli belah dengan pelaburan sebanyak RM197.5 juta; dan
- 169 projek francais dengan pelaburan berjumlah RM33.2 juta.

Salah satu daripada projek utama yang telah diluluskan adalah bagi menubuhkan sebuah gedung premier outlet di Melaka dengan pelaburan berjumlah RM320 juta oleh sebuah syarikat berpengkalan di Amerika Syarikat yang berpengkhususan dalam rekabentuk, pembinaan dan pengurusan gedung premier outlet di Amerika Syarikat dan Eropah, bersama dengan Kerajaan Negeri Melaka dan sebuah syarikat tempatan. Gedung premier outlet tersebut yang didirikan di atas tanah seluas 400 ekar akan menjadi gedung premier outlet berteknologi hijau pertama di dunia oleh syarikat yang berpengkalan di Amerika Syarikat dan ia menampilkan seni arkitek Melaka yang tersendiri untuk meningkatkan lagi status Melaka sebagai salah satu tapak bersejarah dunia UNESCO. Projek ini akan menjadikan Melaka sebagai hab membeli-belah antarabangsa dan akan meransang pembangunan industri sokongan seperti perhotelan dan pelancongan. Projek ini akan mewujudkan 1,000 peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia.

HOTEL DAN PELANCONGAN

Sejumlah 64 projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM1.9 bilion dalam subsektor hotel dan pelancongan pada tahun 2011. Pelaburan domestik berjumlah RM1.8 billion (94.7%), manakala pelaburan asing berjumlah RM63.1 juta (5.3%). Sebagai perbandingan, pelaburan yang diluluskan di dalam subsektor hotel dan pelancongan untuk tahun 2010 berjumlah RM2.5 billion, yang mana kebanyakannya adalah pelaburan domestik.

PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

Perkhidmatan pendidikan merangkumi kolej/universiti swasta, institusi pendidikan swasta dan pusat kemahiran.

Sejumlah 357 projek telah diluluskan bagi menubuhkan institusi pendidikan yang melibatkan pelaburan berjumlah RM1.5 bilion pada tahun 2011. Pelaburan domestik berjumlah RM994.2 juta (68.3%) dan pelaburan asing berjumlah RM461.8 juta (31.7%).

Pelaburan dalam perkhidmatan pendidikan adalah di dalam pusat kemahiran (RM764.5 juta/77 projek), universiti/kolej swasta (RM659 juta/satu projek) dan institusi pengajian tinggi (RM18.1 juta/tujuh projek) dan institusi pendidikan swasta (RM14.3 juta/272 projek).

Satu projek utama yang diluluskan di dalam perkhidmatan pendidikan adalah satu projek pembesaran oleh sekumpulan pendidikan terkenal India bagi menubuhkan sebuah kampus universiti di Negeri Sembilan. Projek tersebut akan membantu Malaysia mendapatkan bahagian pasaran yang lebih tinggi di peringkat industri pendidikan antarabangsa dan akan menjadi hab pendidikan serantau dan akan memenuhi keperluan industri baru muncul di Malaysia. Selain daripada kolej perubatan sedia ada di Melaka, kampus baharu tersebut akan menumpukan kepada kursus seperti kejuruteraan; bioteknologi dan sains hayat; rekaan dan komunikasi visual; pelancongan dan hospitaliti; pengurusan; undang-undang dan perniagaan.

Universiti ini juga akan menubuhkan pusat-pusat kecemerlangan yang akan bertindak sebagai forum untuk kolaborasi kepelbagai disiplin merentasi kampus dan kolaborasi dengan organisasi dan institusi luar. Pelaburan bagi penubuhan kampus ini dianggarkan bernilai RM659 juta dengan kapasiti maksimum seramai 12,500 pelajar menjelang 2021. Projek ini juga akan mewujudkan sejumlah 797 peluang pekerjaan, 72 peratus daripadanya adalah rakyat Malaysia dengan 46 peratus daripadanya akan memperolehi pendapatan melebihi RM10,000 sebulan.

Satu projek utama yang diluluskan pada tahun 2011 adalah projek pembesaran oleh sebuah kolej kejururawatan yang dimiliki oleh rakyat Malaysia di Negeri Sembilan. Kolej tersebut yang dimiliki oleh salah satu kumpulan penjagaan kesihatan pertama yang dibangunkan oleh rakyat tempatan di Malaysia akan menawarkan pendidikan kejururawatan daripada peringkat sijil sehingga PhD dibawah pelan pembesarannya. Pembesaran tersebut akan melibatkan pelaburan berjumlah RM171.9 juta.

PERKHIDMATAN KESIHATAN

Perkhidmatan kesihatan merangkumi kelulusan bagi penubuhan institusi penjagaan kesihatan swasta.

Pada tahun 2011, kelulusan telah diberikan kepada 16 institusi penjagaan kesihatan swasta (terdiri daripada hospital, pusat bersalin, pusat penjagaan kejururawatan dan pusat pakar perubatan) yang melibatkan pelaburan sebanyak RM712.5 juta di mana kesemuanya adalah pelaburan domestik. Sebagai perbandingan, pelaburan di dalam perkhidmatan kesihatan untuk tahun 2010 berjumlah RM555.9 juta (15 projek).

6 PELABURAN DALAM SEKTOR UTAMA

Sektor utama meliputi tiga subsektor penting iaitu pertanian; perlombongan; serta perladangan dan komoditi.

PERTANIAN

Pada tahun 2011, sejumlah 83 projek telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM417.5 juta. Pelaburan domestik berjumlah RM359 juta (86%) dan pelaburan asing berjumlah RM58.5 juta (14%). Projek ini dijangka akan mewujudkan 2,479 peluang pekerjaan.

PERLOMBONGAN

Pelaburan di dalam subsektor perlombongan terdiri daripada penerokaan minyak dan gas serta perlombongan mineral-mineral lain.

Pada tahun 2011, sejumlah 44 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM26.7 billion. Pelaburan domestik berjumlah RM10.8 billion (40.4%) dan pelaburan asing berjumlah RM15.9 billion (59.6%).

Aktiviti penerokaan minyak dan gas adalah penyumbang utama pelaburan dalam subsektor perlombongan.

PERLADANGAN DAN KOMODITI

Pada tahun 2011, pelaburan berjumlah RM989.5 juta telah diluluskan bagi subsektor perladangan dan komoditi, di mana kesemuanya adalah pelaburan domestik. Sejumlah RM633.5 juta atau 64 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan adalah di dalam pengeluaran minyak sawit.

7 TINJAUAN PELABURAN

Di sebalik krisis hutang yang berterusan di Eropah dan kelembapan pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat, KDNK negara mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.1 peratus bagi tahun 2011 berdasarkan pertumbuhan permintaan domestik yang disokong oleh peningkatan penggunaan swasta dan pelaburan swasta. Perbelanjaan awam dan aktiviti pelaburan juga telah menyokong pertumbuhan ekonomi.

Berdasarkan angka awalan UNCTAD mengenai aliran pelaburan langsung asing global yang dikeluarkan pada 24 Januari 2012, aliran masuk FDI ke Malaysia terus meningkat dengan ketara daripada US\$9.1 bilion pada tahun 2010 kepada US\$11.6 billion pada tahun 2011 yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 27.6 peratus. Malaysia berada di tempat ketiga terbesar sebagai penerima FDI di antara negara-negara ASEAN di rantau ini, selepas Singapura dan Indonesia yang menarik aliran masuk FDI masing-masing sebanyak US\$41 bilion dan US\$19.7 bilion pada tahun 2011.

Daripada perspektif makro, aliran masuk FDI dunia pada 2011 meningkat sebanyak 17 peratus kepada US\$1.5 trillion yang telah melepassi tahap purata sebelum krisis (2005-2007) iaitu US\$1.47 trillion. Ekonomi peralihan dan sedang membangun terus menerima separuh daripada aliran masuk FDI global pada 2011. Ini adalah sebagai tanda tindakbalas terhadap *World Investment Prospect Survey* (WIPS) pada tahun 2011 yang mencadangkan agar ekonomi peralihan dan sedang membangun sebagai destinasi aliran masuk FDI pada tahun-tahun berikutnya. Prestasi keseluruhan Asia Tenggara yang baik turut meliputi negara ASEAN adalah didorong oleh peningkatan yang mendadak terhadap aliran masuk FDI di beberapa buah negara termasuklah Indonesia, Malaysia dan Thailand.

Satu lagi penanda aras prestasi pelaburan Malaysia adalah nilai pelaburan yang diluluskan di dalam ekonomi. Pada tahun 2011, Malaysia menarik jumlah pelaburan bernilai RM148.6 billion dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama berbanding dengan RM105.6 billion pada tahun 2010, yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 40.7 peratus. Pelaburan asing mewakili RM66.3 billion atau 44.6 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, manakala pelaburan domestik meningkat daripada RM61.1 billion pada tahun 2010 kepada RM82.3 bilion pada tahun 2011. Peningkatan pelaburan domestik yang berterusan jelas menunjukkan bahawa agenda pelaburan nasional berada pada landasannya.

Pada tahun 2012, ekonomi global dijangka akan lebih mencabar. Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) menjangkakan penurunan pertumbuhan ekonomi dunia sehingga 3.3 peratus kerana ekonomi Eropah dijangka akan menghadapi sedikit penguncutan ekonomi pada tahun 2012. Ini akan memberi kesan kepada pertumbuhan kedua-dua ekonomi maju dan ekonomi baru muncul serta ekonomi membangun yang didorong oleh limpahan ketara daripada negara Eropah melalui saluran perdagangan dan kewangan. UNCTAD menganggarkan aliran masuk FDI global dijangka akan mengalami peningkatan pada tahun 2012 kepada US\$1.6 trillion berdasarkan kepada risiko dan ketidaktentuan yang masih ada.

Dengan mengambil kira pembangunan ini, Kerajaan akan melaksanakan beberapa langkah untuk menggalakkan aktiviti ekonomi domestik, terutamanya pelaburan awam dan swasta, serta perbelanjaan swasta. Pelaburan awam dan swasta dijangka meningkat masing-masing sebanyak 15.9 peratus dan 7 peratus pada tahun 2012 yang disokong oleh pelaburan langsung yang lebih tinggi dan pelaksanaan ETP dan projek Rancangan Pembangunan Kedua di bawah RMKe-10. Dengan itu, ekonomi Malaysia dijangka akan mampu mengekalkan pertumbuhan di antara 5 hingga 6 peratus pada tahun 2012, yang didorong oleh permintaan

domestik yang kukuh dan aktiviti ekonomi yang dijana oleh projek ETP dan RMKe-10 yang berterusan.

Kerajaan akan terus mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi menggalakkan pelaburan swasta sebagai pemacu utama kepada ekonomi negara. Dalam hal ini, MIDA akan memainkan peranan yang besar dalam mengetuai agenda pelaburan nasional negara dengan strategi pelaburan baru yang dirancang untuk tahun 2012. Sebahagian daripada strategi ini termasuk pendekatan ekosistem dalam menggalakkan pelaburan dan pembangunan industri sasaran; memenuhi keperluan sumber tenaga manusia kepada para pelabur; menjenamakan semula imej Malaysia sebagai satu pusat untuk aktiviti berteknologi tinggi; mengubah landskap pelaburan domestik dan menambahbaik peranan penyelarasan sebagai Agensi Penggalakan Pelaburan Pusat.

8 LAMPIRAN

Lampiran 1
PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN, 2011 DAN 2010

	Bilangan	BNU		Pembesaran/ Perkiraan		jumlah	
		2011	2010	2011	2010	2011	2010
Bilangan	511	53.7	33.5	3.75	846	910	
Peluang Pekerjaan	56,636	47,561	46,887	44,739	100,533	97,319	
Jumlah Modal Pendudukan Dicadangkan (RM juta)	33,029.5	23,694.7	22,937.3	23,282.3	56,036.8	47,177.0	
- Domestik (RM million)	12,933.8	12,143.9	9,014.1	5,916.6	21,937.9	18,120.4	
- Asing (RM million)	20,165.7	11,710.6	13,913.2	17,345.8	34,148.9	29,056.6	

Lampiran 2
PROJEK PERKILANGAN BARU YANG DILULUSKAN MENGIKUT SAIZ MODAL PELABURAN, 2011 DAN 2010

Saiz Modal Pelaburan	2011			2010				
	Bilangan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Aing (RM juta)	Jumlah Modali Pelaburan (RM juta)	Bilangan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Aing (RM juta)	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)
Kurang daripada RM 10 juta	301	969.2	2,074	1,256.6	303	1,004.7	265.7	1,290.4
RM 10 juta - < RM 50 juta	142	1,765.1	986.5	2,751.6	182	3,034.0	1,036.5	4,072.6
RM 50 juta - < RM 100 juta	21	675.3	812.1	1,487.4	14	598.9	348.0	946.9
RM 100 juta - < RM 500 juta	33	3,291.7	3,401.3	6,693.1	26	2,609.5	3,561.3	6,170.8
RM 500 juta - < RM 1 billion	7	2,411.3	2,286.5	4,697.8	8	1,739.6	3,747.0	5,466.7
RM 1 billion & ke atas	7	3,811.2	12,391.8	16,203.1	4	3,197.0	2,730.3	5,927.3
JUMLAH	511	12,923.8	20,165.7	33,089.5	537	12,181.9	11,710.8	23,894.7

Lampiran 3
PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN MENGIKUT INDUSTRI, 2011 DAN 2010

Industri	2011					2010				
	Bilangan	Pekan Tinggi Peterjarian	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Bilangan	Bilangan	Pelaburan Asing (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)
Produk Elektrik & Eletronik	129	42,688	1,357.7	18,703.7	20,061.4	126	29,212	1,451.3	11,842.3	13,293.6
Produk Logam Asas	38	6,653	6,129.3	3,587.4	9,916.7	48	6,901	1,649.6	3,595.5	5,245.1
Kelengkapan Pengangkuhan	110	9,727	4,911.6	1,066.3	5,976.1	90	13,159	2,784.7	745.4	3,530.2
Kimia & Produk Kimia	69	2,926	1,729.5	3,220.6	4,950.1	89	2,224	1,094.6	1,735.6	2,030.2
Pengilangan Makanan	64	5,438	1,125.9	2,567.9	3,693.0	73	4,555	1,224.9	1,215.5	2,440.4
Produk Petroleum (Termasuk Petrokimia)	15	405	1,712.8	968.5	2,681.2	12	618	4,663.5	1,089.4	5,752.8
Produk Galan Bukan Logam	25	1,852	1,099.5	1,464.0	2,563.5	30	3,266	974.7	2,237.4	3,212.1
Produk Logam Fabrikasi	63	4,153	619.8	804.7	1,424.5	73	5,577	1,004.9	1,524.3	2,529.2
Kayu & Produk Kayu	45	3,194	910.7	83.4	994.0	42	3,133	238.9	49.3	268.1
Pengilangan Temera	74	3,936	492.8	251.4	744.2	92	6,653	696.6	1,019.4	1,916.0
Produk Plastik	55	3,032	394.7	271.0	665.7	72	3,691	524.8	255.8	780.6
Produk Gatal	19	4,240	530.3	91.2	629.5	34	6,764	743.0	172.7	915.6
Kertas, Peroduktikan & Penetapan	37	2,160	214.9	318.7	533.6	10	527	224.7	70.0	294.7
Peralatan Pengukuran & Sainsifik	11	1,616	78.1	356.4	434.5	34	3,452	175.7	2,179.8	2,355.6
Perabot & Kelengekan	60	5,479	251.5	54.6	306.1	42	5,163	201.6	241.2	443.0
Tenstil & Produk Tekstil	14	1,356	55.0	236.1	291.1	21	1,389	125.1	500.5	625.6
Minuman & Tembakau	4	149	14.1	25.4	39.5	7	42.4	109.1	2.1	111.2
Pebagai	14	1,531	101.5	77.7	179.2	15	611	32.4	580.5	612.8
JUMLAH	846	100,533	21,937.9	34,146.9	56,086.0	910	97,319	16,120.4	29,054.6	47,177.0

Lampiran 4
PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN DENGAN PELABURAN RM100 JUTA DAN KEATAS, 2011

Industri	Baru			Pembesaran/Pelbagaijan			Jumlah					
	Bilangan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Jumlah Modal Bilangan Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Domestik (RM juta)	Jumlah Modal Bilangan Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Domestik (RM juta)	Jumlah Modal Bilangan Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Domestik (RM juta)	Jumlah Modal Bilangan Pelaburan Domestik (RM juta)			
Produk Elektrik & Eletronik	9	769.8	9,634.5	10,404.2	19	65.2	6,204.4	6,272.6	28	637.9	17,036.9	14,676.8
Produk Logam Asas	8	4,708.6	2,286.3	6,994.9	5	1,217.2	1,149.2	2,366.4	13	5,925.8	3,435.4	9,361.3
Kelengkapan Pengangkutan Kimia & Produk Kimia	10	890.6	568.6	1,459.2	5	3,211.0	250.6	3,469.6	15	4,101.7	827.1	4,920.8
Pengilangan Makanan	4	614.3	2,442.3	3,056.7	3	661.7	331.6	993.3	7	1,276.0	2,773.9	4,049.9
Produk Petroleum & Termasuk Petrokimia	1	-	100.0	4	1,673.9	646.9	2,520.7	5	1,673.9	946.9	2,620.7	
Produk Galian Bulan Logam	3	960.0	1,124.0	2,004.0	1	-	120.0	120.0	4	960.0	1,244.0	2,204.0
Kayu & Produk Kayu	1	652.7	-	652.7	-	-	-	-	1	652.7	-	652.7
Produk Logam Fabrikasi	2	286.2	253.5	539.7	1	-	111.0	111.0	3	266.2	364.5	630.7
Pusatkan Pengakuruan & Sainsifik	1	-	127.5	127.5	1	-	180.0	180.0	2	-	307.5	307.5
Produk Getah	-	-	-	-	1	217.9	23.2	241.1	1	217.9	23.2	241.1
Keras, Percaikan & Penedahan	-	-	-	-	1	-	216.9	216.9	1	-	216.9	216.9
Tekstil & Produk Tekstil	-	-	-	-	1	-	195.0	195.0	1	-	195.0	195.0
Pengilangan Lembut	-	-	-	-	1	129.1	12.8	141.8	1	129.1	12.8	141.8
JUMLAH	47	9,514.2	16,079.7	27,533.9	45	7,179.0	12,117.6	19,246.7	92	16,633.2	30,197.5	46,810.7

Lampiran 5
PROJEK PERTILANGAN BARU DAN PEMBESARAN/PELAGAIAN YANG DILULUSKAN MENGIKUT INDUSTRI, 2011 DAN 2010

Industri	2011					2010				
	Baru	Pembesaran/ Pelbagaian	Jumlah	Baru	Pembesaran/ Pelbagaian	Jumlah	Bilangan	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bilangan	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Barangan Bilangan Pelaburan (RM juta)	Barang Bilangan Pelaburan (RM juta)	Bilangan	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bilangan	Jumlah Pelaburan (RM juta)					
Produk Elektronik & Elektronik	56	11,233.7	73	6,827.7	129	20,061.4	47	3,270.4	29	10,023.2
Produk Logam Asas	22	7,308.6	16	2,600.1	38	9,916.7	37	5,160.0	11	77.2
Kelengkapan Pengangkutan	58	2,034.4	52	3,943.8	110	5,978.1	52	2,145.8	38	1,384.4
Kimia & Produk Kimia	32	3,452.7	37	1,497.3	69	4,950.1	47	1,014.6	42	1,815.6
Pengilangan Makanan	49	2,789.3	15	904.5	64	3,693.8	49	1,335.4	24	1,105.0
Produk Petroleum (Termasuk Petrokimia)	5	124.5	10	2,556.7	15	2,681.2	7	3,752.5	5	2,000.3
Peredek Galian Bukan Logam	15	2,318.5	10	245.0	25	2,563.5	15	945.0	15	2,267.1
Produk Logam Fabrikasi	51	1,098.0	12	326.4	63	1,424.5	59	1,764.1	14	765.1
Kayu & Produk Kayu	36	802.2	9	111.8	45	994.0	30	253.3	12	34.8
Pengilangan Jentera	44	3,60.3	30	382.9	24	744.2	21	1,442.1	21	474.0
Produk Plastik	32	465.9	23	199.8	55	665.7	32	387.4	40	398.2
Produk Gelas	11	197.8	8	431.7	19	629.5	17	282.5	17	633.1
Kertas, Percetakan & Penarikan	22	175.6	15	358.0	37	531.6	6	273.8	4	20.9
Peralatan Pengukuran & Sainsifik	5	178.6	6	255.9	11	434.5	15	820.9	19	1,526.7
Peribot & Kelempapan	51	231.1	9	75.0	60	306.1	29	281.6	13	161.5
Tekatil & Produk Tekatil	8	59.8	6	231.1	14	291.1	10	135.0	11	490.6
Minuman & Tembakau	3	39.5	1	0.0	4	39.5	5	19.8	2	91.4
Pelegai	11	138.9	3	40.3	14	179.2	9	599.5	6	13.3
JUMLAH	511	33,080.5	335	22,997.3	846	56,086.8	537	23,894.7	373	23,292.3
									910	47,177.0

Lampiran 6

PROJEK PERKILANGAN YANG DIULUSKAN DENGAN PENYERTAAN MAJORITY RAKYAT MALAYSIA* MENGIKUT INDUSTRI , 2011 DAN 2010

Industri	2011						2010					
	Ramu			Rambutan/ Pitaya			Ramu			Peratusan/ Pembagian		
	Bilangan	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bilangan Pelaburan (RM juta)	Bilangan	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bilangan	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bilangan	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bilangan	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bilangan
Produk Logam Asas	13	5,411.9	12	1,503.3	25	6,915.2	27	2,038.0	10	55.5	37	2,093.5
Kelenggapan Pengangkuhan	50	1,250.6	43	3,574.7	93	4,025.2	46	1,600.9	31	1,103.6	77	2,944.5
Kimia & Produk Kimia	25	866.3	23	918.3	46	1,804.6	38	653.9	24	336.0	62	989.9
Produk Elektrik & Eletronik	31	1,265.9	21	301.9	52	1,567.8	36	655.3	20	460.1	56	1,115.4
Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)	3	20.6	4	1,354.0	7	1,374.6	4	2,472.0	2	1,655.0	6	4,120.9
Produk Caiian Buah dan Logam	8	1,080.2	4	9.6	12	1,050.8	12	552.3	6	128.5	18	980.8
Pengilangan Makanan	37	1,032.5	4	46.4	41	1,079.0	39	840.5	18	422.4	57	1,270.9
Kayu & Produk Kayu	30	846.9	8	84.4	38	931.3	26	218.2	11	28.6	37	246.8
Produk Logam Falsifiasi	36	570.2	6	95.2	42	665.4	47	425.6	8	647.5	55	1,077.1
Produk Gelas	8	130.5	7	430.4	15	560.9	13	197.7	14	600.6	27	798.3
Pengilangan Jeneta	31	219.4	16	284.4	47	503.8	54	898.9	9	30.0	63	920.9
Produk Plastik	25	263.2	9	67.6	34	320.8	25	203.6	24	244.5	49	520.1
Perabot & Kekelengkapan	46	199.1	8	53.8	54	252.9	24	127.5	9	72.0	33	199.5
Kertas, Percetakan & Penerbitan	14	110.2	7	110.3	21	220.5	4	232.1	1	0.9	5	233.1
Peralatan Pengukuran & Sainsifik	3	22.1	3	45.8	6	67.9	8	165.4	10	20.4	18	185.8
Tekstil & Produk Tekstil	4	21.9	3	30.1	7	52.0	7	78.3	4	46.3	11	124.6
Mirumain & Terbalau	1	5.0	1	0.0	2	5.0	4	17.1	2	91.4	6	108.5
Pelbagai	7	96.7	-	-	7	96.7	7	23.6	2	11.0	9	34.6
JUMLAH	372	13,444.2	179	8,910.1	551	22,354.3	421	11,932.9	205	6,034.3	626	18,077.2

* Projek/projek dengan nilai diuluskan oleh rakyat Malaysia melebihi 50 peratus

Lampiran 7
PROJEK YANG DILULUSKAN BAGI INDUSTRI SOKONGAN KEJURUTERAAN MENGIKUT SUBSEKTOR, 2011

Subsektor	Baru			Pembesaran/Pelbagai			Jumlah		
	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Acuian, Alatan & Deli	12	59.0	64.2	123.2	3	-	92.4	92.4	15
Pemesinan	14	41.4	55.1	96.5	2	4.6	1.2	5.7	16
Hentikan Logam	2	10.6	20.8	31.4	-	-	-	-	2
Pembentukan Logam	2	13.8	4.3	18.1	-	-	-	-	2
Kepjuntaaan Permukaan	5	16.2	68.4	84.6	1	31.3	-	31.3	6
Penempaan	1	0.0	86.7	86.7	-	-	-	-	1
JUMLAH	36	141.0	299.6	440.7	6	35.8	93.6	129.4	42
								176.9	393.2
									570.1

Lampiran 8
PROJEK YANG DIULUSKAN BAGI INDUSTRI ELEKTRIK & ELEKTRONIK MENGIKUT SUB-SEKTOR, 2011

Subsektor	Baru			Peninjauan/Pelbagai			Jumlah					
	Bilangan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bilangan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bilangan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)		
Elektronik Pengguna	1	326.2	326.2	11	1,519.0	1,519.0	12	-	1,847.3	1,847.3		
Komponen Elektronik	18	3,605.6	2,101.8	2,462.4	26	115.4	4,616.1	4,733.5	44	476.0	6,719.9	7,195.9
Elektronik Perindustrian	11	14.6	212.7	227.3	16	26.0	1,040.6	1,066.6	27	40.6	1,253.3	1,293.9
Produk Elektrik	26	734.7	7,481.0	8,215.7	20	106.3	1,402.2	1,508.5	46	841.0	8,883.2	9,724.2
JUMLAH	54	1,110.0	10,123.7	11,233.7	73	267.7	8,580.0	8,827.7	129	1,357.7	16,793.7	20,061.4

Lampiran 9

**PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN DENGAN PENYERTAAN ASING
MENGIKUT SUMBER, 2011 DAN 2010**

Negara	2011		2010	
	Bilangan	Pelaburan Asing (RM)	Bilangan	Pelaburan Asing (RM)
Jepun	77	10,101,843,184	61	4,029,364,662
Korea Selatan	10	5,185,122,961	7	199,242,514
Amerika Syarikat	21	2,508,973,082	47	11,738,585,537
Singapura	88	2,477,713,827	81	2,156,733,013
Arab Saudi	1	2,170,930,000	1	1,582,188
Jerman	13	1,951,184,609	16	1,936,669,154
Taiwan	23	1,394,403,650	41	1,255,894,186
China	20	1,194,224,823	20	639,534,090
Belanda	14	1,010,043,358	13	934,583,868
Indonesia	4	692,522,338	9	12,729,895
Kanada	7	449,131,105	1	27,970,000
Hong Kong	10	394,929,855	11	2,766,457,013
Switzerland	5	353,530,245	5	574,151,271
Kepulauan Cayman	5	346,981,038	1	40,600,000
Australia	17	290,530,077	13	68,582,702
Sweden	6	276,194,146	6	21,971,152
Turki	1	270,000,000	-	-
India	5	247,558,022	12	49,922,630
Thailand	3	241,533,800	5	159,519,699
United Kingdom	11	240,673,279	16	328,684,529
Perancis	5	177,455,180	5	210,392,878
Lain-Lain	99	470,844,457	50	1,594,687,875
JUMLAH	***	34,148,867,413	***	29,056,604,806

*** Bilangan projek-projek yang diluluskan tidak dijumlahahkan bagi mengelakkan pengiraan dua kali.

Lamiran 1C
PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN MENGIKUT NEGERI, 2011 DAN 2010

Negeri	2011						2010					
	Bers	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bilangan Pelajar	Jumlah Pelajar	Bers	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bilangan Pelajar	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bilangan Pelajar	Jumlah Pelaburan (RM juta)	
Pulau Pinang	61	4,482.1	483	4,618.8	169	9,060	64	2,385.0	64	9,322.3	123	14,293.0
Selangor	171	4,381.8	92	4,357.4	243	8,741.1	207	4,354.9	118	6,266.9	325	16,641.8
Sarawak	29	8,172.0	14	281.3	43	3,451.4	26	3,488.8	17	4,563.1	43	3,945.0
Sabah	134	2,854.9	84	3,729.7	148	6,584.6	94	5,559.5	73	19,055.5	172	7,454.9
Ketak	23	4,695.1	19	1,439.9	42	6,136.0	28	291.7	21	16,683.3	49	1,950.6
Negeri Sembilan	24	4,510.8	14	12,945	18	5,905.4	17	591.5	18	6,991.1	35	1,292.6
Malaka	22	633.9	17	3,723.9	39	4,263.7	16	805.6	21	7,455.5	37	1,631.1
Pahang	11	1,220.8	14	1,817.2	25	3,036.0	7	979.9	5	583.3	13	1,038.7
Terengganu	7	57.0	8	1,335.7	15	1,394.7	7	622.1	2	1,665.0	9	2,337.9
Perak	20	340.2	10	1,415	10	944.9	33	2,754.4	16	2,753.1	49	3,019.7
Sabah	20	845.4	7	75.6	27	921.4	29	1,227.1	10	56.4	39	1,325.6
Kuala Lumpur	15	174.7	4	1,330	9	107.6	4	55.0	-	-	4	55.0
Belantan	1	63.0	4	48.6	5	126.6	3	139.0	2	30.5	5	159.6
Perlis	3	23.2	-	-	3	23.3	1	31.4	-	-	1	31.4
Lahad	-	-	-	-	-	-	1	14.3	-	-	1	14.3
JUMLAH	511	13,009.5	335	22,973	846	56,486.8	537	23,894.7	373	23,212.3	910	45,177.0

Lampiran 11
PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN MENGIKUT KORIDOR EKONOMI, 2011 DAN 2010

Koridor Ekonomi	2011		2010	
	Bilangan	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bilangan	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER*)	154	15,265,343,555	178	14,230,004,975
Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER*)	45	4,559,259,165	27	3,536,224,111
Koridor Pembangunan Sabah	27	921,423,709	39	1,325,610,677
Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE)	26	8,23,0,506,462	27	3,033,466,969
Wilayah Pembangunan Iskandar	124	5,67,8,63,2,914	112	2,905,687,484
TOTAL	376	34,655,245,003	383	25,051,024,416

* NCER termasuk negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang & Bahagian Utara Perak.

ECER termasuk negeri Negeri Sembilan, Terengganu, Pahang & Daerah Mersing di Johor.

Lampiran 12
PELAJURAN SWASTA WANG DIILUUSKAN DALAM EKONOMI MALAYSIA, 2011 DAN 2010

Sektor	2011*		2010	
	Bilangan	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Bilangan	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Utama*	161	26,174.1	137	21,661.5
Pembakar	0.45	56,003.0	910	47,177.0
Peliharaan*	3,957	64,351.5	1,300	36,741.5
	10,171	148,528.7	4,368	105,581.0

* Sumbangan pelabur an dalam sektor utama dan perkhidmatan merupakan data sementara.

